

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.
(Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali, P.P.T.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil Bin Sabiis
Encik Jamil Hasib Bin Abd Karim
Encik Mohd Redzuan Bin Adam
Encik Nilam Mesra Mansur Bin Osman

Pelapor Perbahasan

Encik Mohd Saifulnizam Bin Hasmawi

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualakum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Aturan Mesyuarat Urusan Mesyuarat bagi Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Bermula pada 4 September 2018 dimulakan dengan Bacaan Doa.

Bacaan Doa.

TUAN SPEAKER: Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah di atas perlantikan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor. Tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat :

(1) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2018

- Rang Undang-undang Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018.
- Rang Undang-undang Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018.

(2) Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2018

- Laporan Tahunan 2016 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Mesyuarat seterusnya Pemasyhuran daripada Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya dengan ini telah menerima surat daripada Barisan Nasional Negeri Selangor pada 27 Jun 2018 untuk mencalonkan seorang Ketua Pembangkang, calon Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Memandangkan di dalam Dewan Negeri Selangor Penggal yang Ke-14 ini, majoritinya pembangkang adalah daripada Barisan Nasional, maka dengan ini saya memasyhorkan Yang Berhormat Tuan Rizam bin Ismail, Ahli Dewan Negeri Sungai Air Tawar sebagai Ketua Pembangkang. Tahniah diucapkan. Diharapkan Ketua Pembangkang yang telah dilantik dan dipersetujui ini dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik, semak dan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

imbang dengan baik dan yang pentingnya jangan letak jawatan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya persilakan Setiausaha.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Dipersilakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor satu (1)

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Bukit Lanjan. Tuan Speaker, pada masa ini tiada rundingan diadakan di antara kedua-dua pihak kerajaan kerana projek tersebut masih ditangguhkan untuk semakan dan kajian semula pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, di peringkat Kerajaan Negeri Selangor, tiada sebarang kelulusan dimuktamadkan bagi pelaksanaan bagi projek ECRL yang melibatkan sebahagian kawasan di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sekiranya projek ini diputuskan untuk diteruskan pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan, pihak MRL perlu mematuhi syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan dengan mengambilkira beberapa perkara yang berikut, seperti berikut:

- (1) Kerajaan Negeri meminta supaya jajaran laluan ECRL dibina sejajar dengan Lebuhraya Karak sedia ada secara a-level third di bahagian yang terlibat dan perkhidmatan kuasa.
- (2) Perlu membuat penyelesaian berhubung penempatan orang asli di Gombak.
- (3) Kawasan Hutan Simpan dan kawasan rizab melayu terutamanya berhampiran IKT perlu diberi perhatian dengan menyediakan pelan atau langkah tindakan seperti *plan sorting*.
- (4) Menangani dan menyelesaikan isu-isu berkaitan aduan penduduk kampung yang terlibat dari masa ke semasa.
- (5) Pihak MRL perlu mendapatkan kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya mengemukakan permohonan perundingan projek dibawah Seksyen 20A Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.

Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Silakan.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya ingin tanya Kerajaan Negeri, pernahkan Kerajaan Negeri mengkaji kebaikan ataupun keburukan dengan izin *pros* dan *con* projek ECRL ini khasnya untuk Negeri Selangor.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Saya rasa, soalan ini terlalu awal bagi Kerajaan Negeri untuk menjawab kerana sehingga masa ini masih tiada lagi keputusan daripada Kerajaan Persekutuan maka Kerajaan Negeri perlu tunggu keputusan dulu sebelum kita boleh buat perbincangan seterusnya.

TUAN SPEAKER: Sementa

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 3.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan saya. Tuan, soalan nombor 2. Banting. Banting.

TUAN SPEAKER: Silakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 2, Banting.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Speaker Dewan Negeri, pertamanya saya memohon izin untuk memberikan sedikit lebih masa kerana saya akan menjawab soalan Banting yang bernombor 2 bersama dengan soalan nombor 56 Bukit Gasing, 143 Sungai Burong, 173 Sijangkang, 174 Sementa dan 177 Rawang. Oleh sebab yang demikian saya akan menyentuh perkara-perkara yang akan dibangkitkan nanti sedikit sebanyak akan menjawab dan merungkai persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Bukit Gasing, Rawang, Sementa dan Sungai Buloh telah membangkitkan berkenaan dengan status pengambilalihan SPLASH. Dalam memuktamadkan rangka penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 3 haribulan Ogos 2018, Kerajaan Negeri melalui pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. telah mengemukakan Surat Tawaran Rasmi Pengambilalihan kepada wakil pemegang saham SPLASH yang terdiri daripada GAMUDA 40%, The Sweet Water Alliance (PSWA) 30% dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS) 30%. Tawaran pengambilalihan tersebut telah diterima dan dipersetujui oleh pemegang-pemegang saham SPLASH pada ketika ini. Air Selangor dan SPLASH Holding sedang merundingkan terma-terma dan syarat bagi perjanjian jual beli saham yang dijangka akan dimuktamadkan pada 14 September 2018. Seterusnya, Yang Berhormat Bukit Gasing, Banting, Sungai Burong, Sijangkang ingin tahu berkenaan dengan nilai pengambilalihan yang ditawarkan kepada SPLASH, kaedah pembayaran kepada SPLASH dan keupayaan Air Selangor untuk membuat pembayaran mengikut jadual yang telah dipersetujui. Untuk makluman kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMKN) pada 1 Ogos 2018 telah

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

menimbang dan meluluskan penyelesaian pelaksanaan pengambilan SPLASH berdasarkan kepada rundingan dan persetujuan yang telah dicapai bersama antara Kerajaan Negeri Selangor, Air Selangor dan Pemegang Saham SPLASH.

- (1) Nilai pengambilalihan SPLASH yang telah dipersetujui adalah berjumlah RM2.55 billion iaitu bersamaan dengan jumlah yang telah diberikan diskaun sebanyak 28% berdasarkan nilai buku bersih ataupun *netbook value SPLASH* yang telah mengambil kira asset dan liabiliti SPLASH pada 30 Jun 2018 adalah sebanyak RM3.54 billion.
- (2) Pindaan kepada perjanjian-perjanjian penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya oleh pihak-pihak kepada perjanjian dengan mengambil kira perkara berikut:
 - (i) Pembiayaan tambahan Kerajaan Persekutuan melalui PAB yang bagi pengambilalihan SPLASH; dan
 - (ii) Persetujuan terkini pihak-pihak kepada perjanjian terhadap obligasi di bawah perjanjian utama dan seperti penamatan perjanjian konsesi Syarikat Bekalan Air Selangor Sendirian Berhad (SYABAS).

Yang Berhormat Banting, Rawang, Sungai Burong dan Sijangkang ingin tahu bagaimana nilai pengambilalihan SPLASH ditentukan dan adakah Air Selangor berupaya membayar ansuran yang mengikut jadual. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam menentukan nilai yang munasabah untuk pengambilalihan SPLASH, Kerajaan Negeri Selangor pada 13 Julai 2015 telah melantik RHB Investment Bank Berhad atau RHB untuk membuat penilaian terhadap SPLASH. RHB telah menilaikan SPLASH diantara RM2.488 billion sehingga RM3.204 billion berdasarkan mengambil kaedah nilai buku bersih ataupun *netbook value SPLASH* pada 31 Mac 2015 dan kaedah pengambilan nilai pendapatan masa depan yang di diskaun kepada *discounted cash flow*. Sebab itu ada angka 2.48 iaitu pada *netbook value* dan ada angka 3.24 berdasarkan *discounted cash flow* ataupun DCF. Walaupun Kerajaan Negeri telah melantik RHB sebagai penilai bebas bagi pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan pada waktu itu melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETHA) memakumkan bahawa Jemaah Menteri pada 5 Oktober 2016 berpandangan bahawa pihak penilai bebas antarabangsa perlu dilantik bagi menilai dan mencadangkan nilai pengambilalihan SPLASH secara adil. Selepas dilantik pada 5 Oktober 2016, pada 5 Julai 2018 barulah kerajaan persekutuan melalui KETHA (yang namanya sekarang Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli) telah memaklumkan hasil dapatan yang dibuat oleh pihak penilai bebas dan mengesahkan bahawa nilai pengambilalihan SPLASH berjumlah RM2.7 billion dan merupakan nilai yang wajar untuk diambilkira.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Setelah menerima surat daripada pihak KETTHA, kerajaan negeri telah mengemukakan semula rundingan dengan pihak SPLASH pada 19 Julai 2018. Setelah rundingan lebih lanjut diadakan, pihak Gamuda dan TSWA, pemegang-pemegang saham Splash Holding pada 27 Julai telah bersetuju secara prinsipnya dengan pengambilalihan SPLASH dan Air Selangor dengan nilai pengambilalihan berjumlah RM2.55billion iaitu bersamaan dengan diskaun sebanyak 28% berdasarkan *netbook value* SPLASH pada 30 Jun 2018. Mengenai kaedah pembayaran SPLASH, ia akan dilaksanakan seperti berikut. Pertama, bayaran pendahuluan sebanyak RM1.9billion setelah memenuhi syarat-syarat terdahulu ataupun *conditional president*, penggunaan pembiayaan kerajaan persekutuan melalui PAAB.

Yang Berhormat sekalian,

Kerajaan negeri mempunyai tiga aset. Aset ini akan diserahkan kepada PAAB, PAAB akan memberikan peruntukan sebanyak RM1.9billion dan RM1.9billion ini akan digunakan untuk mengambil alih SPLASH.

Ahli Yang Berhormat sekalian,

Kemudian tiga aset ini akan dipanjkkan kepada pihak kerajaan negeri selama 45 tahun dan kita akan membayar sekitar RM9juta satu tahun di mana nilai itulah yang akan kita dapat balik atau eh RM9juta satu bulan dan nilai itulah yang kita akan dapat balik selepas 45 tahun kemudian. Kemudiaanya, pembiayaan baki sebanyak RM650juta akan dibuat secara ansuran sama rata ataupun *equal installment* sepanjang 9 tahun dengan bayaran RM72.22juta setahun oleh Air Selangor. Banting dan Sijangkang mengambil berat berkenaan dengan pengambilan SPLASH terhadap tarif dan Program Pemberian Air Percuma. Matlamat pengambilalihan semula industri perkhidmatan bekalan air adalah untuk mengambil alih operasi rawatan dan pengagihan bekalan air daripada syarikat-syarikat pemegang konsesi air sedia ada untuk menguruskan secara holistik. Namun begitu, kita juga mengambil maklum untuk pengurusan ini kita terpaksa akan menampung *capax* dan *opax* dan justeru itu pihak kerajaan negeri menganggap bila sampai masa yang sesuai, kita harus menilai semula pelaksanaan Program Air Percuma dan Tarif Air supaya ia tidak membebankan kerajaan negeri dan dalam masa yang sama pihak kerajaan negeri mengekalkan prinsip '*sebarang tindakan dan keputusan berkenaan dengan tarif air akan melihat kepada kemampuan dan keupayaan rakyat supaya tidak membebankan rakyat di masa depan*'. Buat masa ini, kita akan mengekalkan Program Air Percuma dan tidak ada sebarang kenaikan tarif air untuk memastikan kejayaan dan kemaslahatan rakyat dapat dijaga dan dipelihara. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang, sila.

Y.B DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Ini bermakna kerajaan negeri mendapat kelulusan daripada kerajaan pusat melalui PAAB melebihi daripada jumlah

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

yang telah diluluskan sebelum ini. Dan disebutkan oleh YAB Dato' Menteri Besar tadi bahawa kita akan membayar RM7juta setiap bulan/sebulan. Maknanya ini adalah juga daripada sumber kewangan kerajaan negeri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kita perlu menjelaskan persoalan ini daripada awal. Kita perlu meletakkan di peringkat awal, pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri meletakkan syiling RM2billion sebagai penyelesaian menyeluruh terhadap pengambilalihan industri air negeri Selangor. Sampai ke beberapa peringkat, akhirnya satu ketika kerajaan negeri pada ketika itu telah membuat keputusan untuk menyelesaikan dengan SYABAS, ABAS dan Puncak Niaga dan meninggalkan SPLASH. Hasil daripada penyelesaian itu, berbaki sebanyak RM250juta. Dengan sedikit izin saya ingin menyebutkan bahawa pengumuman bahawa baki RM250juta itu bukanlah nilai SPLASH yang telah dipersetujui. Sebaliknya ia hanyalah baki daripada nilai RM2billion yang telah ditetapkan pada anggaran pihak kerajaan negeri dan kerajaan pusat di peringkat awal tentang perbincangan dan penyelesaian isu air Selangor. Dan selepas itulah, baru kita menilai balik secara adil dan saksama dan ia telah dipersetujui juga oleh kerajaan pusat kerana kerajaan pusat akhirnya setelah melantik pada tahun 2016, pada Julai 2018 baru mengesyorkan dan mencadangkan jumlah yang telah dinilai ataupun yang telah mereka buat oleh penilai bebas yang telah dilantik oleh Kementerian Teknologi Hijau dan Air pada sebelum ini. Justeru itu, saya nak betulkan ia bukanlah nilai yang dipersetujui yang disebut RM250juta. Yang kata RM250juta yang air meningkat 10 kali ganda itu, itu hanyalah propaganda kerana ia hanyalah baki daripada nilai RM2billion yang ditetapkan. Justeru, pada hari ini kerajaan negeri harus menambah terma-terma dalam *master agreement* penstrukturan air ini untuk memastikan nilai itu ditambah daripada RM2billion keseluruhan kepada tambahan RM2.55billion yang disebutkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Untuk soalan seterusnya, berkenaan dengan RM9juta sebenarnya ya Yang Berhormat dengan RM650juta nilai lebih yang kita eh RM9juta yang kita patut bayar kepada pihak kerajaan pusat ataupun kepada PAAB atas sewaan pada bangunan yang kita buat, itu akan dibiayai sepenuhnya oleh Air Selangor dan pihak kerajaan negeri tidak akan menggunakan tabungan kita untuk membantu penyelesaian tersebut kerana untuk memberikan pinjaman RM1.9billion itu, pihak PAAB harus melihat model bisnes atau *business model* air Syarikat Air Selangor, Syarikat Suruhanjaya Perkhidamatan Air (SPAM) juga akan mengambil dan melihat unjuran-unjuran model perniagaan air Selangor. Selepas mereka puas hati, barulah mereka akan meluluskan pinjaman ataupun peruntukan RM1.9billion selepas kita *surrender* tiga aset-aset yang ada pada pihak kita. Justeru, *insya Allah* ia tidak akan membebaskan *coppers* ataupun tabungan negeri, sebaliknya ia datang daripada Pengurusan Air Selangor.

Terima kasih.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Dengan pengambilalihan SPLASH ini, adakah lesen operasi air kepada Air Selangor ini telah diperolehi ataupun bila kita jangka akan mengambil alih lesen operasi air terawat?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Ya, kita akan dapat lesen tersebut dan ini adalah salah satu daripada syarat untuk kita melengkapkan proses ini dan tidak bererti kalau kita tidak selesaikan penstrukturan ini, kita tidak dapat lesen.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Perlu saya sebutkan, dengan penyelesaian ini bermaksud bahawa segala urusan air di negeri Selangor akan diletakkan di satu induk iaitu di bawah urusan Air Selangor. Dengan itu, proses pemantauan, pengurusan dan sebagainya juga akan dapat kita tangani dengan baik dan saksama. Saya nak sebut tambahan ya. Kalau kita bimbang tentang kenaikan kos dan sebagainya yang mungkin ada beberapa isu, tapi ada beberapa perkara yang saya nak *highlight* kan di sini. Kalau sebelum ini, kerajaan negeri harus membayar untuk BSR, untuk membeli air-air terawat dengan harga sebanyak RM1.37 untuk setiap liter air terawat yang kita dapat ya. Namun begitu, dengan pengambilalihan ini maknanya kita akan dapatkan air terawat dengan kadar harga kos pengurusan air terawat sahaja kerana SPLASH telah dimiliki oleh kerajaan negeri dan kita tidak perlu membayar harga yang tinggi kerana selepas pengambilalihan ini, kerajaan negeri hanya perlu membayar sekitar RM0.44 sehingga RM0.46 bagi setiap air terawat berbanding RM1.37 yang dikenakan SPLASH kepada Air Selangor sebelum proses penstrukturan ini dimuktamadkan.

Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting. Saya persilakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya kira isu ini adalah satu perkembangan yang menarik dan positif untuk kita kerana isu ini telah terlalu lama dipolitikkan. Tapi apa yang disebutkan oleh YAB Menteri Besar tadi ialah kepercayaan penstrukturan semula ini amat bergantung kepada penglibatan PAAB di mana mereka perlu menilai kembali *business model* Air Selangor sebelum mereka boleh memuktamadkan pembiayaan RM1.9billion itu. Maksudnya ianya masih tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Apakah tempoh masa dan juga *mouth tone* yang perlu dicapai oleh kedua-dua pihak dalam mencapai untuk memenuhi terma penstrukturan semula ini dan adakah kemungkinan bahawa ianya akan menemui satu lagi jalan buntu di mana titik-titik tertentu tidak dapat dimuktamadkan dan akhirnya pembiayaan RM1.9billion ini akan mungkin akan gagal atau tidak dapat dicapai sepenuhnya?

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya melihat memang kita harus mematuhi dan memenuhi permohonan dan permintaan dan juga penilaian yang akan dilaksanakan oleh PAAB. Saya nak jelaskan, tiga aset yang kita akan *surrender* (SSP 2, SSP 3 dan SSP 3 Rasa). Dan SSP 2, SSP 2 Bukit Badong dan SSP 3 Rasa ini memang telah dinilai sebanyak RM1.9billion. Cumanya penilaian yang akan dibuat oleh PAAB, adakah *business model* kita itu menepati dan berkemampuan untuk kita membayar RM9juta satu bulan kepada PAAB dalam tempoh 45 tahun untuk memastikan kita dapat mengambil alih balik pengurusan ataupun pentadbiran ketiga-tiga aset yang kita *surrender* tadi. Itu hanya pasal pengambilalihan. Tapi soal pengeluaran duit selepas kita *surrender*, saya kira tidak menjadi masalah besar. Ia hanya terletak kepada Pengurusan Air Selangor meyakinkan mereka membolehkan bayar terhadap nilai RM1.9billion yang didahulukan oleh PAAB.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Saya berikan yang terakhir kepada Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya kepada kerajaan negeri adalah apa penyelesaian kepada beberapa kes-kes saman yang telah difailkan di mahkamah oleh syarikat-syarikat konsesi air selepas 3 Ogos ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih YB Bukit Lanjan. Saya lupa juga membangkitkan dan terima kasih juga kerana memberikan peluang ini untuk saya menjelaskan. Pertamanya, dalam penstrukturan dan penyelesaian dengan SPLASH ini secara tidak langsung kita juga mampu menyelesaikan tunggakan dan juga permintaan hutang yang perlu ditanggung oleh Air Selangor iaitu SYABAS sebelum ini kepada Syarikat SPLASH. Nilai hutang itu ialah sebanyak RM4.7billion. dan dengan penstrukturan ini, hutang itu secara tidak langsung akan *waved* (dengan izin) ataupun terhapus dan kita dapat menjimatkan sekitar RM4.7billion walaupun dalam masa yang sama kita harus menanggung beberapa liabiliti lain hutang yang nilainya jauh lebih rendah. Jadi secara keseluruhannya, kalau saya bandingkan walaupun ada angka daripada peningkatan tertentu namun dengan kos yang lebih rendah, dengan kita berjaya *waved* dalam penyelesaian perbincangan tersebut, nilai RM4billion tadi secara keseluruhannya ia memberi manfaat dan sebenarnya ia harus ditanggung selepas ini oleh Air Selangor dan pihak pengurusan negeri untuk memastikan pengurusan yang cekap dan pentadbiran yang mampan untuk memastikan perkhidmatan yang baik dan kos yang mampu milik di kalangan rakyat dan masyarakat.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sebelum saya teruskan untuk soalan berikutnya, saya ingin memberi tahu dan memperingatkan semua Ahli-ahli Dewan Negeri bahawa air tidak

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

dibenarkan dibawa masuk untuk minum seperti apa yang saya nampak YB Ketua Pembangkang. Air itu perlu dikeluarkan ya. Ini untuk ingatan hanya Menteri Besar sahaja saya benarkan. Yang lain tidak dibenarkan. Itu yang pertama.

Yang kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga para pemerhati sila padamkan ataupun matikan telefon bimbit anda sebelum mewujudkan pelbagai bunyi-munyi yang saya dengar tadi. Saya akan ambil tindakan terhadap mereka ya. Sila ambil maklum ya.

Saya persilakan soalan seterusnya daripada YB Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 3.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sementa. Untuk soalan nombor 3, saya akan menjawab bersekali dengan soalan 115 daripada YB Hulu Bernam mengenai HFMD.

TUAN SPEAKER : Minta ambil maklum ya YB Exco Sri Serdang.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ya.

TUAN SPEAKER : Saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, kita mengenal Ahli-ahli Yang Berhormat ini sebagai 'Yang Berhormat', ada sebarang YB-YB ni saya akan tegur ya. Yang Berhormat, silakan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Mengenai jumlah kes HFMD ataupun *hand food mouth deceased* yang dilaporkan di Selangor bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 30 Ogos 2018 adalah 16,202 kes. Daerah Petaling, Hulu Langat dan Gombak merupakan tiga daerah yang mempunyai bilangan kes yang tinggi. Saya beri jumlah-jumlah kes ini mengikut daerah.

| BIL | DAERAH | BILANGAN KES HFMD |
|-----|----------------|-------------------|
| 1 | Petaling | 5,952 |
| 2 | Hulu Langat | 3,218 |
| 3 | Gombak | 2,507 |
| 4 | Klang | 1,297 |
| 5 | Kuala Langat | 1,067 |
| 6 | Kuala Selangor | 672 |
| 7 | Hulu Selangor | 705 |
| 8 | Sepang | 458 |
| 9 | Sabak Bernam | |

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER: Saya minta semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, kita mengenal Ahli-Ahli Yang Berhormat ini sebab sebagai Yang Berhormat, ada sebarang YB-YB ini saya akan tegur. Ya, Yang Berhormat ya. Silakan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih YB Tuan Speaker, mengenai jumlah kes HFMD ataupun Hand, Food, Mouth Disease yang dilaporkan di Selangor bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 30 Ogos 2018 adalah RM16,202 kes. Daerah Petaling, Hulu Langat dan Gombak merupakan 3 Daerah yang mempunyai bilangan kes yang tinggi. Saya beri jumlah-jumlah kes ini mengikut daerah. Petaling, (5,952), Hulu Langat, (3,218), Gombak, (2,507), Klang (1,297), Kuala Langat, (1,067), Kuala Selangor, (672), Hulu Selangor, (705), Sepang, (458), Sabak Bernam (326) dan ini berjumlah 16,205. Sebanyak 95.4% kes adalah berumur bawah pada 15 tahun. Pada tempoh yang sama, sebanyak 168 kluster HFMD telah dilaporkan, ia dilaporkan berlaku di rumah persendirian sebanyak 79 kluster, 82 wabak berlaku di institusi, taska, tadika, pusat jagaan kanak-kanak dan 7 melibatkan Sekolah Rendah. Ke semua taska, tadika, pusat jagaan kanak-kanak yang terlibat telah ditutup sementara untuk pembersihan serta tindakan disinfeksi premis. Hanya beberapa kelas dari 2 sekolah ditutup dan tiada sekolah yang ditutup seluruhnya. Seterusnya soalan yang ditanya langkah penjagaan dan pencegahan kawasan yang boleh dilakukan adalah :-

1. Ibu bapa dinasihatkan membawa anak segera ke mana-mana fasiliti kesihatan yang berhampiran sekiranya mempunyai gejala HFMD.
2. Ibu bapa, pengusaha premis, jagaan kanak-kanak dan guru-guru sekolah perlu memastikan :
 - i. Penjagaan kebersihan diri ataupun *personal hygiene* kanak-kanak termasuk amalan mencuci tangan.
 - ii. Penjagaan kebersihan persekitaran termasuk nyah kuman, permukaan seperti lantai, tandas dan meja.
 - iii. Pengusaha-pengusaha pusat jagaan kanak-kanak perlu mengadakan saringan di pintu-pintu masuk ataupun *gate keeping* bagi memastikan hanya kanak-kanak yang tiada tanda-tanda jangkitan HFMD dibenarkan memasuki premis.
 - iv. Pengusaha pusat jagaan dan ibu bapa boleh memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran sekiranya terdapat kanak-kanak yang dijangkiti gejala seperti ulser, demam dan ruam.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Sekian, terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya ingin bertanya, apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan satu SOP ya kepada setiap pra-sekolah dan tadika bagi mematuhi perkara ini untuk mengelakkan penyakit HFMD ini melarat. Terima kasih.

Y.B .PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Ok, secara umumnya kita kena ketahui pertama penyakit HFMD ini endemic. Dia ada dalam masyarakat kita ya dan oleh kerana virusnya adalah 2 jenis virus. 1 Coxsackie dan 1 lagi Enterovirus. Jadi kita lihat bahawa ia adalah sukar untuk dibasmikan ataupun dicegah sekiranya tidak ada pencegahan dari segi kebersihan diri. Jadi, diantara perkara yang kami telah bersetuju dengan JKM adalah supaya semua pusat-pusat taska dan dimana anak-anak ini berhimpun, penjagaan supaya mereka mengadakan tempat-tempat basuhan tangan sebelum masuk ke dalam sekolah, atau ke dalam premis yang diantaranya. Kedua, adalah supaya premis-premis di mana kanak-kanak berhimpun untuk bermain seperti di pusat-pusat beli-belah dan sebagainya, pihak pengurusan bangunan perlu melakukan disinfeksi kepada tempat-tempat ini secara harian. Itu sahaja, terima kasih. YB Yang Dipertua.

TUAN SPEAKER : Ya, saya persilakan Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya Nombor 4.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya ingin menjawab soalan ini yang (a) dan (b) bersekali. Secara keseluruhannya, negeri Selangor mempunyai 117 buah tapak kubur selain Islam. Jumlah ini termasuk tapak bersepadu yang menempatkan pelbagai agama di dalam satu lot atau bidang tanah. Tapak kubur selain Islam terletak dibidang kuasa setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Walaubagaimanapun, terdapat juga tapak kubur yang disediakan dan diselenggara oleh pihak swasta dan persatuan-persatuan keagamaan yang berkaitan. Secara kesimpulannya. Tapak-tapak rumah ibadat selain Islam pada masa , tapak-tapak kubur selain Islam pada masa ini mencukupi dan boleh menampung penggunaan sehingga 30 hingga 50 tahun akan datang. Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan keperluan tapak kubur selain Islam sentiasa mencukupi berdasarkan keperluan semasa. Berikut adalah senarai kubur-kubur selain Islam. Bilangan atau peratusan petak yang masih kosong dan unjuran kapasiti kubur, seperti kubur di jadual. Tuan Speaker, memandangkan memang saya punya jadual sangat besar, panjang ya,

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

saya kalau dibenarkan izin, saya akan baca hanya untuk MBSA dan selebihnya saya boleh serahkan kepada Yang Berhormat Bukit Gasing nanti. Bagi kawasan MBSA, Lot 981, Kompleks Perkuburan Bersepadu MBSA, Jalan Pusara 1/1, Seksyen 21 iaitu 25 ekar bagi bilangan bagi Cina tiada proses tanam mayat. Mayat dibakar sahaja. Bagi kaum India, terdapat 10,000 petak dan sebanyak 9,804 yang masih kosong. Kristian terdapat 5,000 petak dan sebanyak 4,834 masih kosong. Unjuran dikatakan sehingga 30 sehingga 50 tahun masih lagi boleh digunapakai. Dalam pada itu juga, Kompleks Perkuburan Bersepadu Seksyen U14, Jalan Setia Makmur, U14/49, Setia Alam sebanyak 45 ekar. Pengurusannya oleh pihak swasta dan tanah perkuburan Cina di No.10, 14 dan juga 16 melalui Jalan Jingga U9/39, Seksyen U16 pengurusan juga dilakukan oleh swasta. So, yang selebihnya bagi yang PBT-PBT lain, saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Bukit Gasing. Bagi Soalan C, setiap pembangunan tapak perkuburan akan disyaratkan bagi pembangunan baru, mengikut manual garis panduan dan piawaian perancangan negeri Selangor, iaitu bagi setiap 1,000 penduduk disyaratkan 0.2 hektar tapak perkuburan atau 1 hektar bagi setiap 5,000 penduduk. Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai perancangan tapak kubur baru di beberapa kawasan. Sebagai contoh, terdapat cadangan tapak kubur selain Islam yang di bawah MBPJ seluas 18 ekar di PJU 4, Kota Damansara. Terdapat juga perancangan untuk penyediaan tapak kubur bersepadu di Laman Tiga, Bernam Jaya, Hulu Selangor oleh pihak PKNS. Selain itu juga, terdapat cadangan tapak kubur selain Islam di Bandar Rimbau, Kuala Langat seluas 3.66 ekar dan Taman Desa Kemandol, Kuala Langat seluas 3 ekar. Di daerah Kuala Selangor terdapat cadangan pembangunan tapak kubur bersepadu seluas 238.92 ekar yang akan dibangunkan oleh pihak Nirwana. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Saya akan tunggu senarai yang lengkap, tetapi bagi kawasan seperti di Petaling Jaya di mana kubur bukan Islam sudah penuh. Kubur sedia ada penuh, ada tak PBT-PBT lain dibenarkan untuk menghalang orang yang di luar PBT nya untuk menggunakan kubur tersebut. Contohnya, Shah Alam ada tak MBSA dibenarkan untuk menghalang orang daripada Petaling Jaya untuk menggunakan kubur kerajaan, bukan yang swasta, yang swasta saya tahulah, tetapi yang kubur kerajaan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing, memang soalan tersebut banyak pihak yang menanyakan perkara yang sama ya, apabila kita menghadapi masalah seperti apabila mayat datang daripada MPK, masuk ke MBSA dan juga daripada kawasan MBPJ masuk ke MBSA. Saya sebenarnya mengikut apa yang kita nampak garis panduan yang menyatakan setiap

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

perkuburan itu diurus tadbir oleh PBT, Pihak Berkuasa Tempatan, maka mereka mempunyai satu kuasa untuk menentukan syarat-syarat tertentu. Tapi bagi pihak Kerajaan Negeri kita jelas bahawa semua warga negeri Selangor bukan sahaja negeri Selangor malahan daripada Malaysia yang meninggal di Malaysia memang patut diberi tempat untuk menanam apa itu, ditempatkan di perkuburan tersebut. Sekiranya ada syarat-syarat begini, kalau saya dapati saya rasa kita melalui hal Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam, kami akan membawa perkara ini dan menyelesaikan dengan cara yang berhemah.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Saya berikan kepada Hulu Kelang.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Soalan saya adalah berkenaan dengan apakah dasar kerajaan terhadap kawasan perkuburan bukan Islam yang ada unsur perniagaan?.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang, sebenarnya dasar, memang kita kewujudan pihak swasta dalam mengendalikan perkuburan ini adalah memang dari awal lagi memang di Malaysia dan juga di negeri Selangor memang terdapat dan kita ada syarat-syarat yang khasnya yang paling terawal adalah yang telah kami luluskan, belum luluskan lagi, kami sedang masih lagi dalam perbincangan di kawasan di Klang, di mana, kita nak koloborium untuk kaum Cina khususnya. Kami telah syaratkan agar tapak bila ia berlakunya unsur-unsur perniagaan, maka tapak tersebut dizonkan sebagai perniagaan dan mereka dikenakan premium perniagaan dan juga syarat-syarat PBT pun dikekalkan dengan syarat begitu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, berkenaan dengan tanah perkuburan yang akan diserahkan kepada kerajaan di Bukit Kemandol dan juga Rimbayu dan saya memuji bahawa ini adalah satu keputusan yang tepat kerana tempat ini sedang pesat membangun. Soalan saya ialah adakah tanah ini telah pun diserahkan balik kepada kerajaan dan sekiranya perlu lagi, adakah kita telah menetapkan satu tempoh masa yang secepat mungkin supaya tanah itu diserahkan dan diuruskan oleh kerajaan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Banting, soalan tersebut memang terlalu spesifik, bagaimanapun saya telah diberitahu bahawa memang tapak tersebut adalah diperuntukan sebanyak 3 ekar, tetapi tentang serahan, malahan saya percaya kita dapat sediakan jawapan bertulis nanti daripada UPEN. Terima kasih.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Saya persilakan Yang Berhormat Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya ada 2 soalan. Adakah pihak PBT menyediakan peruntukan untuk penyelenggaraan tanah kubur? dan keduanya, adakah PBT menyediakan *crematorium* seperti ada di Petaling Jaya dan di Klang. Itu sahaja.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Sentosa. Memang adalah kewajipan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelenggara kubur-kubur yang terletak di bawah jajahan mereka ya, yang mana patutnya selain daripada swasta juga yang diurus tadbir oleh persatuan-persatuan adalah tanggungjawab PBT untuk menyelenggara, maka mereka perlu sediakan peruntukan khas. Dalam pada itu juga, seperti tadi ya, yang mana pembakaran mayat khususnya di MBPJ dan juga MPK memang ada juga permohonan-permohonan daripada kawasan lain seperti Majlis Perbandaran Sepang, saya rasa yang terbaru daripada Kajang, tapi saya belum pastikan lagi, memang ada permohonan-permohonan sebab mereka percaya ini adalah satu keadaan di mana dapat mengurangkan penggunaan tanah. Kaum Hindu yang terbanyak yang minta untuk pembakaran mayat daripada kerajaan. Dalam pada itu, kaum Tiong Hua khususnya kaum Cina pula menggunakan kebanyakannya perkuburan swasta. Walaupun begitu, memang masih ramai kaum Cina juga memohon keadaan di mana penggunaan oleh pembakaran mayat melalui kaedah yang digunakan oleh Majlis Perbandaran, maka, kos itu akan lebih murah dan mampu untuk semua pihak. Maka memang ada cadangan-cadangan daripada mereka.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 5.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras, yang membawakan isu wifi Sekolah Vokasional dan juga pemasangan Wifi di kawasan luar Bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan negeri sediakan membantu pemasangan kemudahan WiFi Smart Selangor di Sekolah Vokasional Sungai Buloh. Walau bagaimanapun pihak sekolah perlu memberi persetujuan bertulis kepada penyelaras projek WiFi Smart Selangor iaitu pihak SMARTSEL anak syarikat MBI. Untuk memohon pemasangan WiFi Smart Selangor di sekolah tersebut, pemasangan adalah tertakluk kepada kemudahan infrastruktur jaringan teras di kawasan tersebut. Untuk soalan kedua, Kerajaan Negeri sedia membantu meluaskan pemasangan kemudahan WiFi Smart Selangor di kawasan pangsapuri Kos Rendah, terutama di Bukit Rahman Putra. Walau bagaimanapun, wakil dari pihak pangsapuri tersebut perlu memberi persetujuan dan permohonan bertulis kepada penyelaras projek WiFi Smart Selangor iaitu pihak SMARTSEL anak syarikat MBI. Untuk pemasangan WiFi

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

pemasangan pula adalah tertakluk kepada kemudahan infrastruktur jaringan teras di kawasan tersebut serta beberapa kriteria yang diperlu dipatuhi. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Sungai Burong

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya ialah, bagi kawasan-kawasan luar bandar khususnya, apakah apa ni sejauh mana rancangan dan pelaksanaan untuk pastikan peningkatan penggunaan WiFi ini adalah kerana saya dapati di kawasan kampung-kampung terutamanya di luar bandar liputan WiFi ini masih rendah lagi dan kalau pun yang ada ini selalu apa orang kata tergendala. Saya difahamkan ada JKKK di kawasan kampung kampung sebagai pentadbiran di peringkat kampung. Adakah cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk pastikan bahawa kemudahan-kemudahan JKKK di kawasan kampung ini akan diberikan kemudahan WiFi juga.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong yang prihatin terhadap pemasalah di kawasan luar Bandar. Sejak inisiatif WiFi negeri Selangor dimulakan pada bulan September tahun 2015 sudah ada banyak peningkatan prestasi perkhidmatan dimana liputan tambahan di kawasan luar Bandar diberi keutamaan. Namun begitu liputan WiFi Smart Selangor di kawasan luar Bandar masih belum mencapai sasaran optimum. Ini disebabkan tiadanya Infrastruktur jaringan teras iaitu *cor network infrastructure*. Untuk sistem komunikasi jalur lebar yang cukup hampir dengan kawasan tersebut Walau pun SMARTSEL di bawah MBI selaku pengurusan projek ini menggunakan khidmat dari Telekom Malaysia Berhad (TM) yang mempunyai rangkaian teras dan jalur lebar berkelajuan tinggi yang luas yang terbesar di Malaysia. Dalam hal ini pihak SMARTSEL MBI TM sentiasa berusaha memperluaskan liputan di kawasan luar Bandar dengan mengagihkan Akses Point iaitu AP ditempat yang disasarkan di samping mengikut rangkaian teras yang terdekat dalam masa yang sama. Pihak SMARTSEL anak syarikat MBI yang menguruskan jaringan ini bagi pihak Kerajaan Negeri sudah mula membangunkan rangkaian digital sendiri khususnya untuk Selangor termasuk memasang rangkaian teras mengikut fasa. Pelaksanaan ini akan membolehkan liputan jalur lebar yang meluas di kawasan luar Bandar dalam beberapa tahun terdekat ini

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Penjelasan sikit daripada soalan itu sekarang masalah..

TUAN SPEAKER : Sila-sila

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : (bahasa English) dengan izin ini kerana untuk membolehkan peningkatan kepada sistem WiFi Selangorku di kawasan luar Bandar ini. Amat bergantung kepada adanya kemudahan infrastruktur jaringan teras masalahnya Syarikat swasta seperti Telekom Malaysia ini, dia hanya akan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

melaksanakan pembinaan pembangunan sistem dengan teras ini apabila ia berdaya maju tetapi kita tahu di kawasan luar Bandar ini dia pengguna-pengguna tidaklah ramai padat dibandingkan di kawasan Bandar, jadi apakah kalau kita bergantung kepada Telekom Malaysia sahaja, maka kita mungkin akan tidak dapat pastikan keberkesanan pelaksanaan ini kawasan luar Bandar tersebut. Soalan saya penjelasan saya apakah langkah untuk memastikan supaya keadaan ini tidak berlanjutan begitu sahaja. Samada Kerajaan Negeri akan meminta Telekom Malaysia memberi insentif kemudahan tersebut di luar Bandar dan tadi disebutkan MBI akan mewujudkan rangkaian jaringan terasnya sendiri sekiranya..

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat terus kepada soalan-soalan terus ya, jangan panjang lebar.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : penjelasan sebenarnya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat EXCO jawab, jadi Yang Berhormat Sungai Burong nak Tanya solan tambahan saya benarkan tetapi biar ringkas jangan pusing keliling ya, tolong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Dia masalah sebenarnya sebab bergantung kepada kemudahan syarikat swasta, tapi oleh kerana kita bergantung kepada syarikat swasta, swasta dia mengenakan keuntungan kawasan begitu vibal kawasan Bandar ini, jadi mereka tidak melaksanakan tugas tersebut jadi perlu ada insentif ataupun tindakan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk pastikan.

TUAN SPEAKER : Cadangan apa ni Yang Berhormat, kalau cadangan tak apa tidak benarkan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : saya nak penjelasan

TUAN SPEAKER : Soalan-soalan, saya berikan peluang sekali, saya berikan peluang sekali lagi terus kepada soalan-soalan tambahan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : soalan dan jawab tetapi saya tak puas hati dengan soalan itu

TUAN SPEAKER : dah jawab Yang Berhormat duduk, sila duduk dah jawab sila duduk. Saya mintak seterusnya.

TUAN SPEAKER : Ya ya saya dah dengar, Saya dan bagi peluang. Yang Berhormat Sungai Burong saya dah bagi peluang untuk tanyakan soalan dan sebagainya tetapi Yang Berhormat *international roaming* pusing kiri kanan tak nampak saya tak dengar tak Nampak apa Yang Berhormat hendak sampaikan cuma nak bagi cadangan dan penjelasan jadi kalau nak jadi bagi cadangan dan penjelasan pelung lain kali jadi EXCO

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

boleh bagi cadangan dan sebagainya. Terima kasih ya. Yang Berhormat Paya Jaras untuk soalan tambahan.

Y.B.TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Speaker Nampak gayanya tradisi Sungai Burong dengan Sekinchan tradisi lama. Soalan tambahan pada Yang Berhormat EXCO di *fight all lthis problem* yang kita lahirkan dalam negeri Selangor ini, bilakah sasaran kita nak selesaikan masalah isu WiFi samada di kawasan Bandar dan maknanya luar Bandar, maknanya kita tutup cerita ini dan kita *move on*.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras. Usaha untuk menyelesaikan masalah ini kita telah pun baru-baru ini Dato' Menteri Besar Selangor telah menandatangani satu MOU dengan Korea Telekom dimana kita bukan setakat bergantung kepada perkhidmatan daripada Telekom Malaysia Berhad (TM) tapi jua kita kan bawa services provider dari Korea. Yang Berhormat Sungai Burong kita nak selesaikan masalah ini. Saya rasa untuk makluman Yang Berhormat MBI telah pun peruntukan 90 Juta dalam tempoh dalam 5 tahun ini iaitu dari tahun 2015 sehingga 2020 untuk projek WiFi Smart Selangor, so bagi kita sedikit masa kita akan selesaikan masalah yang saya rasa banyak-banyak Yang Berhormat yang telah *highlite* tentang masalah WiFi yang slow yang ada masalah luar Bandar. Kita akan cuba selesaikan satu persatu, so sabar sikit Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Saya bagi Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya nak mintak kalau boleh Yang Berhormat EXCO bagi tumpuan kepada 5 kawasan pembangkang ini, sebab tadi disebutkan sistem WiFi yang ada kawasan pembangkang ini tidak berapa nak laju. Kalau boleh Kerajaan Negeri tumpu kepada 5 kawasan ini. Sebab 5 kawasan ini, Pakatan Harapan kita tak menang sebab maklumatnya rakyat dekat sana sebab rakyat kat sana tidak dapat maklumat yang detail, maklumat yang betul jadi saya nak minta kalau boleh Dewa kita bersetuju maksudnya Yang Berhormat EXCO bagi tumpuan kepada 5 kawasan pembangkang ini, sebab Pilihanraya Umum yang akan datang

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ini soalan ker apa?

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Allahualam

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ini soalan ker apa?

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Ini seolah-olah perbahasan Yang Berhormat saya bagi teguran ya. Kalau ini waktu perbahasan saya izinkan, tapi waktu pertanyaan tidak dibenarkan ya, jadi EXCO tidak perlu jawab soalan.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Saya bagi Meru

Y.B. MOHD FAKHRULEAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya bertanya kepada Yang Berhormat EXCO berkaitan dengan, adakah masalah zoning syarikat telekomunikasi ini menjadi permasalahan projek Smart WiFi ini dilaksanakan dan berapa sebenarnya bajet yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri untuk projek ini.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Projek yang mana satu?

Y.B. MOHD FAKHRULEAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ya

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Projek yang mana satu.

Y.B. MOHD FAKHRULEAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ni untuk smart Selangor untuk Wifi

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Tadi saya sudah katakan Kerajaan Negeri MBI telah memeruntukan 90 juta, dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2015 sehingga 2020 untuk projek Smart Selangor. So saya rasa kalau perlu kita akan tambah peruntukan dari masa kesemasa.

TUAN SPEAKER : Sebelum saya teruskan untuk soalan seterusnya. Saya mengingatkan sekali lagi, untuk amaran yang kedua. Barang siapa yang tidak mematikan telefon bimbit yang bunyi bermacam-macam di dalam Dewan yang mulia ini, kita akan rampas telefon tersebut dan akan dilelong untuk tabung Harapan. Saya minta, ini serius ini ahli-ahli Yang Berhormat dan semua pemerhati bahaya sebab saya nak bagi amaran yang kedua yang ketiga kita tidak akan teragak-agak. Persilakan Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya No 6.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Perancangan bagi penubuhan Pusat kebudayaan pelbagai kaum di Selangor telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Kebudayaan semenjak 2012 ianya melibatkan pembangunan pusat kebudayaan pelbagai kaum secara keseluruhannya berpusat di daerah Klang. Cadangan ini melibatkan empat (4) tapak bagi ketiga-tiga kaum, iaitu satu tapak di Kg. Bukit Kuda bagi Pusat Kebudayaan Melayu, satu tapak di Bandar Baru Klang bagi Pusat kebudayaan Cina dan dua tapak di Kg. Pandan bagi Pusat Kebudayaan India.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Perkara ini kemudiannya telah dibentangkan salam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 33/2012 bertarikh 11 September 2012 dan telah disahkan pada MMKN Ke-34/2012 pada 19 September 2012 dengan keputusan sepertri berikut:-

- i) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengambil maklum pembentangan konsep cadangan pembangunan dan tiga cadangan opsyen Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India Negeri Selangor dan cadangan konsep bagi mengintegrasikan ketiga-tiga pusat kebudayaan tersebut oleh juru perunding DPZ Asia.
- ii) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bersetuju agar peruntukan sebanyak RM80,000.00 diperuntukan bagi penyediaan *detail concept* untuk tiga-tiga cadangan pusat kebudayaan tersebut dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

Lanjutan daripada itu, beberapa siri perbincangan dan mesyuarat telah diadakan bagi membicarakan pelaksanaan pusat kebudayaan ini. Walau bagaimanapun, cadangan ini bagi pembangunan pusat kebudayaan ini tidak diteruskan bagi menghormati dan menyempurnakan titah dari D.Y.M.M. Sultan Selangor berkaitan perkara melibatkan kaum yang disampaikan melalui surat daripada Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Ruj: (9)d/m.Pej.DYMM.Sul.Sel.M/3/01 Jld.26) bertarikh 12 September 2012 seperti berikut :

“D.Y.M.M. Sultan Selangor menitahkan bahawa Baginda tidak berkenan pembinaan pintu gerbang di Jalan Tengku Kelana, Klang yang di sebut ‘Little India’ kerana Klang adalah merupakan Bandar Diraja. Baginda juga berkenan Bandar-bandar di dalam Negeri Selangor diwujudkan Little India atau China Town atau Islamic City. Ini dikhuatiri boleh mewujudkan sentimen perkauman kerana Baginda mahukan rakyat di Negeri Selangor hidup dalam harmoni dan bersatu padu. D.Y.M.M. Sultan Selangor juga pernah menerima permohonan menamakan Shah Alam sebagai Islamic City di mana baginda telah menolak permohonan ini di atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas”

Perkara ini sekali lagi telah ditegaskan melalui surat daripada Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada Y.Bhg. Dato’ Y.D.P. Majlis Perbandaran Klang (MPK) (rujukan : (65)d/m.Pej.DYMM.Sul.Sel.M/3/01Jld 37) bertarikh 7 April 2016 seperti berikut:

“D.Y.M.M. Sultan Selangor tidak berkenan untuk sebarang pewartaan nama Little India di mana-mana tempat di Negeri Selangor, terutamanya sekali di Klang. D.Y.M.M. Sultan Selangor telah menitahkan supaya status Klang sebagai Bandar Diraja hendaklah dijaga dengan nama baik. Walau bagaimanapun DYMM Sultan Selangor tidak menghalang pembangunan pengembangan amalan budaya masyarakat berbilang

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

kaum di negeri ini untuk memperkayakan lagi warisan kebudayaan dan kesetiaan Negeri Selangor. DYMM Sultan Selangor juga menitahkan supaya isu 'Little India' tidak lagi ditimbulkan pada masa-masa yang akan datang. Sehubungan dengan itu bagi menggantikan rancangan pusat kebudayaan pelbagai kaum Selangor satu cadangan telah dikemukakan untuk mengenalpasti satu kawasan yang dapat dijadikan sebagai sebuah pusat budaya yang mengandungi elemen-elemen daripada pelbagai kaum. Cadangan ini adalah selaras dengan Titah DYMM Sultan Selangor semasa Majlis Pelancaran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) pada 5 Mei 2010 iaitu mewujudkan satu Desa Budaya yang memaparkan khazanah kekayaan budaya dan warisan Selangor di lokasi yang bersesuaian dan di salah satu pintu masuk negeri Selangor. Pewujudan Desa Budaya ini.

TUAN SPEAKER: YB. Exco Selat Klang, masih panjang lagi jawapan tersebut.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID ASARI: Sikit sahaja

TUAN SPEAKER: Sikit ya sebab lampu dah merah. Kita bagikan tiga minit ya

Y.B. DATUK ABDUL RASHID ASARI: Satu minit. Kewujudan Desa Budaya akan melibatkan perancangan jangka masa panjang dan pelaksanaannya akan digerakkan secara kolaboratif antara Kerajaan Selangor dan juga penduduk tempatan. Desa tersebut hendaklah mempunyai penduduk daripada pelbagai kaum yang jelaskan kegiatan ekonomi tradisional seperti pertanian, perikanan, penternakan, pertukangan dan kraf tangan. Kita kaya dengan pelbagai kebudayaan dan kesenian yang ada di Selangor. Di Dalam Desa Budaya juga akan diwujudkan satu kompleks kebudayaan seperti yang terdapat di perkampungan Hang Tuah, di perkampungan Budaya Sarawak. Bagi tujuan ini PADAT telah mengenalpasti lokasi yang berkemungkinan sesuai di pintu masuk Selangor melalui jalan darat di Sabak Bernam. Namun begitu lokasi yang tepat akan dimaklumkan sejurus selepas kajian dan perbincangan lanjut dilakukan bersama-sama pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Y.B.PUAN LEE KEE HIONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Silakan Kuala Kubu Bharu

Y.B.PUAN LEE KEE HIONG: YB. Saya nak tahu adakah kita mempunyai satu tempoh masa untuk mewujudkan apa yang dimaksudkan Desa Budaya itu. Ini boleh kita cecutkan kerana cadangan Pusat Kebudayaan itu memang lama. Ini pun daripada kerajaan Negeri dan kita sekarang ini ialah nak menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan yang dimaksudkan Desa Budaya itu.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID ASARI: YB Kuala Kubu sebenarnya pihak PADAT telah pun menjalankan beberapa perbincangan dengan pihak-pihak tertentu

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

seperti Pejabat Daerah dan juga Majlis Daerah Sabak Bernam tentang perkara ini dan kita akan bagi maklumat seterusnya selepas apa nama tu perbincangan itu selesai. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya persilakan YB. Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM ZAMAN HURI: Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan saya No. 7.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR: Terima kasih Pelabuhan Klang atas soalan yang dibangkitkan. Menurut laporan yang telah diberikan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Klang, senarai jumlah peneroka untuk Kampung yang dimaksudkan iaitu Kg. Telok Gong adalah sebanyak 234 lot kampung atau 4 lot peneroka. Yang telah mendapat hak milik hanyalah sebanyak 39 manakala sebanyak 195 lagi belum mendapat hakmilik bagi lot-lot yang telah ditetapkan. Bagi 195 lot ini akan diselesaikan setelah pemilik berdaftar tanah Hamid Tuah menyerahkan hak milik untuk dibatalkan sebelum melalui Borang 12A sebelum diberi hak milik kepada peneroka-peneroka yang dimaksudkan oleh Pelabuhan Klang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan YB. Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan saya No. 8.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Subang Jaya. Bermula tahun 2018 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk pelaksanaan program bagi menangani isu kesihatan mental. Sebahagian daripada peruntukkan tersebut akan digunakan untuk melaksanakan program-program kaunseling secara kumpulan atau individu yang dirancang untuk diadakan pada bulan September. Program ini merangkumi berbagai jenis isu seperti isu kekeluargaan, kerjaya, kewangan, personaliti dan perhubungan sesama masyarakat. Program mendekati golongan sasaran tersebut akan dikendalikan oleh petugas yang merupakan seorang kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan tertakluk dengan segala peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Kaunselor 1998.

Selain itu kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan kemudahan Sesi Kaunseling melalui maya di mana masyarakat boleh berkongsi masalah serta mendapatkan nasihat tanpa perlu bersemuka dengan kaunselor. Bagi kaedah ini individu yang mengalami tekanan atau kemurungan tidak lagi merasa malu untuk berkongsi dengan pihak kaunselor. Perkongsian melalui panggilan telefon juga lebih memudahkan untuk mereka meluahkan masalah tanpa rasa malu. Kerajaan Negeri juga membuka peluang kepada organisasi bukan kerajaan untuk serta turut serta dalam sama-sama

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

menjayakan kempen-kempen ke arah mengurangkan kadar penyakit mental terutamanya kepada rakyat Negeri Selangor. Cabaran melaksanakan program Kesihatan Mental adalah untuk mengenal pasti individu yang mempunyai tanda-tanda ke arah penyakit mental kerana ianya lebih bersifat dalaman. Pesakit tidak akan menunjukkan symptom awal dan hanya dapat dikesan apabila berada di satu tahap yang memerlukan rawatan. Sehubungan itu program yang dirancang perlulah bersifat holistic dan menyeluruh agar dapat mengurangkan kadar penyakit mental pada masa akan datang. Seperti yang diketahui umum kaunseling didapati berbutir bukti dalam membantu individu mengurangkan tekanan dan seterusnya mengelakkan diri dari mendapat penyakit mental kelak. Pada masa ini melalui pusat Kaunseling Selangor Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan Kaunseling melalui panggilan telefon mahupun temujanji bersemuka di beberapa pusat seperti di PKNS Shah Alam, di bangunan Majlis Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Sepang. Penambahan pusat kaunseling di daerah-daerah akan diangkat untuk dipertimbangkan sekiranya pusat kaunseling sedia ada digunakan sebaiknya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan YB. Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 9.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Terima kasih YB. Hulu Kelang.

Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin di dalam memastikan kemudahan pelancongan berada di dalam keadaan yang terbaik agar memberi kemudahan dan keselesaan kepada para pengunjung yang datang berkunjung ke lokasi-lokasi pelancongan di Negeri Selangor.

Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta di bawah Peruntukkan Pembangunan memajukan produk pelancongan di mana RM350,000.00 diperuntukkan bagi tujuan menaik taraf infrastruktur pelancongan di Bukit Melawati, Bukit Jugra, Bukit Fraser dan Kelip-kelip Kg. Kuantan, RM300,000.00 bagi tujuan untuk menaiktaraf produk pelancongan pantai seperti Pantai Remis, Pantai Kelanang, Pantai Redang, Pantai Morib dan Pantai Bagan Lalang. Manakala sebanyak RM350,000.00 diperuntukkan bagi tujuan menaiktaraf produk pusat rekreasi air terjun, sungai dan tasik serta sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan bagi tujuan menaiktaraf papan tanda informasi pelancongan.

Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek-projek menaik taraf produk pelancongna berdasarkan kepada keperluan semasa serta bergantung pada permohonan daripada jabatan-jabatan/agensi teknikal yang bertanggungjawab menguruskan produk pelancongan tersebut.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Meskipun peruntukan sebanyak RM 1.5 juta dilihat kecil, namun Kerajaan Negeri telah melaksanakan penyelarasan bersama PBT dan agensi teknikal yang terlibat agar memastikan kemudahan-kemudahan di tempat-tempat yang terlibat agar memastikan kemudahan-kemudahan di tempat-tempat pelancongan diselenggara dengan baik serta dapat dimanfaatkan oleh para pengunjung di samping meningkatkan imej kawasan pelancongan berkenaan. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 ialah Kerja-kerja menaik taraf Kolam Air Panas Dusun Tua, Hulu Langat, Kerja-kerja pemasangan lampu awam di Pantai Kelanang, Kuala Langat dan kerja-kerja menaik taraf jalan naik ke Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Bharu. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri turut mengadakan beberapa langkah pemantauan dan semakan melalui:

1. Mesyuarat PRO bersama agensi-agensi dan penggiat pelancongan negeri
2. Lawatan teknikal secara berkala atau sekiranya berlaku sebarang isu melibatkan pihak-pihak yang terlibat dan
3. Melaksanakan product update bagi melihat keperluan sesuatu produk di samping memperkenalkan produk-produk baru kepada pihak media.

Di mana usaha-usaha di atas bertujuan untuk mendapatkan maklum balas serta cadangan daripada pihak PBT dan agensi teknikal serta penggiat pelancongan yang boleh dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan negeri turut menggalakkan penglibatan pihak NGO dan korporat di dalam kerjasama membangunkan kemudahan-kemudahan di tempat-tempat pelancongan di Negeri Selangor. Usaha-usaha yang dilaksanakan ini bukan sahaja menjimatkan perbelanjaan. Kerajaan Negeri malah ia meningkatkan kesedaran tanggungjawab orang ramai di dalam menjaga dan memelihara infrastruktur serta kebersihan kawasan-kawasan pelancongan Negeri.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya silakan Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIP: Terima kasih Tuan Speaker. YB.Exco. Soalan adalah apakah rancangan apakah dasar apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam membolehkan satu lokasi pada kepentingan Kerajaan Pusat untuk dinaikkan taraf kawasan rekreasi yang berdekatan dengannya. Saya refer Zoo Negara dan Kawasan Kampung Kemensah.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Terima kasih YB. Sebenarnya kita sedang menjalankan beberapa cadangan-cadangan dan juga menjalankan beberapa usaha-usaha untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan yang YB. sebutkan tadi

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

bersih dan teratur dan kami juga pihak Tourism Selangor telah cuba mendapatkan kerjasama dengan pihak-pihak NGO dan sector koporat untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan tersebut dibersihkan dan dijaga dengan baik. Contohnya baru-baru ini kita telah mengadakan satu Projek pembersihan di Kawasan Pelancongan Sg. Air Kancing di mana kita bekerjasama berkoleborat dengan FireFly dan kita telah mengadakan program kebersihan di mana kawasan itu bukan sahaja kaki tangan FireFly yang datang bersama-sama dengan kita untuk membersihkan kawasan itu kita juga menjemput para pengunjung kawasan untuk bersama-sama membersihkan kawasan tersebut. Jadi usaha-usaha ini akan diteruskan bagi tempat-tempat yang lain juga.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sg. Tawar

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN: Pasir Panjang

TUAN SPEAKER: Sg. Panjang

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Apakah usaha-usaha lain yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan untuk tarikan pelancongan yang baru. Sebagai contoh di Sg. Panjang kita juga ada kawasan kelip-kelip. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih YB. Sg. Panjang. Untuk maklumat YB. Pada masa ini kita telah mengadakan satu usaha untuk mengenalpasti kawasan-kawasan baru di mana kita telah melantik ataupun mengendalikan satu kursus yang dipanggil Hos Komuniti di mana kita telah melibatkan belia-belia tempatan supaya bersama-sama dijadikan sebagai kursus ini ialah selama enam bulan dimana peserta-peserta belia ini dilatih sebagai, apa nama tu, **tourist guide**. Jadi di samping mereka ini menjalankan kursus selama enam bulan mereka juga diminta untuk membuat research, research di kawasan di mana-mana mereka datang. Kawasan daripada mana mereka datang. Jadi pada masa ini kami sedang mengumpulkan banyak data-data yang diberikan oleh peserta-peserta ini dan In sha Allah kita akan umumkan nanti contoh di Sg. Panjang apa yang ada, Sabak Bernam apa yang ada dan sebagainya. Jadi proses itu sedang berjalan YB. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih. Saya mempersilakan YB. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 10.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. PUAN HANIZA BINTI TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. YB. Kota Anggerik bertanyakan tentang dasar Kerajaan Negeri bagi membantu para pembeli rumah Selangorku. Berdepan dengan masalah kelewatan siapnya projek. Untuk makluman pihak YB, sehingga 15 Ogos 2018 tiada projek Rumah Selangorku yang terbengkalai di lapangan berikutan pemantauan yang ketat dan konsisten oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Mampu Milik Negeri Selangor atau kita panggil Rumah Selangorku. Jadi selain daripada kerja memantau kerja pembinaan di lapangan, jawatankuasa ini juga berperanan sebagai pemudah cara dan bertindak sebagai “mediator” sekiranya terdapat kelewatan pembinaan melibatkan permasalahan teknikal di peringkat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pihak pembekal perkhidmatan Negeri Selangor (TNB, SYABAS dan lain-lain). Walaubagaimanapun, sekiranya permasalahan mengenai kelewatan pembinaan ini disebabkan ketidakpatuhan pihak-pihak terlibat dibawah Akta 118 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perelesenan) 1966, permasalahan tersebut adalah akan dirujuk kepada badan pengawal iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sehingga 15 Ogos 2018, semua projek Rumah Selangorku dalam pembinaan yang telah ditawarkan dan ditandatangani perjanjian jual beli oleh pembeli masih dijadualkan akan siap mengikut jadual yang telah dipersetujui. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Silakan Kota Anggerik

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI: YB. Exco. Saya nak tanya kalau macam tadi yang diperjelaskan, apakah ianya turut terpakai kepada projek perumahan yang bukan Selangorku tapi projek perumahan di bawah pemaju lain. Apakah perkara yang sama terpakai. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI TALHA: Kota Anggerik, apa yang Kota Anggerik rujukkan itu adalah mungkin projek dibawah pemaju-pemaju yang membina rumah bebas. Maksudnya bukan rumah-rumah Selangorku. Jadi kalau sekiranya berlaku kelewatan dalam menyiapkan projek-projek tersebut ia akan dirujuk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Namun Kerajaan Negeri akan bertindak sebagai pemudahcara. Ya, menyediakan maklumat projek terbengkalai tersebut dan juga cuba mencari pihak-pihak pemaju baru yang berminat untuk menguruskan projek tersebut selepas diambil alih. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN: Soalan tambahan. Ini betul soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Betul ya.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN: Betul soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Janji ya soalan tambahan, pegang pada janji. Dipersilakan Taman Templer:

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN: Ini janji, pakai baju Melayu hari ini. Terima kasih YB Speaker. Tadi YB Exco ada menyebutkan soal berkaitan dengan projek perumahan yang lewat. Cuma kita nak tahu apa perancangan maksudnya Kerajaan Negeri dan juga YB. Exco tentang projek-projek perumahan. Mungkin swasta yang terbengkalai. Contohnya macam di Taman Templer. Ada satu projek perumahan di Apartment Kristal. Hampir 7 ataupun 8 tahun terbengkalai. Jadi para penduduk jumpa dengan kita, jadi kita nak tahulah apa perancangan, apa yang boleh dibantu oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai ini. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI TALHA: Terima kasih Taman Templer. Taman Templer pakai baju Melayu tapi tak dengar jawapan saya. Saya dah sebut ya bagi projek-projek terbengkalai yang bukan rumah Selangorku kerajaan Negeri akan bertindak sebagai pemudahcara. Ya, mencari pemaju-pemaju baru bagi membangunkan semula projek yang terbengkalai tersebut. Saya tahu di Selayang sebenarnya terdapat satu projek yang terbengkalai lebih lima belas tahun. Dan kami dalam proses menemukan pemaju dengan pelikudiasi untuk memajukan projek terbengkalai tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN: Speaker, saya dengar tadi tu. Cuma nak minta supaya dicatitkan dalam hansard tu ja. Disebutkan Taman Templer. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya bagi YB. Sg. Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Adakah kerajaan Negeri rela dan sudi bincang semula dasar Rumah Selangorku supaya kita dapat membina lebih banyak Rumah Selangorku. Sebab memandangkan keadaan ekonomi sekarang mungkin perlu satu tinjau yang baru.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI TALHA: Terima kasih Sg. Pelek kerana sangat berminat dengan Program Rumah Mampu Milik, Rumah Selangorku di Selangor. Jadi sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian Lembaga Perumahan Hartanah Selangor telahpun membuat tambah baik kepada dasar Rumah Selangorku 1.0 kepada dasar Rumah Selangorku 2.0 pada awal tahun ini. Dan ia sudahpun siap. Dokumen tersebut sudah siap untuk diguna bermula Mac tahun ini. Jadi dia ada penambahan ataupun diberi penambahan dari segi keluasan, dan juga dari segi harga mengikut zon-zon yang projek perumahan tersebut dibina. Terima kasih.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER: Sila YB. Morib.

Y.B.TUAN HASNUL BIN BAHARUDIN: Terima kasih YB Speaker. Soalan tambahan kepada Exco. Adakah tabung untuk membantu projek-projek terbengkalai masih wujud dan adakah masih berbaki. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI TALHA: Terima kasih Morib. Tabung yang kita panggil tabung TEPAT itu masih wujud. Hanya jumlah yang tinggal itu saya akan dapatkan jumlah yang tepat. Masih ada berbaki dan ia digunakan untuk membina infrastruktur bagi tapak-tapak projek terbengkalai. Ia, bukan untuk membina rumah tapi infrastruktur. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L GEORGE: Speaker

TUAN SPEAKER: YB. Sentosa

Y.B.TUAN GUNARAJAH A/L GEORGE: Terima kasih YB. Tuan Speaker. YB Exco. Saya nak bertanya berkenaan dengan projek-projek terbengkalai ini. Apakah peranan PBT untuk memantau projek ini supaya mereka mengawal ataupun control of the area daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI TALHA: Terima kasih Sentosa. Sebenarnya tanggungjawab menjaga tapak-tapak projek-projek terbengkalai ini adalah ke atas pemilik tanah. Namun pihak berkuasa tempatan sentiasa menerima aduan dan ia akan disalurkan kepada pihak yang berkaitan.

TUAN SPEAKER: Cukuplah. Saya minta YB. Kg. Tunku untuk soalan yang seterusnya.

Y.B. PUAN LIM YI WEI: Terima kasih YB Tuan Speaker. Soalan saya soalan 11.

Y.B. TUAN GANABATIRAU VERAMAN: Tuan Speaker, kemiskinan merupakan isu global yang kompleks serta perlu dilihat dari pelbagai sudut dan dimensi. Menyedari isu kemiskinan yang dilihat masih membebani hidup rakyat. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil pendekatan peduli rakyat. Bukan saja penyumbang utama kepada KDNK Negara, Negeri Selangor sentiasa terkehadapan dan menjadi peneraju dalam kalangan negeri-negeri lain dalam menyediakan inisiatif-inisiatif yang berpaksikan rakyat sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan. Sebagai tanda keperdulian dan keprihatinan berterusan dalam membantu meringankan bebanan rakyat miskin, dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan inisiatif dalam mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan. Namun begitu program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin dan kurang

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

berkemampuan di Negeri Selangor serta tidak memfokuskan golongan miskin bandar sahaja. Antara rancangan dan inisiatif sediaada Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi adalah Inisiatif Peduli Rakyat. Terdiri daripada 42 program. Program-program IPR merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari dimensi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat. Antara program-program IPR adalah seperti Rumah Selangorku, Skim Dana SEL, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Kasih Ibu SMART Selangor, Program HIJRAH, Dana Usahawan MIKRO, Skim Peduli Sihat, Program Dialisi Rakyat, Inisiatif Kemahiran Teknikal, dan Ikhtisas SMART SELANGOR, Program Peduli Siswa, Biasiswa Selangor serta pelbagai lagi. Semua agenda dan rancangan Negeri ini telah memperlihatkan keberkembangan yang amat positif dalam menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Negeri Selangor. Kemiskinan Bandar merupakan suatu masalah sosio ekonomi utama yang berlaku di seluruh dunia termasuklah di Negara-negara maju. Kita semua sedia maklum bahawa kehidupan di bandar segalanya memerlukan semangat ikhtiar hidup yang tinggi. Dalam mendepani kos hidup yang jauh lebih tinggi berbanding kehidupan di luar Bandar. *“Children without a study of urban child poverty and deprivation in low cost flats in Kuala Lumpur”*, merupakan satu kajian yang telah dilaksanakan oleh United Nation Children’s Fund (UNICEF) pada 20 Ogos 2017 hingga 30 September 2017 di 16 buah Flat Kos rendah Program Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Kuala Lumpur dan sebuah Flat kos rendah PPR di Negeri Selangor yang melibatkan 966 ketua isi rumah serta 2142 orang kanak-kanak untuk melihat kedudukan sosio semasa ekonomi dan kesejahteraan anak-anak dalam 4 ukuran atau dimensi iaitu pendapatan, pendidikan, kesihatan dan taraf kehidupan. Hasil kajian ini melaporkan penemuan berkaitan kemiskinan kanak-kanak dalam pelbagai dimensi terutamanya mengenai kekurangan zat makanan yang perlu diambil perhatian. Ketika ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang rancangan untuk mengkaji kadar kemiskinan Bandar secara spesifik. Memandangkan terdapat pelbagai laporan sosio ekonomi sedia ada yang telah disediakan oleh pelbagai pihak seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dan Pelbagai lagi. Namun demikian Kerajaan Negeri sedar masa depan Negara terletak di tangan anak muda. Dan kanak-kanak juga tidak terkecuali. Justeru itu Kerajaan Negeri akan meneruskan kesinambungan pendekatan Peduli Rakyat di mana golongan cilik ini juga tidak terkecuali untuk sama-sama mendapat menafaat. Selain itu hasil kaji selidik dalam laporan yang dikeluarkan oleh pihak UNICEF seperti ini dilihat dapat dijadikan input dan rujukan Kerajaan Negeri dalam merangka pelan atau rancangan Pembangunan Sosio Ekonomi secara terperinci serta rancangan mengkaji kadar kemiskinan Bandar terutamanya yang melibatkan kanak-kanak pinggir pada masa akan datang.

Y.B. PUAN LIM YI WEI: Soalan tambahan YB Tuan Speaker.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER: Silakan

Y.B. PUAN LIM YI WEI: Terima kasih YB. Exco atas penerangan yang cukup...

TUAN SPEAKER: YB., sila duduk

Y.B. PUAN LIM YI WEI: Laporan.....

TUAN SPEAKER: Y.B. Sila duduk. Masa dah sampai. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya meneruskan aturan mesyuarat seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tuan Mat Suhaimi bin Shafie yang meninggal dunia pada 2 Julai 2018 ketika masih berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Sungai Kandis. Allahyarham Tuan Mat Suhaimi bin Shafie dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri pada tahun 2008. Saya turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Tuan Ng Teng Chee yang meninggal dunia pada 20 Julai 2018 ketika masih berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri di Balakong. Mendiang Tuan Ng Teng Chee telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negeri pada tahun 2013. Dewan Yang Mulia ini turut merasa sedih di atas pemergian Allahyarham Professor Dr. Shaharuddin bin Badaruddin yang merupakan seorang Ahli Dewan Negeri Selangor dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik pada penggal ini. Allahyarham meninggal dunia pada 2 Ogos 2018. Saya memohon supaya Dewan ini bertafakur selama satu minit mengikut kepercayaan agama masing-masing. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dipohon berdiri.

(Dewan bertafakur selama satu minit)

TUAN SPEAKER : Sila duduk.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan seterusnya, usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Sebelum saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk *BBC* untuk meluluskan perbahasan membawa usul pada pagi ini, saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negeri yang dihormati, Yang Berhormat-Yang Berhormat adalah Ahli-Ahli Dewan yang dipilih oleh rakyat di kawasan masing-masing mempunyai ketokohan, kebijaksanaan, ketrampilan yang sopan, beradab dan mempunyai tarikan yang tersendiri. Maka, pada masa yang sama juga saya harus memperingatkan semua Ahli-Ahli Dewan, Dewan Negeri Selangor merupakan Dewan yang disanjung telah membuat pembaharuan dan reformasi sejak tahun 2008 sehingga hari ini. Maka, Dewan Negeri Selangor juga telah melangkah ke depan. Sehubungan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

dengan itu, segala tingkah laku, perbahasan daripada Yang Berhormat perlu menjaga tertib dan juga peraturan-peraturan tetap yang seperti dalam buku Peraturan-Peraturan Tetap. Saya minta semua kena mematuhi dan menjaga tertib kerana segala tingkah laku Ahli-Ahli Yang Berhormat dipantau, ditonton, dilihat oleh rakyat di luar sana, bukan sahaja di luar sana, di seluruh dunia kerana Persidangan Dewan Negeri Selangor ini telah disiarkan secara langsung di www.selangortv.my. Jadi, semua tingkah laku akan dilihat. Maka, saya minta semua mesti tertib mengikut adat dan juga tatacara, tatatertib Dewan Negeri Selangor. Saya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan keras mengikut Peraturan-Peraturan Tetap 44-1, 44(2) sekiranya ada mana-mana Ahli Dewan Negeri sama ada daripada Kerajaan dan pembangkang yang ingkar, yang berkelakuan tidak senonoh dan juga menghina Dewan. Tetapi saya yakin dan percaya Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor ini mempunyai ketrampilan yang nilai murni dan adab sopan. Yang Berhormat petah dalam perbahasan, setiap ungkapan bahasa murni, perbezaan politik bukan alasan, kemuliaan Dewan kita santuni. Maka, saya bagi masa 30 minit untuk pembawa usul. Silakan Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi. Izinkan saya untuk memulakan sidang kali ini dengan membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Ampun tuanku. Patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di dalam Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor yang telah merasmikan Mesyuarat Pertama Pembukaan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas”. Tuan Speaker, Y.A.B. Dato’ Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta pemerhati yang saya hormati. Salam sejahtera, salam reformasi dan salam harapan. Dengan kasih dan takzim saya memanjatkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada rakyat Malaysia dan khususnya rakyat Selangor kerana keberanian dan kematangan dalam menentukan kepimpinan negara dan negeri ini. Tidak dapat dinafikan suara rakyat suara keramat. Tuan Speaker, izinkan saya meluahkan sedikit kehibaan dalam sajak. “Demi negeri engkau korbankan waktumu. Demi bangsa rela kau taruhkan tenagamu. Kemewahan menghadang di hadapan, kau bilang itu hanya hiburan. Tampak raut wajahmu tak segelintir pun rasa lelah dan takut. Taklukan mereka yang membuli negerimu. Hari-harimu diwarnai dengan keluh dan resah rakyat dan dihiasi dengan bunga-bunga kasih dan sayang. Mengalir keringat meratapi tubuh, namun sedikit pun tidak dapat meruntuhkan semangat juangmu. Wahai sahabat, kami merindukanmu”. Dalam kita menyusuri masa kemenangan, kita diselubungi dengan kesedihan. Berdekad bersama kita telah berjuang tetapi tuhan lebih menyayangi mereka. Marilah kita mengenang perginya tiga orang sahabat kita dalam dua bulan yang lalu. Salam takziah buat keluarga Almarhum Y.B. Mat Suhaimi

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

bin Shafie, Almarhum Y.B. Professor Dr. Sharuddin Badaruddin dan mendiang Y.B. Eddie Ng Teng Chee. Semoga keluarga cekal dan tabah dengan dugaan ini. Dalam menerusi agenda pembangunan Selangor, kita akan terus bersama dengan Dato' Menteri Besar yang baru dengan iltizam yang tinggi untuk membawa Selangor lebih efektif dan membuka ruang yang *inclusive* bagi meneruskan semangat kepedulian rakyat. Tahniah Dato' Menteri Besar. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan Negeri Selangor yang baru dipilih dalam Pilihanraya Umum yang lalu. Juga tahniah kepada barisan EXCO yang bersedia untuk menggalas amanah dan tanggungjawab membawa Selangor ke era yang lebih dinamik dan berdaya maju. Tambahan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada beberapa menteri baru yang dilantik kerana merekalah merupakan Ahli Dewan Negeri di dalam Dewan Yang Mulia ini pada penggal lepas seperti Timbalan Perdana Menteri yang baru Y.B. Dr. Wan Azizah Wan Ismail, mantan ADUN Kajang, Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan ADUN Bukit Antarabangsa, Dato' Seri Azmin Ali, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Y.B. Dr. Xavier Jayakumar, mantan ADUN Seri Andalas dan Menteri Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains dan Perubahan Iklim, Y.B. Yeo Bee Yin, mantan ADUN Damansara Utama. Tuan Speaker, Selangor menerusi Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah membuktikan kepada umum bahawa pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah adalah wardah yang terbaik dalam memacu perkembangan ekonomi dan pembangunan masyarakat. Kita saksikan 18 IPR yang telah diuruskan dengan tidak meletakkan sebarang perbezaan kaum, agama, budaya dan fahaman politik. Setiap individu yang bermastautin di Selangor yang layak dan berhak menikmati program-program ini. Kita yakin juga kejayaan IPR ini menjadi pemangkin kepada dasar yang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri-Negeri lain. Program-program seperti program KISS, program air percuma untuk rakyat, program bas percuma juga bakal diikuti oleh beberapa negeri-negeri lain. Contohnya IPR 16 iaitu Skim Peduli Sihat yang telah dilaksanakan dengan peruntukan yang mampu membiayai 200,000 buah keluarga setahun. Negeri Johor adalah antara negeri pertama yang mengikuti jejak langkah Negeri Selangor dengan memperkenalkan Skim Kesihatan mereka melalui Kad Sihat Johor bagi golongan B40 yang diberikan di bawah Skim e-Kasih. Tahniah Kerajaan Pakatan Harapan Johor. Tuan Speaker, kita memasuki penggal ketiga dalam mentadbir negeri ini dan Selangor adalah negeri pertama yang menjalankan Belanjawan Peduli Rakyat dan Berhemah. Selangor juga adalah penyumbang utama kepesatan ekonomi Malaysia. Kita amat berbangga dengan apa yang kita telah capai. Kita juga tahu bahawa selama enam tahun berturut-turut Selangor menjadi negeri terbesar dalam pertumbuhan ekonomi dalam KDNK sehingga ke tahap 23% KDNK pada tahun 2017. Ini adalah satu pencapaian yang mesti kita mempertingkatkan lagi. Justeru, saya melihat bahawa inilah masanya kita sebagai Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan bekerjasama dan memperkukuhkan hubungan bagi menjayakan Agenda Reformasi. Tidak mustahil untuk menterjemahkan apa yang terkandung dalam Buku

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Harapan dan seterusnya merealisasikan perjuangan Dato' Seri Anwar Ibrahim seperti yang tercatat dalam Deklamasi Permatang Pauh 20 tahun yang lalu. Kerjasama yang boleh dijalankan bukan sahaja di peringkat pengurusan negeri malah ianya juga boleh diberdayakan terus ke peringkat Parlimen dan DUN. Peranan penjawat awam dapat kita optimumkan supaya perkhidmatan itu dapat memberi impak dan berkesan kepada rakyat Selangor keseluruhannya iaitu dengan mempermudah urusan rakyat. Inilah yang kita sebut 'Membangun Bangsa Memakmur Negeri'. Tuanku ada juga bertitah tentang beberapa perkara penting yang seharusnya kita libatkan bersama. Di antaranya adalah mempergiatkan aktiviti menghijaukan alam serta merencanakan industri pelancongan. Saya melihat peluang yang sangat cerah di mana hubungan baik di antara Kerajaan Negeri dan Pusat kini lebih terbuka. Selain daripada itu, peluang untuk anak-anak muda, anak tempatan juga lebih besar bagi mereka menjanakan pendapatan. Ini secara langsungnya akan membantu pertumbuhan ekonomi lebih mampan. Diskusi yang berterusan dan wacana mestilah dimulakan dengan melibatkan semua pihak yang berminat. Tuan Speaker, kita tidak menolak pembangunan dan pelaburan khasnya daripada Kerajaan Pusat. Tetapi apa yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini adalah pengurusan dan juga perbelanjaan projek-projek mega daripada Kerajaan Persekutuan sebelum ini seperti ECRL dan HSR. Merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan projek ECRL yang mungkin melalui Negeri Selangor akan membabit perbelanjaan sebanyak RM81 billion ini adalah satu perbelanjaan yang sangat besar. Seharusnya Kerajaan Negeri perlu ditanya, adakah projek mega ini memberi manfaat kepada Negeri Selangor. Seharusnya Kerajaan Negeri dibawa awal ke meja perbincangan sebelum dimaklumkan tentang projek-projek mega kerana projek yang besar ini sudah pastinya melibatkan agensi-agensi Kerajaan Negeri terutamanya dalam meluluskan penggunaan tanah dan sebagainya. Maka saya ingin syorkan kepada Dewan yang mulia ini, walaupun, projek-projek pembangunan, pembinaan, seperti ECRL dan HSR ditangguhkan, saya yakin pihak Kementerian dan juga Kerajaan Negeri boleh mula satu dialog baru dimana projek-projek pembinaan besar harus dibincangkan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat sebelum langkah kedua ataupun langkah ketiga diambil oleh mana-mana pihak. Tambahan juga, saya ingin menekankan satu perkara iaitu pengagihan peruntukan negeri-negeri yang perlu dikaji semula, agar sumbangan KDNK, di Negeri Selangor dapat dinikmati kembali oleh rakyat Selangor. Pulangan peruntukan, mestilah adil kepada Selangor. Bukan sahaja dalam bentuk tunai tetapi biarlah dalam bentuk penambah infrastruktur awam, sekolah, kesihatan, keselamatan dan pengangkutan. Dengan ini rakyat Selangor pastinya akan merasakan kehidupan yang lebih selesa. Juga tidak mustahil untuk Kerajaan Negeri untuk merencana satu sistem pengangkutan awam yang lebih efisien dan lebih murah. Kita telah menyediakan bas percuma. Ini bukan khayalan tetapi saya yakin Selangor mampu membina pengangkutan *train* pendek yang menghubungkan antara Bandar dan pekan seluruh negeri Selangor. Trem antara contohnya. Ini sejajar dengan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

era revolusi perindustrian 4.0, maknanya peluang yang lebih terbuka untuk rakyat untuk menjana pendapatan dan bajet untuk menjalankan projek-projek tersebut tidak perlu sebesar seperti MRT ataupun LRT. Tuan Speaker, dalam PRU yang lepas kita berdepan dengan persempadanan yang baru. Bukan sahaja pertambahan pengundi malah persempadanan kawasan juga telah memberi kesan kepada sesebuah kawasan. Sebagai contohnya, kawasan saya, Bukit Lanjan, juga terkesan dalam persempadanan ini. Di pindahkan dari Parlimen Subang, kini dinamakan Sungai Buloh, ke Parlimen Damansara sebelum ini, sebelum ini Petaling Jaya Utara. Walaubagaimanapun rakyat sudah matang, yakin dengan kepimpinan kita. Terima kasih pengundi Bukit Lanjan. Bagi memastikan proses persempadanan ini jalan dengan telus dan adil, saya mencadangkan agar semua semua agensi Kerajaan, PBT, PEBT, Pejabat Daerah, Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Pusat Khidmat DUN dan Parlimen diberi peluang untuk bersama terlibat dalam proses persempadanan semula ini. Rasionalnya adalah saya berpandangan kerjasama yang berlaku akan dapat memastikan ketepatan data pengundi, sempadan jalan-jalan dan daerah mengundi. Selain itu saya juga berpandangan bahawa penduduk yang menetap di negeri Selangor dan membayar cukai di negeri Selangor amat digalakkan untuk berpindah tempat mengundi ke kawasan di mana mereka menetap. Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, bahawa penglibatan semua pihak adalah sangat penting. Sebagai contohnya, DUN Bukit Lanjan selepas persempadanan, kini mempunyai seramai 64,217 pengundi dan Parlimen Damansara seramai 164,322 pengundi. Jumlah sebegini sepatutnya dikaji semula. Dan disemak termasuk faktor geografi, lokaliti dan sebagainya. Saya juga mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat untuk membuat kajian semula, secara menyeluruh tentang jumlah kerusi DUN dan juga Parlimen di negeri Selangor. Oleh itu peruntukan bagi setiap pusat khidmat juga perlu dikaji dan ditambahkan. Contoh, kawasan saya sekarang yang memerlukan saya untuk membuka dua pusat khidmat, menambah tenaga kerja, dan saya juga, bukan saya sahaja, tetapi semua Ahli Dewan Negeri di sini memerlukan tambahan pegawai pusat khidmat. Tuan Speaker, makanya saya tegaskan di sini bahawa, inilah masanya kita menyusun semula kaedah dan strategi yang menentapi citarasa demokrasi yang sebenar. Pengagihan kerusi perlu mengikut jumlah pengundi yang rasional jumlahnya. Tuan Speaker, 9 Mei adalah sejarah baru untuk Negara kita yang disayangi. Rakyat telah memillih dan kitalah yang bertanggungjawab untuk mencorak Negara ini. Reformasi dapat kita laksanakan berperingkat. Rasuah dan salah guna kuasa dapat kita kawal dan benteras. Malaysia Baru inilah yang kita sedang bina bersama. Kesyukuran inisiatif Peduli Rakyat adalah kunci utama kita. Promosi, taklimat, kempen dan sebagainya mestilah diteruskan. Maka kita mempunyai kelebihan untuk menjalankan kempen bersama dengan Kerajaan Persekutuan. Malaysia Baru bukan saja tentang kepimpinan baru. Ianya adalah politik baru yang matang. Keutamaan adalah amanah dan tanggungjawab ini mesti kita laksanakan. Buku Harapan yang kita bentangkan tempohari mestilah

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

dipatuhi agar rakyat yakin dan percaya reformasi pentadbiran dan pengurusan yang sedang kita laksanakan. Menyentuh tentang apa yang telah Tuanku, titahkan berkenaan tentang had umur perkahwinan. Saya amat bersetuju. Ini adalah peluang untuk Kerajaan Selangor menjadi negeri pertama yang merangka enakmen ini. Sesungguhnya enakmen inilah yang akan menjadi garis panduan kepada Kerajaan Persekutuan dan juga negeri-negeri lain. Enakmen ini mestilah jelas dan mudah difahami, ianya tidak perlu membebankan, tetapi enakmen ini mestilah dikuatkuasakan dengan baik mengikut syarat dan prosedur yang ditetapkan. Seperti yang telah berlaku baru-baru ini di Kelantan, saya melihat dari sudut yang berbeza, apa yang kita risaukan ialah kehidupan yang mendatang kanak-kanak tersebut, Dari segi pendidikan, kesihatan, fizikal dan mental. In tidak termasuk faktor ekonomi. Jika keadaan ini merunsi, akibatnya banyak fedofilia akan berlaku. Saya bimbang ini akan menyebabkan peningkatan masalah sosial dan runtuhnya nilai-nilai moral. Tuan Speaker, bagi mengakhiri ucapan saya pada sesi ini, saya ingin berkongsi sedikit pengalaman semasa PRU 14 yang lalu. Lebih 20 tahun, saya berkecimpung dalam arena politik. PRU 14 adalah fenomena yang amat berbeda. Kita merancang berbagai strategi dan kempen. Menyantuni dan mendekati rakyat. Kita julang *success story* dengan izin, pendatadbiran kerajaan negeri Selangor. Kita gunakan segala kudrat yang ada. Namun perasaan semasa berkempen sungguh mendebarkan,. Rakyat sudah membuat keputusan yang akhirnya mereka terjemahkan pada 9 Mei yang lalu ini. Justeru tugas dan tanggungjawab kita sekarang adalah untuk mempertahankan kemenangan dan menjalankan amanah sebaiknya. Benarlah kata pujangga ini, hari ini bila ia datang, jangan biarkan ia berlalu pergi, esok kalau ia masih bertandang, jangan harap ia akan datang kembali. Dan dengan kata-kata ini, Bukit Lanjan, memohon mencadangkan Usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN HJ. SHAARI BIN SUNGIB : Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kita jemput, silakan penyokong.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya penyokong. Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, EXCO, Pegawai-pegawai Kerajaan dan rakan-rakan dalam Dewan pada hari ini. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan, nasib baik kerajaan lagi, yang telah membentangkan satu usul sebagai menyokong titah Tuanku semalam. Saya bangun hari ini untuk memberi, untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan dengan satu kefahaman dan keyakinan. Bahawa apa yang kita dengar semalam dan kita akan bincangkan pada hari ini, adalah satu iltizam, satu penegasan, satu keyakinan, bahawa kita berjanji untuk benar-benar mengotakan janji kita tentang manifesto yang telah dikemukakan. Dan kita faham bahawa kepimpinan kita diperingkat persekutuan dan peringkat negeri telah menunjukkan komitmen yang sangat luar biasa. Dan kita

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

bersyukur kepada Allah S.W.T. bahawa kita faham, apabila kita menyatakan komitmen dengan iltizam kita itu, kita menyatakan bahawa kita mahu satu Malaysia Baru. Malaysia Baru dalam pengertian yang bukan retorik, bukan ungkapan-ungkapan mainan, tapi yang menuntut kesungguhanan kita bekerja. Dan bagi saya, isyarat kita bekerja bersungguh-sungguh, telah berlaku tiga orang yang syahid. Gugur di dalam perjuangan. Itu menunjukkan satu isyarat yang bukan berlaku kebetulan. Tapi menunjukkan mungkin mereka kerja kuat. Dia Over-over. Sampai mati. Dan kita juga akan mati tak lama lagi. Dan sebelum kita mati, kita akan pastikan kita buat yang terbaik. Dan dengan itu saya ucapkan bahawa saya ingin menegaskan bahawa akar umbi saya dalam perjuangan ini, yang telah menjadikan kita sebahagian daripada kerajaan persekutuan adalah satu komitmen tentang reformasi. Reformasi bagi saya adalah satu penegasan yang cukup tulin. *(Bahasa Arab)* dengan izin. Sesungguhnya apa yang aku inginkan adalah satu perjuangan Islah, perubahan, reformasi, dengan sedaya, *(Bahasa Arab)*, dengan keupayaan diriku, dan kita telah dengar dalam al-quran, dengan izin, Allah berfirman.. *(Bahasa Arab)*... *sesungguhnya Allah telah menjadikan dunia dan sistem yang ada di dalam alam ini adalah sesuatu yang telah di Islahkan.* Di reformasikan. Berterusan. Dan agen reformasinya kalau dalam sosial, dan kehidupan manusia ini adalah kita. Manusia. Reformise. Dan dengan itu kita ucapkan terima kasih, samada reformise itu dalam bentuk wakil rakyat, dalam bentuk ahli politik, dalam bentuk ahli parti, dalam bentuk NGO, dalam bentuk jalanan, gelandangan dan sebagainya. Begitulah telah memberi contribution pada kita. Termasuk pembangkang, saya kira. Bila sebut pembangkang, ada juga yang dulunya kerajaan. Saya ingin menegaskan, keduanya, marilah kita bercakap tentang demokrasi. Kita bercakap tentang satu warisan yang penting. Warisan yang penting dalam demokrasi adalah integriti. Warisan yang terpenting apabila kita bercakap tentang demokrasi itu adalah integrity. Integrity kita untuk mengotakan janji kita. Menyatakan ketegasan kita untuk memperjuangkan apa yang telah kita tegaskan. Hari ini kita satu per satu kita semak. Saya ingin menegaskan bahawa saya berharap Sidang Dewan yang diketuai pada hari ini oleh Menteri Besar yang memberikan satu kesungguhan dan komitmen, tidak tercalar apabila diadakan dalam tempoh yang agak sangat singkat, dua hari perbahasan. Dan saya harap tradisi ini kita kekalkan, reformasi yang diwujudkan dalam tempoh yang lepas adalah reformasi dewan yang sangat baik. Kita berbincang, berbincang, berbincang dengan panjang. Tidak ada sekatan dan had. Dan kita tidak mahu pada hari ini, rakyat diluar melihat isyarat, bahawa dengan Menteri Besar yang baru ini, kita tidak bersungguh-sungguh. Saya tidak bermakna demikian. Ada sebab-sebab tertentu kenapa sidang kita berjalan dengan ringkas. Dua hari. Tapi jangan sampai orang menganggap isyarat, hah.. kerajaan hari ini dibawah pimpinan Dato' Menteri Besar tidak memberi priority tentang perbahasan yang panjang ini. Tentang semak dan imbang. Jadi kita faham pada hari ini, kita akan gunakan kualiti kita yang ada dalam berbahas untuk memastikan bahawa komitmen kita, tidak tercalar. Dalam kita memastikan, bahawa kita bersunggu-sungguh dalam membawa perubahan. Dan dengan itu saya ingin menegaskan apabila kita bercakap tentang demokrasi, integrity, reformasi, perubahan, kita bercakap tentang satu pentingnya melahirkan pemimpin-pemimpin yang kita katakan pemimpin silang budaya. *Inter culture realise leader.* Iaitu satu pemimpin yang tidak terikat dengan satu kaum agenda dan sebagainya. Bahkan dia tidak melihat keyakinan agama. Macam saya, saya menyakini, dasar kehidupan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

saya, saya telah mula mencairkan, telah mula mencairkan, Islam yang saya faham adalah bukan dari segi retorik, bukan dari segi jenama, tapi dari segi penghayatan, dari segi produk, dari segi hasil yang kita lahir, dari segi perkongsian yang dapat dirasakan oleh rakyat. Ini telah dinyatakan dengan penuh syahdu oleh sahabat saya, sahabat kita, Profesor Tariq Ramadan, akhirnya terpaksa berada dalam penjara. Tidak bersalah lagi hingga dibuktikan demikian tetapi system di Perancis, mahkamahnya lain, terpaksa dia menanggung derita. Dia mengatakan, ... untuk seorang muslim berjaya dalam masyarakat Eropah, dia hendaklah menyatkan bahawa dia memberikan focus dalam menyakinkan dirinya, keluarganya, anak-anaknya, masyarakatnya, bahawa dia adalah *citizen of that western country* yang loyal dan sebaik-baiknya. Ini satu pengajaran bagi kita bahawa *to be a good swiss, good French, good English, good scootish dan sebagainya*, dia mesti membuktikan bahawa dia *loyal*, setia, taat, patuh dan memainkan peranannya yang seadanya sebagai warganegara tersebut. Bukan klim... I'm a muslim first, then the British second. Ini satu cabaran yang besar. Oleh kerana itu dia berhadapan dengan satu kesukaran. Kita nak tanamkan perasaan tersebut. Kita berasa bangga dengan identity kita. Kita muslim, kita kata ada Bank Islam, Universiti Islam, pajak gadai Islam, Ibu tunggal Islam dan sebagainya. Tetapi akhirnya kita berdepan dengan satu keadaan yang isolit, memisahkan kita. Jadi saya ingin menegaskan bahawa kita masing-masing ada pegangan agama. Oleh kerana itu saya tertarik dengan satu reflection yang saya lalui dan saya kembangkan tentang Surah Al-Hujerat, dengan izin. Surah Al-Hujerat, Surah 49 dalam Al-quran. Surah itu menyatakan bahawa, surah itu diturunkan di Madinah. Surah itu memperihalkan *detail* / terperinci adap-adap sopan peraturan-peraturan kehidupan seorang muslim bersama muslim. Dengan lima kali "Ya haiyuan lazi ma'amanu" sebut lagi "Ya haiyuan lazi ma'amanu adukum"... kemudian akhirnya ia menyatakan dalam ayat yang ada tentang ketaqwaan yang tertinggi 'Iwannas...' ini adalah satu surah perihal tentang takwa untuk mengatakan kemuncak takwa itu adalah apabila kamu mempunyai sifat yang memahami kepentingan-kepentingan seperti yang disebutkan dalam ayat tadi "... iaitu sukbah-sukbah @ kelompok-kelompok yang level, yang rencam yang macam-macam, yang tidak cukup mengatakan suhuban ... dikatakan sebagai taubat in kabillah yang macam-macam mengatakan bahawa yang *the best... the best* (dengan izin). Kepelbagaian kecaman. *The best government in the best government then make people in love* (dengan izin) kita cina ke, india ke, orang asli ke, kita jawa, minang ke dan lain-lain kita outstanding format agenda. Ini lah Malaysia baharu. Malaysia baharu bukan Malaysia 60 tahun yang lepas yang mana sikit-sikit melayu terancam, DAP cina ,benda-benda yang tertinggal, *we are finish*. Kita dah habis. Era lain telah berlalu. Era ini telah berlalu, era yang pada kita era yang membangunkan erti Malaysia baharu. Jika kita hayati dengan baru cadangan dengan beberapa perkara pertama: Kerajaan Negeri dengan rakan-rakan lain yang berada di negeri Pakatan Rakyat/Pakatan Harapan betul betul mewujudkan satu *partnership*.. saya katakan prinsip *Last in first* ...konsepnya adalah first and last ... macam mana sewa, saya ikut gurunya iaitu menjadikan syahid iaitu menjaga warisan, warisan yang dikatakan tentang integriti tiada rasuah, punca rasuah benci kezaliman, tidak suka zalim, hak kebebasan kepada rakyat walaupun ia rakyat biasa *I'm Malaysian, I'm Malaysian, I'm Malaysian, We're Malaysian, I respect you* sebagai hindu, non muslim. Jangan jadikan muslim sebagai agama kebangsaan kita. Dan kita diwujudkan sebagai satu model dan model pembangunan yang baik agar

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

kita membetulkan proses dengan berteruskan. Kedua, saya ingin mencadangkan di sini bahawa apabila kita bercakap tentang Malaysia baharu mesti ada kreteria baru ... kita mesti menyatakan bahawa apa yang kita hendak adalah *inclusivity, inclusive* maknanya kita tidak perlu cari prinsip kita. ... (batuk) tidak boleh minum ya? Tapi kalau itu saya ingin menegaskan di sini bahawa yang kita katakan sebagai Malaysia baharu *inclusive* maknanya kita tiada perkara-perkara sensitive, yang susah, yang menyusahkan, tapi adalah merujuk kepada perkara-perkara yang boleh mendekatkan kita. Jadi ini yang kedua. Dan ketiga, saya ingin menekankan bahawa Malaysia baharu tiada benda yang tidak baik bunyi macam satu... satu kemuncak yang diangan-angan kan tapi... kita dalam reformasi selama 20 tahun, kita pun tidak sangka kita boleh menang selepas 2008, 2013 menang. Menang kita menang tapi paling cantik adalah ... mengatakan sesiapa hendak masuk reformasi kita tiada hal. Kita tiada halangan. Kita ada hak untuk menghalang. Satu sistem cantik dari Datuk Seri Anwar Ibrahim (dengan izin) terhadap keinginan Tun Mahatir untuk reformasi. Ini *shift* . saya Saya orang menentang Pakatan Harapan, saya tentang Tun Mahatir, saya bersama rakan-rakan otai dari. Dan apabila kita Nampak Datuk Seri Anuar, siapa kita? *how are we* ? anuar cakap kena lempang separuh mati semua itu *How am I, stop Mahathir joining*. Bila ia berlaku dah sampai bila Ini kita harap dan satu ciri yang ada pada kita, satu perjuangan yang hebat, satu perjuangan yang membolehkan kita bekerjasama dengan semua pihak, dengan semua pihak. Biar ada. Biar kita faham perjuangan jika bukan zero bukan tapi perjuangan besar dan luas. Dengan itu, saya ingin menekankan kualiti rakyat perlu dipertingkatkan. Kualiti hidup rakyat di negeri seperti di Hulu Kelang tidak sepatutnya berlaku banjir, banjir 15 minit, banjir kilat, banjir sebab kecuaiannya kita sebab ada agensi tidak potong rumput di kawasan takungan air. Kita berdepan dengan masalah-masalah yang dikaitkan sebagai denggi, bila *somebody* meninggal sebab denggi, saya anggap lebih baik kita serah kepada Allah dan takdir saya cakap. (dengan izin) saya mohon maaf jika ayat saya tidak betul tapi saya boleh tarik balik, saya rasa saya tengok orang ini tidak sepatutnya meninggal sebab itu semua kecuaiannya kita. Kita tidak tolak takdir Allah tapi kita cari sebab dan *resend*. Dan saya menegaskan di sini bahawa satu lagi tidak sepatutnya berlaku iaitu jerebu. Jerebu ini adalah sebab sikap. Jerebu berlaku bukan sebab tamak tapi cuai. Cuai itu berlaku apabila kita *everyday never-never* bakar sampah, bakar sampah kecil ke, daun rumput dan sebagainya. Terima kasih dan Malaysia baharu tidak akan membenarkan seorang ADUN nya kehausan tidak minum. Terima kasih. (minum).

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Hulu Kelang, pertimbangan itu adalah keadaan fizikal yang kita ambil kira. Silakan.

Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB: Saya ingin tegaskan bahawa *opening* MPAJ antara banyak tempat yang banyak rekod. Rekod yang bagus dan tidak bagus. Bagus dari segi penguatkuasaan dan tidak bagus dari segi mereka dibenarkan. Dan satu lagi adalah perkara yang tidak patut berlaku adalah dari segi runtuhnya tebing-tebing, cerun-cerun yang sepatutnya. Kita mahu agensi-agensi kita bekerja baik. Kita satu kerajaan. Saya berdepan dengan masalah penduduk marah pada MPAJ pada saya, satu kawasan berdekatan dengan DUKE Highway jadi untuk itu kita tengok, saya

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

pakai, ada yang prihatin saya bagitahu kepada MPAJ. MPAJ kata ini kawasan bawah bidangkuasa DBKL. DBKL kata memang kawasan DBKL tapi bila keluar tanah runtuh itu masuk kawasan MPAJ datang hujan, air hujan, bawa air hujan itu, air itu dari MPAJ, itu... janganlah tak itu nak minta itu Nik Najmi dan Saari Sungib kena mesyuarat. Kita mahu difahamkan kita kakitangan awam kadang-kadang kita kerajaan membantu memudahkan rakyat dan menjadikan saluran dengan rahmat kepada kita. Jadi saya menguapukan terima kasih. Saya menyokong. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telahpun di sokong. Maka dengan ini saya buka kepada perbahasan kepada Yang Berhormat sekalian. Dipersilakan. Silakan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Bismillah irrahman irrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarukatuh dan salam sejahtera. Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker dan ahli dewan yang mulia ini atas pemasyuran saya sebagai Ketua pembangkang sebentar tadi dan sebentar ini juga saya ingin mengucapkan takziah kepada sabahat-sahabat yang telah meninggalkan kita seperti yang telah dimaklumkan oleh Tuan Speaker sebentar tadi. Doakan saya Tuan Speaker agar tidak melepaskan jawatan dan tidak lari dewan (ketawa). Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Air Tawar dalam membahar Titah Menjunjung Kasih Pembukaan Sidang DUN oleh Duli Yang Maha Mulia. Sesungguhnya titah ucapan DYMM Sultan Selangor memberi kesan yang cukup bermakna buat patik-patik sekalian dan mendapat mandat rakyat mewakili diri mereka dalam dewan ini, sebagai ucapan saya mewakili barisan pembangkang di dalam dewan yang mulia ini mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua yang telah dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang baharu bagi menggantikan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Walaupun berlainan fahaman politik saya mendoakan Yang Amat Berhormat bersama barisan EXCO dapat melaksanakan mandat yang diberikan ini sebagai amanah dan penuh berintegriti. Apa yang pasti, perkenan yang diperoleh dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai raja di negeri ini untuk melantikan Yang Berhormat Sungai Tua haruslah kita semua patuhi dan junjungi. Tuan Speaker dan Dewan Yang Mulia ini landskap politik di tanah air kita berubah sepenuhnya PASCA biar impak. Kerajaan Persekutuan yang ditadbir oleh Barisan Nasional semenjak kemerdekaan tanah air 1957 telah diberikan jalan keluar oleh rakyat. Rakyat memberikan tempoh 5 tahun kepada Barisan Nasional untuk berehat sebentar. Selepas tempoh panjang selama 60 tahun pentadbiran negara mencorak Malaysia sehingga ke hari ini sementara di Selangor pula Kerajaan Negeri Pakatan Harapan atau pun sebelum ini Pakatan Rakyat terus mendapat mandat daripada rakyat. Mandat ini bukan setakat mandat mentadbir tapi mandat ini juga lebih besar daripada berbanding sebelum ini. Ditambahkan lagi ada perbezaan antara parti pembangkang memerintah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bermakna urusan yang sama ini menjadi pertikaian antara keduanya dapatlah diselesaikan demi keselesaan rakyat Selangor ini. Ditambah sementara di Barisan Nasional, kami sedar jumlah kami semakin berkurangan. Kami tiada nombor di sini. Sebelum ini kami ada 12 wakil dalam dewan ini

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

yang tinggal kini hanyalah tinggal 4 orang sahaja. Sudah tentulah ini satu cabaran besar yang perlu kami harungi sepanjang lima tahun yang akan datang. Kami ini umpama pipit terbang, mana mampu terbang walaupun seiring di sebelah rumah namun begitu ia bukan satu alasan kepada kami untuk tidak berbuat apa-apa. Ditambahkan dengan wakil PAS di blok sebelah sini bermakna hanya 5 ahli barisan Ahli Pembangkang yang akan terus memainkan peranan kami bagi memastikan proses demokrasi semak dan imbang atau “*check and balance*” dengan izin terus berkumandang di dalam dewan ini. Kecil tidak bermakna lemah, kami beriktizam untuk menjadi mata dan telinga untuk rakyat Selangor dalam memastikan Kerajaan Negeri terus melaksanakan tugas mereka sebaik mungkin. Apa yang paling utama pada ketika ini bukan lagi soal aku betul engkau salah. Sebaliknya untuk memastikan nasib kehidupan rakyat negeri ini terus terbela. Tempoh untuk kita bermain politik hanya akan tiba dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Sesungguhnya suara rakyat adalah suara keramat telah pun didengari dan dibuktikan pada PRU 14 yang lalu. Biar rakyat yang menentukan untung nasib kita pada 5 tahun yang akan datang. Kini adalah masa untuk kita semua melaksanakan amanah yang telah diberikan, masa untuk kita bekerja untuk rakyat dan demi rakyat. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang realiti ekonomi serta kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor ini. Rakyat Selangor selama ini dihadang dengan pelbagai berita bahawa ekonomi Negeri Selangor di bawah Kerajaan Negeri ini adalah sangat baik dan cemerlang. Tetapi sejauh mana kebenaran berita penyedap halwa telinga ini. Selangor seperti yang mana kita ketahui umum merupakan nadi ekonomi Malaysia bertahun lamanya. Peranan Selangor sebagai pusat ekonomi Negara telah berlangsung sejak kemerdekaan lagi. Saban tahun Selangor menyumbang besar dalam pendapatan perkembangan ekonomi Negara. Peranan penting Selangor ini sudah tentu memerlukan punca sokongan dari kemudahan infrastruktur, fasaliti yang secara langsung mampu menjadikan Selangor seperti apa yang dilihat pada hari ini. Segala pembangunan infrastruktur yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan telah membawa Selangor sebagai sebuah negeri maju dan telah berjaya menjadikan Selangor penyumbang terbesar kepada perkembangan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya. Sebagai denyut nadi kepada Malaysia maka jika sesuatu yang tidak baik berlaku di Negeri Selangor maka runtuh binasalah segala sistem yang ada di Negara ini. Pendek kata bila sakit Selangor ini berjangkitlah ia ke negeri lain di Malaysia. Jika sihat Selangor ini maka hebatlah juga seluruh Negara kita ini. Atas dasar itu segala perkara yang melibatkan “*bread and butter*” dengan izin atau perkara asas seperti jaringan jalan raya, bekalan air, elektrik serta kemudahan asas yang lain boleh dikatakan telah lengkap dan siap dibina asasnya oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum itu. Baik di peringkat persekutuan mahupun di peringkat Negeri sendiri Pra PRU 2018. Apabila Kerajaan Pakatan Harapan atau ketika itu masih lagi Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran negeri. Persoalan “*bread and butter*” dengan izin bukan lagi menjadi masalah utama yang perlu dihadapi. Secara asasnya Kerajaan Negeri hanya perlu membuat penambah baikkan kepada kemudahan yang siap dibina. Namun walau ketika itu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan belum lagi ditadbir oleh Parti yang sama. Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional tidak pernah mengenetepikan soal pembangunan Negeri Selangor memandangkan Selangor ini telah nadi ekonomi. Jika sekali pun Kerajaan Negeri tidak berbuat apa-apa Kerajaan Persekutuan tetap perlu memastikan “*business*” seperti biasa di Negeri Selangor bagi

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

memastikan Pusat Ekonomi Negara ini terus hidup subur. Walau pun begitu Kerajaan Negeri masih tetap perlu memainkan peranan tetapi sejauh manakah keberkesanan peranan yang telah dimainkan oleh Kerajaan Negeri selama tempoh tersebut. Saya ingin menyerot kembali tentang prestasi Kerajaan Negeri dari sudut ekonomi dan kewangan berdasarkan laporan-laporan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia serta laporan Ketua Audit Negara berkenaan prestasi Kerajaan Negeri yang telah dikeluarkan pada penghujung tahun lalu. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa kita ketika menjadi Menteri Besar sebelum ini mendabik dada dengan angka peratusan lebih 20% sumbangan keluaran dalam Negara kasar Negeri Selangor kepada Negara. Kita tidak menafikan sumbangan Negeri Selangor dalam peratusan KDNK Negara ini. Tetapi apa yang beliau nyatakan sebelum ini hanyalah penyedap halwa telinga. Untuk rekod Negeri Selangor untuk menjadi penyumbang KDNK kepada Negara sejak dari dahulu lagi. Perkara ini mampu dicapai kerana sejak dari dahulu lagi Negeri Selangor adalah pusat ekonomi Negara. Daripada data yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia sumbangan KDNK Negeri Selangor kepada Negara adalah sentiasa paras melebihi 20% sejak pentadbiran terdahulu lagi. Asasnya telah lama dibentuk dan jika dilihat kepada peratusan KDNK Negeri Selangor kepada Negara pada tahun 2017 adalah paling kadar 23% hanya 1.1% lebih tinggi berbanding tahun 2008 ketika Kerajaan Pakatan mengambil alih pentadbiran negeri. Ini berkenaan KDNK kita pergi pula kepada jumlah rozab Kerajaan Negeri, rakyat sering dihidangkan dengan kata-kata manis tentang bagaimana Kerajaan Negeri Selangor di bawah pentadbiran kerajaan hari ini telah meningkatkan simpanan rizab Negeri Selangor dengan ketara untuk tempoh 10 tahun pentadbiran mereka. Jika dilihat dari jumlah simpanan rizab Kerajaan Negeri Selangor saya mengakui memang berlaku peningkatan dalam tempoh 10 tahun ini. Namun kita meneliti jumlah simpanan rizab ini jika sebenarnya harus dilihat berapakah jumlah perbezaan penambahan rizab dari setahun ke setahun. Pada tahun 2003 jumlah simpanan rizab Kerajaan Negeri ketika itu adalah berjumlah RM709 juta. Untuk tempoh 5 tahun berakhir pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional iaitu daripada tahun 2003 hingga 2007. Rekod penambahan rizab tertinggi adalah pada tahun 2007 dengan kenaikan sebanyak 39.8% kepada RM1.39 bilion berbanding pada tahun sebelum itu hanya RM992 juta sahaja. Selepas itu sewaktu pentadbiran Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim rekod tertinggi dicatatkan adalah pada tahun 2012. Iaitu kenaikan sebanyak 34.7% kepada RM1.62 bilion. 2 tahun selepas itu iaitu pada tahun 2014 Tan Sri Khalid Ibrahim digulingkan dan diganti dengan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Pada tahun tersebut rizab negeri meningkat sebanyak 10% dan jumlah kenaikan pada tahun berikutnya itu pada 2012 hanyalah 1.8%. Tetapi apa yang mengecewakan pada tahun 2016 rizab Kerajaan Negeri berkurangan sebanyak 6.4% kepada RM3.03 bilion. Sekali lagi saya katakan saya tidak menafikan jumlah rizab negeri bertambah berbanding tempoh 10 tahun pun yang terdahulu. Tetapi dari dilihat dari segi peratusan kenaikan tertinggi yang pernah dicatatkan masih lagi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Barisan Nasional dahulu. Tak apa Pakatan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Banting minta mencelah.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Silakan.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Ketua Pembangkang boleh duduk sementara.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Apakah guna kalau rizab itu makin bertambah tambah tetapi ianya tidak digunakan untuk kepentingan rakyat dan bukannya benar bahawa kemerosotan rizab itu sekiranya berlaku pada zaman Pakatan Harapan atau Pakatan Rakyat. Ianya berlaku kerana wang itu digunakan untuk menjalankan program-program IPR. Kita memulangkan wang kerajaan kepada rakyat, bukannya itu sesuatu yang perlu disanjung tinggi dan diberi galakan. Dan bukannya itu satu teguran selalunya berlaku daripada sebelah sana semasa kita memegang seawal tahun 2008. Akhirnya kita merasakan kita perlu belanjakan, kita belanjakan. Apakah Yang Berhormat berpendapat dan apakah Yang Berhormat cadangkan?

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Banting. Izinkan saya meneruskan ucapan saya. Tak apa Pakatan Harapan akan terus memerintah untuk tempoh 5 tahun yang akan datang. Saya berharap di bawah pentadbiran Menteri Besar yang baru ini rekod pencapaian terbaru ini dapat diatasi dan saya bersedia untuk menyokong usaha-usaha yang baik untuk memastikan rizab negeri terus berkembang pada masa akan datang. Seterusnya dari melihat kepada rizab negeri kepada kita lihat pula pada perkembangan perubahan jumlah kutipan hasil oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2003 jumlah hasil yang diperolehi adalah sebanyak RM960 juta. Dalam tempoh 5 tahun terakhir pentadbiran Barisan Nasional rekod pernah penambah hasil tertinggi adalah sebanyak 19.9% pada tahun 2006 iaitu sebanyak RM1.16 bilion. Pada tempoh Tan Sri Khalid Ibrahim pula rekod tertinggi yang dicatatkan pada tahun 2012 sebanyak 19.6%. Pada tempoh pentadbiran Yang Berhormat Bukit Antarabangsa pula kenaikan tertinggi adalah pada kadar 13.6% atau RM2.53 bilion iaitu pada tahun 2015 sebelum berkurang sebanyak 1.1% pada tahun 2016. Sepanjang pentadbiran Pakatan Rakyat, Pakatan Harapan turut berlaku pengurangan jumlah kutipan hasil yang paling banyak iaitu apa tahun 2010 dengan jumlah kutipan sebanyak RM1.6 bilion sahaja iaitu penurunan sebanyak 11% berbanding tahun sebelumnya. Selain daripada itu perkara yang paling menimbulkan kebimbangan saya berkaitan dengan hasil ini ada dari mana datangnya sumber ini. Penyumbang utama kepada hasil negeri adalah premium tanah. Premium tanah ini membentuk 53% dari keseluruhan simpan hasil Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri harus sedar akan sampai sesuatu ketika kebergantungan hasil premium ini akan berkurangan apabila banyak tanah-tanah ini selesai proses konvensi. Jika Kerajaan Negeri gagal mencari alternative hasil pada masa tersebut nanti, saya kuatir jumlah hasil akan terus turun secara mendadak. Jadi saya berharap agar perlantikan Menteri Besar yang baru ini dapat membentangkan satu idea yang segar dan memastikan kutipan hasil akan terus meningkat pada masa akan datang

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

tetapi pada masa yang sama kutipan hasil tersebut tidak akan membebankan rakyat dengan kenaikan apa-apa cukai kerajaan. Kita akui di Negeri Selangor ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Tiada hasil bumi seperti di negeri-negeri lain tetapi di Negeri Selangor ini

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : di Negeri Selangor ini kita ada pelaburan yang paling besar di Negara ini.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar, Banting bangun untuk mencelah.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Tapi saya ingin selesaikan dahulu, sikit lagi.

TUAN SPEAKER : Sila duduk dahulu Banting.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Di Negeri Selangor ini juga ada lapangan terbang paling maju, di Negeri Selangor ini infrastruktur dan jaringan perhubungan juga adalah yang paling moden di Malaysia. Gunakan juga kesempatan hubungan pentadbiran persekutuan yang kini di bawah pentadbiran parti yang sama untuk mencari alternative terbaik. Jika yakni SISL serta SISL yang dicadang bukan sebelum ini dijangkan memberi pulangan yang baik kepada negeri, minta Kerajaan Persekutuan jangan batal. Jangan setakat lihat jumlah kos sebaliknya kita juga perlu melihat pada keuntungan yang bakal dicipta menerusi projek-projek ini. Masa berpolitik sudah tamat tiba masa untuk bekerja untuk rakyat.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang laporan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : berkaitan pelaksanaan projek.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Saya ingin mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar ada dua yang ingin mencelah. Yang Berhormat Banting dan Yang Berhormat Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Tuan Speaker.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Belum lagi.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Izinkan saya meneruskan ucapan saya Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Tidak boleh lagi ya.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Masa tidak mengizinkan.

TUAN SPEAKER : Sila duduk Yang Berhormat.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang laporan berkaitan pelaksanaan projek di negeri ini mengikut laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan pada tahun lalu, laporan tersebut adalah amat menyedihkan dari sejumlah 336 projek yang diluluskan pada tahun 2015 menerusi belanjawan negeri 2016 hanya 8% sahaja yang telah siap dilaksanakan. Ketika laporan tersebut dikeluarkan 35% projek masih dalam pelaksanaan dan apa yang mengejutkan 57% projek masih belum dimulakan. Saya tidak pasti apa yang menyebabkan perkara ini berlaku tetapi saya minta agar pihak kerajaan negeri dapat memaklumkan kepada Dewan ini status terkini projek-projek yang telah diluluskan pada tahun 2015. Sudah hamper 3 tahun sejak ia diluluskan, jadi saya berharap semua projek ini sudah siap dilaksanakan. Kerajaan Negeri harus come clean dalam hal ini kerana rekod ini jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain adalah jelas Negeri Selangor ini mencatatkan rekod yang paling teruk dan terke bawah sekali apabila dibaca keseluruhan laporan yang telah dikeluarkan. Saya juga berharap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 yang akan dikeluarkan pada penghujung tahun ini nanti khususnya berkaitan status pelaksanaan projek kerajaan negeri ini tidak lagi mengulangi rekod kerajaan yang terdahulu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon, mohon mencelah.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Saya rasa Tuan Speaker,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Air Tawar, Bukit Gasing ingin mencelah, adakah..

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Bukit Gasing bagi saya habiskan ucapan ini lepas itu

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Kena debat ini. Tadi hujan

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Saya hendak habiskan. Bagi saya ruang, saya tak bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila duduk Bukit Gasing.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Saya rasa Tuan Speaker cukuplah saya bercakap serba sedikit sesi gelap kedudukan ekonomi dan kewangan kerajaan negeri yang tidak dinyatakan sebelum ini oleh Kerajaan Negeri. Saya memberi sepenuh kepercayaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagaimana perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang melantik Menteri Besar yang membawa perubahan yang lebih baik buat negeri kita yang tercinta ini. Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh tentang bab reformasi institusi yang selama ini kononnya dijuarai oleh pihak disebelah sana. Janji 12 manifesto Pakatan Harapan telah mengariskan bahawa tempoh jawatan Perdana Menteri akan dihadkan kepada hanya 2 penggal. Janji ini juga menyatakan akan diterapkan bagi jawatan Menteri Besar. Saya faham bahawa Dewan Rakyat Kerajaan Persekutuan tidak cukup 2/3 untuk menginstitusikan perkara ini. Tetapi di Dewan Negeri ini, kerajaan cukup jumlah untuk meminda Undang-undang Tubuh bagi memastikan perkara ini dapat direalisasikan. Persoalannya mudah, adakah kerajaan negeri bersedia untuk mengambil langkah berani untuk memulakan perkara ini. Saya berharap Menteri Besar dapat memberi pencerahan berkenaan perkara ini. Jangan setakat berani berjanji tetapi akhirnya menyatakan manifesto bukan kitab suci dan hanyalah sebagai panduan. Selain janji tempoh had kedua penggal ini, kerajaan Pakatan Harapan juga telah berjanji menerusi Janji 22 untuk tidak lagi melantik Ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai kaitan politik di dalam syarikat milik kerajaan atau GLC. Oleh yang demikian, saya mendesak agak kepimpinan kerajaan negeri juga mengambil langkah sama untuk tidak melantik Ahli Lembaga Pengarah di syarikat milik kerajaan negeri yang datangnya dari ahli-ahli politik. Kalau kita buat semakan di laman web, beberapa anak syarikat kerajaan negeri contohnya Kumpulan Peransang Selangor masih ada lagi ahli parti politik yang duduk di dalam Lembaga Pengarah syarikat iaitu Dato' Kamarul Bahrin Abas yang sebelum ini adalah Ahli Parlimen Teluk Kemang. Mungkin ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Air Tawar panjang lagi ke?

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Lagi sikit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sebab apa tempoh 10 minit telah tamat. Cuba habiskan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Tuan Speaker, seperti yang saya sebut-sebutkan awal tadi ini adalah nadi ekonomi Negara. Bermakna apa-apa kesan atau tidak langsung berkaitan sistem ekonomi akan terlebih dahulu akan dirasai oleh rakyat serta penduduk Negeri Selangor ini. Hal ini termasuklah berkenaan kos sara hidup. Pakatan Harapan ketika kita menjadi Pembangkang sebelum ini telah berjanji untuk menghapuskan cukai GST kerana kononnya dengan penghapusan GST kos sara hidup rakyat akan menurun. Tetapi selepas GST kadar sifar pada Jun lalu tidak banyak perubahan dapat dilihat pada harga barang harian. Sepanjang tempoh tax holiday selama 3 bulan yang berlangsung tersebut terdapat banyak aduan yang menyatakan harga barang telah dinaikkan oleh peniaga. Akhirnya GST dimansuhkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara manakala cukai SST telah diperkenalkan bermula 1 September. Beberapa hari yang lalu yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Sudahlah Kerajaan Persekutuan akan merungut memungut hasil yang lebih sedikit malah kos sara hidup rakyat terus meningkat susulan pengenalan semula SST ini. Selain daripada itu juga, kini sedang berdolak dalih dengan program bantuan BRIM. Perdana Menteri telah menyatakan bahawa bantuan BRIM akan dimansuhkan secara berperingkat serta kononnya BRIM ini menjadikan rakyat pemalas. Kenyataan Perdana Menteri ini juga turut disokong oleh Bukit Antarabangsa yang menyatakan BRIM ini adalah unsur-unsur rasuah. Jadi saya kiranya ianya berunsur rasuah, saya cabar Bukit Antarabangsa untuk segera membuat laporan SPRAM dan PDRM untuk siasatan terbuka dijalankan. Saya suka ingatkan bahawasanya konsep BRIM ini telah dicadangkan dan disokong penuh oleh Gabenor Bank Negara Tan Sri Zetty yang kini merupakan Majlis Penasihat Kerajaan CEP. Jika konsep BRIM ini salah kenapa kerajaan masih melantik Tan Sri Zetty ini sebagai penasihat kerajaan. Tidak cukup dengan itu Tan Sri Zetty telah dilantik sebagai Pengerusi PNB dan SIME DB Property. Pakatan Harapan jangan lupa janji 3 dalam manifesto mereka. Janji ini jelas menyatakan BRIM akan terus dilaksanakan. Jika ada kelemahan dari segi pelaksanaan perbaiki perkara tersebut. Jangan dengan mudah menuduh rakyat pemalas dan terlalu bergantung kepada tongkat tetapi pada masa sama syarikat yang ada kena mengena anak Perdana Menteri diberi layanan istimewa dan diberi payung emas. Petron menjadi pembekal minyak kepada kerajaan dan juga mendapat projek TM.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Air Tawar sila habiskan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Saya ingin kepada kerajaan negeri bagaimana pula dengan skim-skim IPR iaitu Inisiatif Peduli Rakyat yang telah diwujudkan di Negeri Selangor seperti KISS, Skim Peduli Sihat, Skim Peduli Usia Emas lain-lain. Adakah ini juga bersifat rasuah? Dengan inisiatif yang disediakan alangkah baiknya jika Kerajaan Negeri tidak menghapuskan inisiatif semua ini dan saya mencadangkan agar ia ditambah lagi jumlah bantuan ini memandangkan rakyat kini menderita, tertipu manifesto Pakatan Harapan. Cadangan ini juga baik untuk rakyat memandangkan cukai SST telah dilaksanakan beberapa hari lepas telah mula membuatkan ramai rakyat mengeluh dengan kesan kenaikan harga barang.

Oleh yang demikian, kerajaan janganlah pandai berjanji daripada Pakatan Harapan kini bertukar menjadi punah harapan. Jika sebelum ini laju mulut menghentam kerajaan terdahulu kini adalah tanggungjawab kamu sebagai penghulu. Jangan cakap tak serupa bikin, Kerajaan Pakatan Harapan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Sikit lagi untuk saya habiskan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Masa yang diberikan agak terhad.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Ini saya hendak sebutkan berkenaan DUN saya.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya kira kita bagi peluang kepada ramai perbahas dan masa yang agak terhad dalam sidang ini.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Untuk DUN saya boleh?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya cadangkan Yang Berhormat Sungai Air Tawar tamatkan ucapan yang terakhir seminit dan sila duduk.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Seminit ya? Tuan Timbalan Speaker, cukuplah saya bercakap dengan dasar-dasar kerajaan dan kerajaan Persekutuan. Saya ingin turut mengambil kesempatan ini untuk membawakan beberapa permasalahan yang sedang melanda rakyat yang saya wakili di DUN Sungai Air Tawar. DUN Sungai Air Tawar terletak di daerah Sabak Bernam. Akhir-akhir ini terutama pada PRU 14 telah banyak rungutan yang saya terima daripada pengusaha kebun kecil mengenai kejatuhan komuniti kelapa sawit dan juga kelapa. Bagi komuniti kelapa rungutan yang saya terima adalah pendapatan yang diperolehi oleh mereka adalah jauh lebih rendah berbanding modal yang telah dikeluarkan. Hal ini berlaku menurut mereka adalah kerana lambakkan kelapa import dari Indonesia yang ditawarkan pada harga yang sangat rendah menjadi pilihan utama pengguna tempatan sehingga menyukarkan mereka untuk menjual hasil tanaman mereka. Disebabkan itu, pengusaha kecil kelapa ini akhirnya telah terpaksa membuang harga bagi memastikan hasil mereka dapat dijual bagi menyaingi harga kelapa dari Indonesia. Hal ini turut dirasai oleh pekebun kecil kelapa sawit. Kelambakkan harga komuniti ini semakin menghimpit pekebun kecil ini. Jika sebelum ini permintaan kepada kelapa sawit telah dibantu dengan usaha Kerajaan Persekutuan, Barisan Nasional untuk mendapatkan pasaran daripada China, tetapi nasib pekebun kecil kelapa sawit di bawah Kerajaan baharu ini masih lagi samar-samar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Tawar, kita beri peluang kepada orang lain pula.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Ok, untuk akhirnya saya mohon ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dah akhir dah tadi. Yang Berhormat kita beri peluang kepada orang lain pula.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Kuku sayap bertongkat baru, Siku paruh bertongkat dagu, patah Siku bertongkat siku, rakyat bangkit awas kamu. Tuan Speaker, demi keadilan, kebenaran dan demi kesejahteraan rakyat Sungai Air Tawar mohon menyeru.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sungai Air Tawar. Kita menjemput Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa, silakan.

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera. Pertama saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahaskan usul titah ucapan Duli Yang Maha Mulia

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Sultan Selangor sempena Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2018. Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun mendengar dengan tekun titah nasihat Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam dan saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat akan setia kepada perjuangan untuk mengangkat martabat rakyat dan membangunkan Negeri Selangor. Pendirian yang saya pegang selama ini adalah kerjasama yang erat yang sedia terjalin diantara pihak eksekutif dan perkhidmatan awam merupakan faktor yang terpenting untuk menjamin sistem penyampaian yang baik, efisien dan pengagihan kekayaan yang adil kepada semua rakyat. Saya yakin bahawa pentadbiran hari ini dibawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Sungai Tua akan terus berpegang kepada prinsip yang telah ditegaskan di dalam Al-Quran (bacaan ayat Al-Quran) dimana Allah menyeru kita untuk berlaku adil dan membuat ehsan. Alhamdulillah di atas prinsip yang samalah kita telah menyaksikan kejayaan demi kejayaan yang tercatat dalam Negeri Selangor. Saya juga mendengar dengan tekun ucapan sulung Ketua Pembangkang sebentar tadi. Orang muda, banyak idea tetapi saya kira beliau masih memerlukan pencerahan. Dan sidang Dewan ini merupakan satu tempat forum untuk kita berbincang dan saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan memberikan pencerahan di atas beberapa perkara Yang Berhormat bangkitkan. Tetapi saya ingin menyentuh sedikit oleh kerana Yang Berhormat juga mencuit saya beberapa kali sebentar tadi. Mungkin ini merupakan satu provokasi, namun saya anggap ini sebagai lontaran yang positif untuk mendapatkan maklum balas. Pada pandangan Yang Berhormat kejayaan Negeri Selangor ini bukanlah baru, Yang Berhormat sebut bahawa dari dulu pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional telah mencatatkan kejayaan. Maka apa yang didakwa oleh Pakatan Rakyat dan hari ini Pakatan Harapan sebenarnya adalah kejayaan yang diwarisi daripada UMNO dan Barisan Nasional, itu kefahaman saya. Namun saya ingin menjawab ianya tidak semestinya berlaku sedemikian Yang Berhormat. Kalau benarlah ada catatan kejayaan yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional sebelum ini tetapi kalau yang mewarisi itu satu kumpulan yang tidak jujur, yang rasuah, yang tidak amanah ianya akan punah semula. Ini yang kita lihat berlaku diperingkat Persekutuan. Di zaman Tun Dr. Mahathir kita telah mencatatkan satu kejayaan yang luar biasa membangunkan Negara Malaysia daripada sebuah negara pertanian yang menjadi Negara Industri yang hebat bukan saja dirantau ini tetapi diseluruh dunia. Sebuah ekonomi yang kecil tetapi menjadi gah dan kuat diperingkat antarabangsa. Itu di zaman Tun Dr. Mahathir, namun apa yang berlaku di dalam beberapa tahun yang lalu menyaksikan kalau benar pun UMNO telah mencatatkan kejayaan di bawah Tun Dr. Mahathir tetapi tidak semestinya kejayaan itu dapat diteruskan di zaman Dato' Seri Najib Tun Razak. Seheinggakan Negara menjadi punah, persepsi Malaysia menjadi buruk di peringkat antarabangsa kerana skandal kewangan yang terbesar dalam sejarah dunia pada hari ini. Ini tidak boleh dinafikan, maka untuk menjawab persoalan Yang Berhormat tidak semestinya kejayaan yang lalu itu boleh diteruskan sekiranya yang mewarisi itu tidak jujur. Yang hendak saya tegaskan kerajaan Pakatan Rakyat, Pakatan Harapan hari ini sebuah kerajaan yang mewarisi legasi UMNO dan Barisan Nasional tapi kita telah berjaya melakukan reformasi total sehingga mengangkat Selangor sebagai negeri termaju dalam Malaysia pada hari ini. Begitu juga dengan angka-angka yang diberikan Yang Berhormat saya percaya Yang Amat Berhormat akan jawab, iya rizab kita dari segi peratusan mungkin

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

ada turun naik tapi apa yang ditegaskan Banting sebentar tadi, prinsip kita, rizab itu bukan untuk disimpan seperti prinsip yang dipakai oleh sahabat baru Yang Berhormat sekarang yang dulunya adalah daripada Pelabuhan Kelang, Tan Sri Khalid Ibrahim. Prinsip yang kita pakai rizab itu adalah hasil daripada penjimatan perbelanjaan yang berhemah, proses tender yang terbuka, melalui prinsip-prinsip ketelusan, maka rizab itu harus digunakan untuk pembangunan negeri Selangor. Kalau kita tidak ada rizab yang besar bagaimana kita boleh membangunkan negeri Selangor yang telah diasak dan dibuli oleh parti Yang Berhormat. Kita menggunakan hampir RM1 billion daripada rizab yang ada dinegeri Selangor untuk membina loji rawatan air Semenyih dan loji rawatan air Pelabuhan Dagang yang sepatutnya dibina oleh Kerajaan Persekutuan pada ketika itu. Tetapi atas prinsip untuk memberikan manfaat kepada rakyat negeri Selangor, pengguna dan industri oleh sebab kedudukan kewangan yang kukuh kita telah dikeluarkan untuk tujuan ini yang menelan belanja hampir RM1 billion. Kita bukan untuk guna untuk menyogok untuk mendapatkan undi. Yang kita menentang BRIM ini kerana prinsipnya salah. Prinsip BRIM ini adalah untuk memberi kepada orang-orang UMNO bagi tujuan mendapat undi dalam pilihan raya berbeza dengan Selangor kita tidak menyogok dengan wang tunai. Kita empower, kita memberdaya rakyat Selangor supaya kita boleh berdiri atas kaki mereka sendiri. Sebab itu dalam..... Sungai Burong kan dah dengan saya lama haritu, saya nak bagi peluang orang baru, Sungai Burong. Sungai Burong dah terlalu lama.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Nak mencelah sikit. Saya Tuan Speaker fasal Bukit Antarabangsa ini menyentuh fasal BRIM tu dikatakan hanya diberikan kepada UMNO. Jadi saya nak supaya Yang Berhormat dapat buktikan kerana selama ini BRIM ini yang melaksanakannya adalah agensi kerajaan dari sistem delivery dan penerima masuk dalam akaun mereka yang berkelayakan di bawah pendapatan daripada dulu asalnya RM3,000 ke bawah hingga RM5,000 ke bawah dan mereka ini semua tak ada diskriminasi pada UMNO hanya UMNO saja seperti mana sangkaan jahat Bukit Antarabangsa itu. Ini saya mohon pencerahan.

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Sungai Burong, umum sedia maklum bagaimana proses penyerahan BRIM itu dijalankan. Tidak perlu kita nafikan. Yang keduanya ini membuktikan bahawa kegagalan kerajaan UMNO untuk mengangkat golongan B40 sehingga terlalu banyak kita terpaksa belanja lebih hampir RM8 billion untuk memberi BRIM kepada golongan B40. Kerana mereka tidak memberdayakan golongan ini. Apa yang dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk memastikan golongan B40 ini diberikan peluang untuk memasuki golongan kelas menengah iaitu M40. Maka dengan adanya M40 yang lebih besar ke-ekonomi akan terus melebar kita akan dapat kurangkan *disparity* ataupun kesenjangan ekonomi dalam negara. Tetapi UMNO tidak lakukan. Dengan memberi *cash* tidak dapat menyelesaikan masalah. Sebab itu saya katakan ia ada elemen rasuah politik di situ. Kita harus empower memberdayakan rakyat dalam negara ini khususnya golongan B40. Tapi takpala saya bukan nak menggulung. Kita baru mulakan perbahasan. Saya nak teruskan bahawa saya juga amat terharu di atas titah Tuanku

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

semalam yang berkenan menyampaikan ucapan tahniah kepada saya di atas perlantikan sebagai Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan saya menjunjung kasih di atas titah nasihat Tuanku untuk saya menggalas tanggungjawab ini dengan penuh iltizam demi rakyat dan negara Malaysia. Saya amat terharu dengan titah Tuanku semalam namun saya juga ingin juga berkongsi bahawa pengalaman saya di Selangor ini amat jauh dan getir. Jadi saya nak berkongsi bahawa di Selangor ini perjalanan yang begitu jauh, begitu getir diasak, ditekan, difitnah tapi saya tetap setia dengan perjuangan ini. Insyaallah. Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat masih terlalu muda, 1999 saya pernah duduk dikerusi Yang Berhormat. Sebelah pembangkang. Seorang-seorang saja dari Parti Keadilan ketika itu. Seorang. Yang Berhormat sekurang-kurangnya ada 4 orang. Saya seorang. Tahun 2008 saya berhijrah daripada kerusi pembangkang jadilah kerusi pemerintah. Tapi backbencher sahaja. 2014 berhijrah ke hujung situ. Kita dalam perjuangan ini kena sabar. Jangan gopoh. Setia itu penting. Sabar juga penting. Daripada pembangkang, pemerintah, jadi Menteri Besar. Tahun 2018 beralih balik kepada backbenchers tapi ada kenaikan sedikitlah ke Putrajaya. Sudah tentulah perjalanan ini mendidik saya untuk memastikan amanah yang disandarkan ini harus dilakukan dengan jujur dan bertanggungjawab. Walaupun saya berada di Putrajaya hati saya tetap di Negeri Selangor. Insyaallah. Jadi pengalaman yang singkat selama 4 tahun ini, memberikan saya pengajaran supaya kita dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat untuk memakmurkan negeri Selangor dan saya berikrar untuk meneruskan kejayaan, kesejahteraan dan juga kemakmuran negeri Selangor. Saya bersyukur kerana peralihan pentadbiran kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua ini bukan dia tua, nama aja Sungai Tua telah berjalan dengan tertib dan menghormati prinsip-prinsip muafakat dan menjamin undang-undang tubuh kerajaan negeri dan juga institusi raja berpelembagaan seperti Yang Berhormat katakan tadi. Dan saya mengikut dengan dekat perjalanan dan pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar dan pada petang ini pada tengah hari ini saya ingin merakamkan dalam Dewan ini bahawa saya amat bangga dengan prestasi yang diberikan beliau untuk menjamin legasi kepimpinan yang telus, bertanggungjawab dan berintegriti. Lihat sahaja dalam tempoh yang singkat, kurang daripada 100 hari beliau telah berjaya menyelesaikan penstrukturan industri perkhidmatan air di dalam negeri Selangor, Putrajaya dan Wilayah Persekutuan dengan menjamin kepentingan rakyat, pengguna dan industri. Dan kejayaan ini juga adalah hasil kerjasama yang erat di antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan. Dulu tak boleh Yang Berhormat. Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Parti Yang Berhormat cuba menggagalkan penstrukturan itu. Berkali-kali kita bahaskan dalam dewan tetapi serah saja kepada orang yang layak untuk mentadbir kerajaan Persekutuan, selesai masalah air dan masalah rakyat dalam negeri Selangor. Alhamdulillah. Dan saya amat yakin dengan pengurusan air Selangor di bawah kepimpinan saudara Shuhaimi Kamaruzaman yang cukup kompeten dan berintegriti maka perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor ini

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

akan lebih efisien, affordable dan memberikan kesejahteraan kepada semua pihak. Dan inilah kekuatan yang ada kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Selangor yang baru ini. Orangnyanya muda, bertenaga dan sering berusaha untuk memberikan kemakmuran kepada rakyat. Duli Yang Maha Mulia juga telah bertitah mengenai perkahwinan kanak-kanak Islam pada usia yang terlalu muda. Dan Tuanku bimbang tentang risiko kemudaratan masa depan pasangan tersebut dan kesannya kepada masyarakat. Saya menyokong pendirian Tuanku dalam perkara ini kerana pada hari ini kita lihat wujud kecenderungan dalam masyarakat Islam lelaki tua minat kepada gadis di bawah umur. Senyum Sungai Panjang. Dan juga sahabat saya yang minat dalam topik ini. Tetapi keadaan ini kalau tidak ditangani dengan berani dan tegas akan menyebabkan banyak masalah sosial ekonomi dan kesihatan dalam masyarakat. Sekali lagi saya kagum dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar yang progresif dan segera bertindak dengan membawa satu pindaan Rang Undang-Undang Keluarga Islam dan Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah dengan menaikkan had minimum umur perkahwinan daripada 16 kepada 18 tahun. Dan sekali lagi, Selangor muncul sebagai negeri peneraju dalam mengambil langkah yang berani dan tegas untuk menangani gejala ini. Saya minta maaf, saya ada dua minit. Kali ni saya tak berucap dua jam. Saya nak beri peluang kepada yang lain. Jadi sebab itulah Yang Berhormat Tuan Speaker saya tidak teragak-agak untuk memberikan sokongan yang kuat dan padu kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar yang baru untuk terus meneraju pentadbiran kerajaan negeri Selangor di masa yang akan datang. Saya tidak berhasrat untuk berbahas panjang kerana kita sedia maklum sebahagian besar daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang diberikan mandat dalam PRU 14 yang lalu ialah muka-muka baru, tokoh-tokoh muda, Sungai Air Tawar, Sungai Panjang, Sungai Burong je dia muda tapi orang lama. Tapi tenaganya masih ada. Alhamdulillah. Saya ucapkan tahniah begitu juga dengan Sijangkang. Orang lama, pengalaman banyak. Alhamdulillah. Dan saya kira mereka harus diberikan ruang yang sepenuhnya untuk melontarkan idea dan pandangan untuk mengangkat tahap kecemerlangan dan kemajuan negeri Selangor ke tahap yang lebih tinggi. Seharusnya Ahli-Ahli Yang Berhormat ini diberikan peluang seluasnya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan dan wacana untuk mencapai matlamat yang murni supaya gagasan kita untuk membangunkan bangsa dan memakmur negeri akan terpahat dalam negara kita dan negeri ini. Akhirnya saya ingin mengingatkan Thomas Paine pernah berkata *“the mind once enlightened cannot again become dark”*. Kita telah melakukan pencerahan. Kita telah diberikan mandat maka gunakanlah peluang ini untuk terus maju ke hadapan dan saya yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar dengan sokongan dan kesetiaan Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari ini insyaallah Selangor akan kekal sebagai negeri yang maju, sejahtera, aman dan makmur bagi seluruh rakyat negeri Selangor. Dengan itu saya menyokong titah ucapan Tuanku. Terima kasih.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

**(Dewan Disambung Semula)
(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Selamat petang Yang Berhormat-Berhormat semua, Dewan disambung semula. Ya, silakan Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya berdiri di sini dalam Dewan yang mulia ini ingin merakamkan ucapan terima kasih dan juga menyokong usul yang disampaikan oleh Bukit Lanjan tadi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi di Banting kerana telah memilih saya sebagai Wakil Rakyat mereka. Saya mengucapkan terima kasih kepada sokongan kepada penjawat awam di Daerah Kuala Langat dan Banting kerana memberi sokongan dan juga kerjasama yang cukup kuat kepada saya untuk menjalankan tugas saya sebagai Wakil Rakyat dan ADUN Banting. Saya juga tidak boleh melupakan kawan-kawan lama di Petaling Jaya, khususnya di PJ dan Pejabat Tanah Petaling kerana tempoh 10 tahun yang lepas mereka juga banyak membantu saya dalam menjalankan tugas saya sebagai ADUN Kampung Tunku dari tahun 2008 hingga tahun 2018. Dan apabila kita bersidang Tuan Timbalan Speaker, di dalam sidang yang mulia ini kita telah pun kumpul dan kita telah pun lihat ramai muka baru dan saya kira suasananya adalah sangat berbeza banding tahun 2008. Apabila ramai dikalangan kita pada masa itu masih lagi orang muda, masih lagi orang baru, barangkali tidak pernah ada pengalaman sebagai wakil rakyat atau pun ADUN tapi saya berasa syukur kerana 10 tahun sudah pun lepas kini kita di Kerajaan Negeri Selangor untuk penggal ke-tiga malahan kita mentadbir Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Kita hadir ke sidang Dewan ini dengan dalam suasana yang berbeza dan juga dalam situasi yang berbeza, di mana pada masa sekarang kita melangkah masuk ke arah Malaysia baharu. Jadi saya, sebelum saya memulakan ucapan saya, saya kira kita perlu memberi perhatian serius kepada ucapan yang dibahas dan dibawa oleh semua wakil rakyat. Baik pembangkang atau pun penyokong kerajaan. Pada masa dahulu kita selalu dengar, Tuan Timbalan Speaker, bahawa EXCO suka sangat menggunakan frasa-frasa atau pun maklum balas seperti dalam kajian, akan dikaji, akan diambil tindakan dan sebagainya. Saya kira mungkin pada masa sekarang frasa-frasa seperti ini mungkin tidak diperlukan lagi. Dan apa yang diperlukan atau pun suatu yang perlu memenuhi citarasa pertanyaan-pertanyaan soalan dikalangan ADUN ialah bahawa sekiranya sesuatu perkara itu berada dalam peringkat kajian pada masa yang lalu, maka sekarang ialah masanya untuk memberi jawapan yang lebih konkrit dan lebih bermutu. Jadi itulah sesuatu saya kira perlu diberi perhatian oleh semua yang pada Dewan ini khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat di peringkat MMKN dan saya juga ingin memberi beberapa hujah berkenaan dengan pembangkang tadi. Saya ingin memperbetulkan hujah Ketua Pembangkang bahawa dalam 10 tahun yang ada di Negeri Selangor ini, kita bukan sekadar menambah baik sahaja. Bukan saja kita menambah baik tetapi kita mengubah wajah dan rupa serta budaya politik dan budaya menjalankan fungsi kerajaan di Negeri Selangor. Itu adalah sesuatu anjakan paradigma yang saya kira tidak dapat dilakukan sekiranya kerajaan yang mentadbir

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Kerajaan Negeri Selangor 10 tahun yang lepas, masih lagi UMNO dan Barisan Nasional. Kita perlu perubahan, tanpa perubahan itu adalah secara **structural**, secara sistematik. Budaya yang kita lihat sekarang berbeza dengan budaya politik dan budaya bekerja 10 tahun yang lepas. Apabila masa itu Khir Toyo masih lagi menjadi Menteri Besar. Pun begitu saya kira juga ini adalah satu perubahan yang bagus dan ianya adalah diperlukan untuk Yang Berhormat Ketua Pembangkang saya kira beliau cuba perlu mengetahui bahawa tanah di Negeri Selangor ini walau pun dia semua sudah habis conversion kita tidak perlu bimbang kerana tanah masih perlu menjalankan tukar syarat. Tanah akan dipindah milik, tanah sekiranya ianya adalah tanah pajakan apabila list atau pun pajakan itu tamat, premium perlu dibayar untuk melanjutkan tempoh pajakan itu. Jadi itu adalah satu sumber pendapatan atau pun hasil yang ada pada Kerajaan Negeri Selangor. Tidak bermakna bahawa tanah di Negeri Selangor semua sudah habis conversion sudah habis jual tanah, sudah habis diberi hak milik maka kita tidak akan ada peluang mendapat hasil lagi, itu adalah tidak betul. Jadi itu adalah sesuatu yang saya rasa perlu diperbetulkan sebelum terlewat. Pun begitu, Tuan Timbalan Speaker saya kira kita perlu melihat kerana kita sekarang telah pun menjadi kerajaan di peringkat Persekutuan dan juga peringkat negeri. Kita perlu ada satu peluang yang sangat bagus untuk memastikan semua isu yang kita hadapi pada masa dahulu tidak dapat diselesaikan kerana melibatkan Kerajaan Persekutuan. Ianya boleh dan mesti diselesaikan pada masa sekarang kalau bukan tahun ini mesti pada tahun-tahun yang akan datang sebelum kita menghadapi PRU ke 15. Satu contoh yang bagus ialah penstrukturan semula industri air Malaysia di Selangor ini. Ianya telah diselesaikan atau pun kita telah pun menjangka satu mounstain yang cukup penting dan saya kira itu adalah sesuatu yang perlu diberi pujian. Tuan Timbalan Speaker perubahan iklim politik juga mewajarkan kita melakukan sedikit perubahan terhadap program-program kebajikan di bawah pakej **IPINED**. Saya memberi satu contoh iaitu pembayaran wang SMUE fasa pertama. Saya kira kita perlu lihat kembali pembayarannya. Wang amoun sebanyak RM2,500.00 perlu dikekalkan tetapi cara pembayaran itu seharusnya dirombak semula supaya ianya menjadi lebih mesra pengguna, lebih mesra rakyat. Wang itu saya kira boleh di masukkan dibayar secara terus menerus kepada penerima melalui EFT. Dan saya kira ini akan menjimatkan masa dan juga menjimatkan menjadikan pembayaran itu lebih efisien tidak perlu lagilah kita membahagikan ia kepada dua peringkat, pembayaran dengan cash, pembayaran dengan cara-cara tertentu. Saya rasa kita boleh ringkaskan. Yang kedua saya juga ingin membawa perhatian kepada satu bahagian dalam titah ucapan Tuanku semalam supaya kita perlu menjauhkan diri daripada politik sempit yang berasaskan perkauman dan agama. Marilah kita melihat kita sendiri sebagai anak dan bangsa Malaysia dan bukannya Cina, Melayu, India, Kadazan dan Dusun. Saya juga menyeru kepada kawan-kawan semua supaya kita tidak lagi khususnya dari sebelah sana tidak lagi hidup dalam mimpi lama mereka dan asyik dengan permainan politik perkauman dan agama. Kita perlu kembali kepada pangkal jalan dan kita perlu menjalankan tugas kita untuk menegur dan juga membawa perhatian kepada dasar-dasar kerajaan.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN: Tuan Speaker mohon mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN: Yang Berhormat Banting terima kasih, Tuan Speaker terima kasih kepada Yang Berhormat Banting. Yang Berhormat Banting datangnya daripada parti DAP. Tomahan daripada kawan-kawan kita di sebelah sana, sebelah saya, sebelah sana, sebelah sini dan sebab saya duduk sebelah sini jadi masalah pula bila disebut itukan. Sebelah saya pun ada juga ...

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Warna baju itu, warna baju itu....

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN: Hah...dinyatakan bahawa jika Pakatan Harapan terutamanya DAPlah kalau dapat memerintah Malaysia khususnya Negeri Selangor ini, kita akan mansuhkan Institusi Beraja dalam negara kita, Yang Berhormat sudah hampir 10 tahun jadi Yang Berhormat, jadi saya hendak minta pandangan adakah hancur atau pun leburnya atau pun habis Institusi Beraja dalam negara kita, terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Kita tidak boleh melakukan itu, saya tidak setuju. Parti DAP juga tidak setuju tapi kalau ada pun mereka yang merasakan sangsi terhadap DAP maka saya ingin membawa satu perhatian, satu pengetahuan. Kalau pun kita hendak membuat perkara ini ianya semestinya melibatkan pindahan terhadap Perlembagaan baik Persekutuan dan juga Negeri. Pindahan merupakan tentang perkara ini melibatkan hak dan istimewa Melayu dan juga Institusi Raja Berpelembagaan tidak akan dan tidak boleh dilakukan melainkan mendapat kelulusan dan juga perkenan daripada Majlis Raja-raja Melayu. Dan itu adalah satu kepastian tidak akan berlaku dan kalau pun berlaku pun, Perlembagaan Negeri perlu juga dipinda tetapi kalau kita ada pengetahuan bahagian tertentu di dalam Perlembagaan Negeri memang tidak boleh dimansuhkan. Yang tidak boleh dimansuhkan itu kebetulannya ialah Institusi Raja Berpelembagaan di Negeri Selangor, tidak boleh dimansuhkan. Jadi yang menjual tomahan bahawa DAP ini anti nak mansuh apa itu, itu adalah semua tidak benar dan fitnah semata-mata. Jadi saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan perkara ini sekali lagi kerana dahulu mantan ADUN Batang Kali dia suka sangat dengan tomahan-tomahan seperti ini. Ini adalah tidak bermakna sebagai sebuah negeri yang maju kita melihat ke depan. Kita melihat isu yang akan saya bawa sekarang industri 4.40 infrastruktur di Negeri Selangor ini masih lagi kekurangan dan memerlukan perhatian daripada segenap masyarakat. Khususnya diperingkat Pentadbiran dan juga MMKN dan saya juga ingin membawa perhatian supaya kita kuatkan, merencanakan budaya penyelidikan dan juga sains dan teknologi di Negeri Selangor dengan menjalankan kolaborasi dengan lebih erat dengan negara-negara maju. Saya kira satu negara yang kita mungkin tersilap hantar atau pun tidak begitu memberi perhatian antara Negara Jerman yang merupakan sebuah Negara yang peneraju dalam industri 4.40 di Benua Eropah. Saya mencadangkan supaya UNISEL dan juga kerajaan-kerajaan agensi-agensi kerajaan negeri bekerjasama dengan agensi kerajaan pusat untuk melihat bagaimana kita boleh meminjam pakar daripada institusi yang bernama ini bahasa Jerman yang merupakan sebuah institusi peneraju dalam industri 4.40. Saya amat

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

berharap Selangor boleh menjadi hub dalam sektor ini di Malaysia dan juga Asia Tenggara.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin membawa sedikit perhatian mungkin masa boleh *adjust* sikit sebab saya memerlukan mungkin dalam masa 10 minit untuk menghabiskan isu-isu yang ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: 5 minit Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya 5 minit lebih kurang. Terima kasih, isu tentang ya Kerajaan Persekutuan dan satu isu yang penting ialah berkenaan dengan Putrajaya dan Kuala Lumpur ini memang topik research saya. Kerajaan Persekutuan sekarang diterajui oleh Pakatan Harapan dan saya kira Selangor perlulah memulakan perbincangan dengan Putrajaya berkenaan dengan masa terpantas hala tuju dengan Kuala Lumpur. Kedua-dua Putrajaya dan Kuala Lumpur ini diserahkan kepada Persekutuan pada masa yang berbeza untuk menjadikan sebagai Wilayah Persekutuan. Dan hakikatnya di Malaysia ada negeri yang membenarkan penyerahan tanah jajahannya bukan sekali tapi dua kali kepada Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan, maka saya kira ini adalah satu alasan yang kukuh untuk kita merunding semula sama ada kita membenarkan Selangor memainkan peranannya lebih penting dalam pentadbiran Putrajaya atau pun Kuala Lumpur dipulangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor mungkin tidak dapat dilakukan tapi kita perlu tengok macam mana kita boleh lakukan atau pun kita minta bayaran pampasan kehilangan hasil itu dipertingkatkan, bukannya 20 juta atau pun 7.5 juta begitu sedikit sekali, tidak pernah dikaji semula. Tuan Timbalan Speaker, ini isu tentang kawasan saya, saya rasa perlu juga dan mustahak. Majlis penuh MDKL, Majlis Daerah Kuala Langat telah pun memutuskan untuk mengemukakan cadangan naik taraf daripada Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran. Saya amat berharap permohonan ini disokong kerana ianya telah pun ditolak beberapa kali seawal tahun 2007. Berdasarkan sebab bahawa Kuala Langat masih lagi dianggap sebagai luar bandar. Tetapi saya kira Kuala Langat sekarang wajah dan rupanya sudah berbeza kerana ianya dikelilingi oleh kawasan-kawasan pembangunan yang dibangunkan dengan begitu pesat. Bersebelahan dengan Klang, Shah Alam, Subang Jaya, Puchong dan Putrajaya. Kawasan-kawasan seperti Rimba Ayu, Bandar Saujana Putra, Tropicana Aman Eco World dan Bandar Mahkota Banting yang bakal dibangunkan dengan kawasan-kawasan perumahan berstrata dilengkapi dengan kawasan komersial seperti *shopping mall* ianya akan menjadikan Kuala Langat ini sebagai sebuah dan sebahagian daripada Lembah Klang. Ini ditambah lagi dengan jaringan lebuh raya, lebuh raya yang semakin rancak seperti SKVE dan WCE akan dijangka siap pada pertengahan tahun 2019. Maka saya kira ianya adalah sesuatu usaha yang sangat penting dan perlu disokong oleh MMKN supaya usaha ini juga mentadbir berkenaan atau pun persetujuan Kerajaan Persekutuan. Pun begitu saya kira kita perlu juga melihat beberapa kelemahan di dalam Pentadbiran di daerah Kuala Langat ini. Yang pertama adalah dari segi guna tanah dan juga dari segi infrastruktur. Saya memohon Kerajaan Negeri Selangor memberi perhatian terhadap beberapa jalan persekutuan di bawah kerajaan persekutuan yang selama ini tidak ada peruntukan yang selama ini untuk makluman

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

semua hanya diperuntukan RM100,000.00 setahun untuk penyelenggaraan dan juga pemasangan lampu jalan sepanjang 89 kilometer diseluruh daerah Kuala Langat. Itu adalah Jalan Persekutuan No.5 Klang-Banting. Gelap gelita waktu malam. Perlu dipertingkatkan RM100,000.00 setahun bukan sebulan, amat kurang, amat tidak cukup. Saya juga memohon Jalan Persekutuan No.31 Banting-Semenyih. No. 32 Pelabuhan Dagang – Nilai juga perlu perhatian lebih. Saya memohon walaupun ini jalan persekutuan yang menarik ialah jalan negeri di Daerah Kuala Langat semuanya bagus. No problem kerana kerajaan negeri, JKR negeri jaga betul. Tapi kita menghadapi masalah jalan persekutuan. Jalan besar yang memerlukan tumpuan yang besar. Aktiviti pertanian di kawasan Kuala Langat. Kuala Langat tanah subur, ubi keledak, ubi kentang, halia dan sebagainya bukan sahaja kelapa sawit kita lihat kelapa sawit di seluruh Malaysia tapi di Kuala Langat ada tanaman kontan yang diusahakan di Sungai Kelambu tidak ada tanah mereka terpaksa bercucuk tanam di atas tanah rizab hutan simpan yang sebenarnya mereka pun meneroka tanah itu sedekad yang lalu tapi mereka tidak dapat persetujuan atau kedudukan sah sebagai petani di situ. Walaupun mereka ada wang, ada teknologi dan sekarang pertanian juga satu *sector* yang boleh menyumbang kepada KDNK tetapi mereka tidak dapat melaburkan wang kerana kekurangan pengiktirafan di situ. Jadi saya memohon perkara ini dilihat seseriusnya oleh kerajaan negeri dan juga persekutuan. Untuk makluman semua, jangan ingat saja kebun teh di Malaysia di Cameron Highland saja, ada juga Yang Berhormat Sijangkang pastinya setuju dengan saya rupa-rupanya ada sebuah kebun the yang diusahakan Boh Plantation. Boh yang kita minum di luar ni. Walaupun ditulis Cameron tapi saya kira mungkin hasilnya adalah daripada Seri Cheding Kuala Langat. Jadi saya rasa kita perlu lihat kembali masalah yang kita hadapi sekarang ini di Kuala Langat kalaulah kerajaan negeri setuju juga menaikkan Kuala Langat daripada Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran kita juga perlu melihat perkhidmatan bas awam di daerah ini yang masih dalam keadaan yang tidak begitu meyakinkan kerana sebelum ini ada syarikat yang membekalkan perkhidmatan iaitu City Liner terpaksa menghentikan kerana kekurangan subsidi daripada SPAD.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Minta tamatkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Iya. Jadi saya rasa itu adalah sesuatu yang perlu dilihat. Saya minta EXCO Pengangkutan Awam melihat perkara ini Banting dan juga Kuala Langat menghadapi masalah infrastruktur di digital yang teruk di Jenjarom tidak ada unify, tidak ada high speed broadband. Pengurusan sisa pepejal baru sahaja diambil alih oleh KDEB Waste Management tetapi prestasi masih dalam keadaan yang tidak memuaskan hati. Dan saya kira isu terpenting adalah kerana dengan ada kilang plastik haram yang baru-baru ini menjadi masalah. Saya memohon kerajaan negeri untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap kilang haram ini. Bukan plastik haram tetapi kilang. Masalahnya adalah masalah pencemaran yang dihasilkan oleh kilang-kilang haram yang memproses plastik ini. Sama ada diimport atau tempatan itu kita tak kisah. Tapi pencemaran udara. Saya mohon supaya Jabatan Alam Sekitar dan PBT bekerjasama dengan kerajaan persekutuan untuk memastikan gejala pencemaran ini

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

dikurangkan dan diminimakan. Tuan Timbalan Speaker, ada juga 2 3 isu yang penting tapi saya cuba masukkan dalam ucapan kawan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya jemput Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Auzubillahi minashaitanirrajim bismillahirahmannirrahim. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk terlibat sama membahaskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Penggal Perasmian Sidang Dewan ini bagi Penggal Pertama Dewan Negeri Yang Ke-14. Tuan Timbalan Speaker, pertamanya saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah dipilih oleh rakyat untuk menerajui kerajaan negeri pada kali ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada keluarga rakan-rakan yang telah meninggalkan kita tiga wakil Dewan Negeri dan kita dalam proses pilihan raya kecil dan insyaallah akan memberikan satu kebaikan kepada rakyat negeri Selangor. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi di DUN Sijangkang kerana masih lagi memilih saya sebagai wakil tunggal dari Parti Islam Se-Malaysia dalam Dewan Negeri Selangor. Walaupun saya ada di sebelah sini tapi hati saya masih ada bersama rakyat untuk membangunkan negeri Selangor dan menjadi Ahli Dewan Negeri yang insyaallah kita memberikan semak dan imbang terbaik kepada kerajaan negeri. Saya kira titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuan semalam adalah satu yang sangat baik terutamanya kepada kerajaan negeri Selangor dan juga Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk melihat apakah corak pembangunan yang akan kita lakukan di negeri Selangor kerana saya merumuskan beberapa perkara yang saya kira menjadi dasar ataupun asas di dalam islam sendiri bagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku meletakkan beberapa perkara yang menjadi asas di dalam pembangunan yang menjadi tanggungjawab kepada kita sebagai pemimpin. Membangunkan manusia, hubungan manusia dengan tuhan, bagi yang beragama islam dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan juga hubungan manusia dengan alam sekitar. Saya tidak akan mengambil masa yang terlalu panjang kerana saya maklumkan masa yang ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh di dalam perbahasan ini. Kita maklum 23% Selangor menyumbang kepada KDNK negara kita. Kita mengharapkan selepas ini dalam kerajaan negeri yang sama sifatnya dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan mendapat jumlah yang setimpal untuk pembangunan di Negeri Selangor bukan hanya pembangunan bercorak fizikal tetapi pembangunan bercorak pembangunan masyarakat dan pembangunan sosial sendiri. Tuan Timbalan Speaker, ada beberapa perkara juga tadi telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat cuma antara perkara yang saya ingin tumpukan saya ambil satu slot bagaimana tanggungjawab kita sebagai pemimpin untuk melihat pembangunan yang akan kita berikan kepada rakyat yang ada hubungannya

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

masyarakat, rakyat dengan alam sekitar kerana saya melihat beberapa usaha yang telah dimulakan sebelum ini sesuatu usaha yang sangat baik. Hubungan manusia dengan jalan raya sebagai contoh seperti yang disebutkan oleh Banting tadi saya akui mungkin dengan sifatnya suasana politik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang akhirnya Kuala Langat sebagai contoh Jalan Klang-Banting yang berada di daerah Kuala Langat yang sepatutnya dinaiktarafkan dengan peruntukan yang saya dimaklumkan anggaran perbelanjaan hampir RM40 juta. Tetapi apa yang berlaku saya kira pemakluman daripada Kementerian ketika itu terlepas pandang kepada jalan persekutuan di Kuala Langat dan akhirnya peruntukan yang dijanjikan itu turun RM6 juta dan sekadar RM4 juta akhirnya saya tidak menafikan dengan Smart Selangor Delivery Unit, pembangunan Smart Selangor melalui sistem Waze sebagai contoh tindakan segera dari pihak PBT untuk menampal jalan-jalan berlubang tapi kita lihat pada hari ini bukan sahaja di jalan-jalan persekutuan yang kita hadapi masalah peruntukan tetapi masih ada lagi jalan negeri yang hanya sekadar ditampal di sana sini. Terutamanya yang melibatkan kawasan saya kawasan perindustrian sama ada perindustrian bebas atau zon perindustrian sendiri jalannya sangat teruk. Ditampal kadang-kadang kalau kita lihat daripada sempadan Klang Kuala Langat sehingga Banting saya lihat beribu-ribu tampalan sama ada jalan persekutuan atau jalan negeri. Saya kira Yang Berhormat Banting dulu selalu rajin naik motosikal sekali skala turun Banting naik motosikal rasa nikmatnya jalan yang bersifat sebegini. Ini cukup berbahaya kepada penunggang motosikal. Kalau kereta mungkin ok. Tapi motosikal ini, lopak, tampalan ini cukup bahaya. Ini harus sampai kepada kerajaan persekutuan supaya kita dapat lestarikan keperluan rakyat di negeri Selangor. Perkara kedua yang saya hendak sentuh adalah juga yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan alam sekitar iaitu usaha untuk menanam lebih banyak pokok sama ada pokok bakau, sama ada pokok ditaman dan kita telah membelanjakan saya kira jumlah yang besar tetapi saya nak makluman dari kerajaan negeri daripada jumlah yang kita belanjakan dari program tanaman pokok ini apakah hasil ROI yang kita dapat sehingga kini. Berapa banyak pokok yang hidup yang kita tanam. Adakah ini yang benar dapat menyediakan satu faedah kepada kita. Sudah tentu ini ada kaitan pokok memberikan oksigen kepada kita, mengambil karbon dioksida untuk keperluan pemakanan pokok yang kita keluarkan dan ini harus kita jaga kerana ia juga melibatkan secara langsung kepada alam sekitar. Suatu ketika dulu kita telah dikejutkan dengan kita tidak tahulah sama ada perbuatan sabotaj atau tidak bagaimana sungai-sungai kita yang menjadi sumber air kepada kita tercemar disebabkan oleh bahan-bahan yang kita tidak tahu apa sebenarnya yang akhirnya menyebabkan juga rakyat menjadi mangsa kepada aktiviti-aktiviti yang saya kira tidak sihat. Sama ada sabotaj, sama ada pengeluaran sisa-sisa yang tidak berfaedah kepada sungai-sungai yang akhirnya memberikan perkara seperti ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh oleh apa yang disebutkan Yang Berhormat Banting tadi yang saya kira

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

cukup signifikan di negeri Selangor ataupun di negara kita bahkan di dunia pada hari ini. Kerana WHO Geneva pada tahun ini melaporkan bahawa 9 daripada 10 orang hari ini menyedut udara yang tercemar. Bumi yang kita pijak pada hari ini, langit yang kita junjung hanya semata-mata kita meminjam daripada generasi akan datang. Kalau ini tidak dibentasi oleh kerajaan pada hari ini apa akan jadi. Baru-baru ini sibuk keluar dalam kosmo laporan industri kilang sisa plastik di daerah Kuala Langat termasuklah DUN Banting, DUN Sijangkang dan saya dimaklumkan di kawasan daerah Klang, Telok Gong, Meru juga ada kilang-kilang yang besar sebegini. Isunya bukan sahaja kilang yang bersifat kilang haram seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Banting tadi. Dulu, satu ketika kita bersungguh untuk mengadakan program pemutihan kilang haram mungkin pihak kerajaan boleh memberikan data-data kepada kita. 2 penggal kerajaan Pakatan, satu dekad kita mentadbir negeri Selangor dengan pelbagai lanjutan dan sebagainya dengan pelbagai insentif yang kita berikan kepada pengilang-pengilang ini untuk diputihkan. Apakah natijah daripada program kita itu benar-benar dapat memberikan manfaat kepada negeri Selangor ataupun rakyat negeri Selangor. Sekurang-kurangnya bila dia dapat diputihkan ada *income* kepada negeri Selangor. Apabila diputihkan ia melaksanakan pengurusan pengilangan mengikut SOP dan memberikan manfaat kepada rakyat. Hampir 40, lebih kurang 40 kilang sedang mengusahakan industri *plastic recycle* ini saya dimaklumkan. Ada satu persatuan NGO ya, Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat yang sentiasa memberikan maklumat kepada saya. Laporan-laporan ataupun surat-surat juga diajukan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab kerana ia cukup menggusarkan. Sebahagiannya adalah kilang yang bersifat kilang haram. Sebahagiannya bukan kilang digunakan untuk industri seperti ini. Sebahagiannya mendapat kebenaran, kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan. Sebahagiannya mendapat kelulusan daripada JAS, sebahagiannya tidak mendapat kelulusan apa-apa tetapi setelah dijalankan pemantauan dan sebagainya, kilang ini masih lagi berterusan. Apa yang menggusarkan kepada rakyat adalah apabila mungkin disebabkan kilang-kilang ini yang mengalirkan sisa buangan ataupun airnya secara *direct* kepada, secara terus kepada sungai-sungai, beberapa kolam ikan telah mendapat kerugian disebabkan oleh kematian beribu-ribu udang ternakan di Sungai Langat itu sendiri. Ini juga cukup menggusarkan kerana kita tahu hasil daripada kalau pencemaran udara yang berlaku, kita tidak tahu sebenarnya apa sifat kilang-kilang ini, sama ada pembersihan sisa-sisa plastik ini, saya dimaklumkan penghijrahan berlaku secara agak besar. Saya dimaklumkan juga AP satu ketikanya ditarik balik kemudian keluar balik. Sebahagiannya saya dengar ada proses peleburan meleburkan plastik-plastik ini untuk diguna semula. Sudah tentulah kalau SOP nya tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, ia cukup membahayakan kepada rakyat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Speaker, mencelah.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat Banting bangun.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Kalau lah saya diberi peluang untuk melengkapkan ucapan saya, barangkali tidak akan berlaku salah faham sekiranya ia berlaku tapi apa pun sekali saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sijangkang bahawa kerana keprihatinan kerajaan 2 operasi telah pun dilakukan sebelum ini dan saya dimaklumkan bahawa MDKL juga akan melakukan operasi yang ke-3 dalam satu atau 2 minggu ini dan tarikh operasi pertama sebenarnya telah pun dibongkarkan secara tidak sengajalah oleh orang-orang di dalam Persatuan itu dan mereka juga tidak tahu siapakah yang mereka ambil di dalam Persatuan itu. Jadi, itu adalah sedikit sebanyak informasi yang saya rasa terpaksa saya berkongsi dengan Yang Berhormat..

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Masalahnya Yang Berhormat,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Jadi, kesalahan itu sama ada Yang Berhormat Sijangkang ada kesedaran ataupun informasi itu.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Saya minta sebahagian daripada ucapannya dimasukkan dalam ucapan saya kerana itu juga yang sebenarnya di bawah pengetahuan saya dan saya tidak menyalahkan mana-mana pihak hatta Pihak Berkuasa Tempatan ataupun Majlis Daerah Kuala Langat. Ataupun Jabatan Agama Islam sendiri, Jabatan Alam Sekitar, maaf, Jabatan Alam Sekitar kerana ini adalah tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negeri untuk melihat perkara ini. Kalau lah dulu ya kita yang, misi kita untuk memutihkan kilang-kilang haram sebagai contoh, tapi hari ini masih lagi berlaku kilang-kilang haram seperti ini dan kilang-kilang haram yang dulu pun kita tidak dapat putihkan. Ke mana kita sebenarnya? Sebab itu, saya nak bawa isu ini satu perkara yang sangat penting. Saya sendiri pun tidak tahu ini yang..ke laporan yang kita mahu daripada Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya kita tidak mahu udara yang tercemar ini akhirnya akan menambahkan lagi statistik kematian yang berlaku pada hari ini disebabkan pencemaran alam sekitar, kanser paru-paru, masalah jantung, masalah copd kronik, *coronary artery disease* yang berkaitan dengan alam sekitar ini akan menjadi mangsa kepada kita. Seperti yang saya katakan tadi berlaku perlambakan seolah perlambakan *recycle plastic* ini ke negeri Selangor apabila di negeri China sendiri sudah menutup untuk pengilangan plastik *recycle* ini. Sebab itu saya melihat perkara ini harus dipandang serius oleh kerajaan negeri. Kita tidak mahu perkara ini berterusan tetapi satu langkah ataupun peruntukan yang sebaiknya ataupun tindakan-tindakan yang harus berstrategi, kita tidak mahu pelabur-pelabur keluar daripada negeri Selangor disebabkan oleh perkara-perkara yang kita mempunyai ketegasan tetapi ketegasan kita ini adalah satu ketegasan yang berasas. Ada masa lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya ingat Yang Berhormat akhirkan.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Akhirkan. Jadi, saya ingat ada beberapa perkara lagi tetapi *InshaAllah* saya akan cuba bahas dalam beberapa isu termasuklah perkahwinan, pindaan perkahwinan bawah umur nanti. Sedikit pandangan daripada saya selaku pembangkang yang mungkin juga boleh dilihat kebaikan-kebaikan untuk pembangunan di negeri Selangor itu sendiri. Jadi, Tuan Timbalan Speaker, walaupun saya tidak dapat memberikan secara *detail*, saya faham ramai lagi antara sahabat-sahabat daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri akan berbahas tetapi saya kira *InshaAllah*, semoga negeri Selangor ini akan sentiasa lestari dan sejahtera dan kita, saya melihat bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu satu ucapan yang bernas yang harus dilihat oleh kita untuk memanfaatkan negeri Selangor yang sifatnya pelbagai agama dan pelbagai kaum di Malaysia. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat. Kuala Kubu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Pertama bagi memulakan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas selepas Malaysia menyaksikan peralihan kuasa di peringkat Kerajaan Persekutuan buat pertama kalinya dalam 61 tahun. Akhirnya, kerajaan negeri Selangor dan kerajaan persekutuan berjaya disatukan di bawah satu gabungan kepartian yang baru. Buat kali pertamanya sejak merdeka pada tahun 1957. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru dan yang paling tertua di dunia dan barisan kabinetnya. Tahniah juga kepada Menteri Besar yang baru, Yang Amat Berhormat Tuan Amiruddin. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada rakyat Kuala Kubu Baru dan Selangor atas keyakinan mereka terhadap Pakatan Harapan. Saya yang mewakili Pakatan Harapan telah memenangi kerusi Kuala Kubu Baru dengan majoriti 7134 undi berbanding dengan majoriti saya pada PRU ke 13 yang hanya 1702 undi. Begitu juga kecemerlangan Pakatan Harapan di Selangor dengan memenangi 51 kerusi daripada 56 kerusi. Takziah kepada keluarga ketiga-tiga ADUN yang meninggal dunia selepas PRU ke-14 saya yakin Pakatan Harapan akan menang pilihan raya kecil kerusi Balakong dan Seri Setia pada 8 September 2018 dan kekal memiliki 51 kerusi di Dewan yang mulia ini. Tuan Timbalan Speaker, tahniah atas pelantikan sebagai Tuan Timbalan Speaker juga. Dan kepada Tuan Timbalan Speaker, dan Tuan Speaker, saya yakin akan terus mempertingkatkan martabat dan memelihara kewibawaan dewan yang mulia ini. ADUN wanita dalam dewan yang mulia ini adalah 12 orang berbanding dengan 16 orang pada penggal yang lepas walaupun ADUN wanita tidak seramai pada penggal yang lepas saya yakin isu-isu wanita akan mendapat perhatian sepenuhnya di dewan yang mulia ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat lelaki, pasti tidak akan membiarkan ADUN wanita sahaja yang bercakap dan memperjuangkan isu wanita. Tahniah juga kepada kerajaan negeri yang telah melantik penyelia pusat wanita berdaya bagi setiap DUN yang bermula bertugas pada 1 September 2018. Semoga pusat wanita berdaya akan melahirkan wanita yang berdaya, berilmu dan berkemahiran dalam masyarakat. Tuan Timbalan Speaker, banyak sekolah telah menjemput wakil rakyat Pakatan Harapan ke sekolah mereka setelah Pakatan Harapan memerintah Putrajaya. Ini sangat berbeza dengan penggal

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

yang lepas yang mana guru-guru takut mendekati wakil rakyat Pakatan Harapan kerana mereka menyokong kerajaan Selangor. Saya kongsi pengalaman saya pada penggal yang lepas di mana saya dijemput oleh PIBG sekolah untuk program mereka dan akhirnya Guru Besar sekolah tersebut dipindahkan ke sekolah lain dalam masa 24 jam dan diberi amaran oleh pihak pejabat Pendidikan Daerah. Ini telah menyebabkan sekolah di kawasan DUN saya menjemput wakil rakyat Barisan Nasional seperti Yang Berhormat Hulu Bernam menghadiri program mereka. Saya dijemput oleh sekolah-sekolah ke aktiviti-aktiviti mereka sekarang tetapi saya melihat perlunya ada keadilan di mana seorang wakil rakyat boleh memasuki premis sekolah dan bertemu dengan guru-guru dan murid-murid tanpa mengira latar belakang politiknya. Sama-samalah kita berganding bahu mementingkan pendidikan demi masa depan kita. Saya amat berharap agar diwujudkan dasar terbuka kepada semua wakil rakyat sama ada daripada kerajaan ataupun pembangkang melawat ke sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kerajaan Selangor juga memberi peruntukan kepada ADUN pembangkang Selangor sebanyak RM200,000.000 setahun, ini kita berterima kasih kepada mantan Menteri Besar Yang Berhormat Bukit Antarabangsa yang mewujudkan pemberian peruntukan kepada pembangkang. Ini bermakna mereka boleh gunakan..

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAH : Timbalan Speaker, mencelah..Timbalan Speaker, mencelah..

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Tiada masa lah, 10 minit. Kita buat pencerahan masa perbahasan bajet.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila duduk.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ini bermakna mereka boleh menggunakan peruntukan tersebut untuk memberi sumbangan kepada kegiatan kokurikulum atau program sekolah juga. Janganlah macam tahun sebelum ini yang mana ADUN pembangkang tidak mahu menggunakan peruntukan kerajaan negeri Selangor. Saya berharap kerajaan Selangor sekiranya menganjurkan apa-apa program pendidikan di sekolah, di institusi pendidikan ataupun Universiti Selangor juga menjemput ADUN pembangkang untuk menghadiri program itu dan menunjukkan dasar keterbukaan kerajaan Selangor. Tuan Timbalan Speaker, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga menyebut alam sekitar sering kali dikompromi bagi memberi laluan kepada pembangunan yang dirancang. Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai projek talian penghantaran 500kv daripada PMU Tapah ke PMU Bentong South di daerah Hulu Selangor. Projek ini melibatkan hutan simpan kekal seluas 65 hektar. Keindahan hutan air terjun dan sungai pasti akan terjejas walaupun pihak TNB berjanji akan melaksanakan langkah-langkah mitigasi semasa projek pembinaan menara yang melintasi hutan dan sungai. Dengan ini saya harap kerajaan Selangor kekalkan ketegasan yang tidak berkompromi dengan isu alam sekitar iaitu mengambil tindakan termasuk *stop work order* dengan izin, terhadap pihak TNB sekiranya terdapat pencemaran sungai, bencana alam berlaku akibat daripada projek itu. Projek ini juga akan menjejaskan *Santuari Ikan Kelah* Sungai Chiling yang dikelolakan oleh Jabatan Perikanan Selangor sejak tahun 2006. *Santuari Ikan Kelah* ini

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

berada di kawasan saya. Pembiakan ikan Kelah adalah sukar dan memerlukan kos yang tinggi. Saya mencadangkan kerajaan Selangor memberikan syarat tambahan kepada pihak TNB untuk menanggung segala kerja-kerja pemulihan *Santuari Ikan Kelah* Sungai Chiling yang dikelolakan oleh Jabatan Perikanan Selangor sejak tahun 2006. *Santuari Ikan Kelah* ini berada di kawasan saya. Pembiakan ikan Kelah adalah sukar dan memerlukan kos yang tinggi. Saya mencadangkan kerajaan Selangor memberikan syarat tambahan kepada pihak TNB untuk menanggung segala kerja-kerja pemulihan *Santuari Ikan Kelah* Sungai Chiling sekiranya pembiakan ikan Kelah terganggu akibat projek itu. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin membangkitkan isu sampah dari luar negara yang juga dikenali sebagai sampah asing. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Banting dan Yang Berhormat Sijangkang tadi ada berkaitan dengan sampah asing ini kerana saya mendapati DUN saya walaupun jauh daripada laut dan pantai juga ditimbun dengan sampah dari luar negara. Sampah tersebut bukan disimpan dalam gudang tetapi di tapak yang terbuka. Nasib baik Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengambil tindakan dan akan membuat operasi bersepadu terhadap penyimpanan sampah sedemikian. Negara China telah menghalang 24 jenis sampah dari luar negara memasuki negara mereka mulai 1 Januari pada tahun ini. Ini telah menyebabkan pengilang-pengilang negara China mencari negara lain seperti Malaysia memproses sampah sedemikian atas nama kitar .. kilang kitar semula. Negara China telah berhenti menerima sampah dari negara maju bagi mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar. Saya tidak faham kenapa Malaysia pula mengeluarkan AP untuk mengimport sampah tersebut. Saya merayu kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang telah mengeluarkan lebih daripada 18,000 AP (lesen import) untuk sampah sedemikian sejak tahun 2015 berhenti mengeluarkan AP dengan serta-merta dan kaji semula dengan teliti dan secara holistik. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah memutuskan untuk menghentikan pemberian lesen import AP sisa plastik sahaja bagi tempoh 3 bulan mulai 24 Julai 2018 adalah kurang berkesan bagi menghalang semua jenis sampah asing memasuki Malaysia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Minta tamatkan Yang Berhormat, minta tamatkan ucapan Yang Berhormat.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Tamatkan ya. Ok, perenggan yang terakhir. Sekiranya JPSPN tidak berhasrat berbuat demikian, maka Kerajaan Selangor patut berhenti mengeluarkan lesen untuk kilang-kilang memproses sampah daripada luar negara. Selangor adalah negeri yang termaju di Malaysia. Kita tidak memerlukan perindustrian sedemikian untuk penumbuhan ekonomi kita. Kesihatan rakyat Selangor perlu diberi keutamaan supaya tidak wujud ramai pesakit akibat terdedah kepada pencemaran itu. Sekian sahaja, saya menjunjung .. kena baca sikit. Saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Sg. Panjang, silakan.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. *Bismillahirrahmanirrahim.* Yang pertama izinkan saya menyampaikan sedikit ucapan terima kasih saya kepada seluruh pengundi-pengundi dan juga rakyat di DUN Sg. Panjang kerana terus memberikan kepercayaan dan juga mandat kepada wakil rakyat Barisan Nasional di DUN Sg. Panjang. Dan Alhamdulillah diberikan ruang dan juga peluang kepada saya untuk terlibat di dalam perbahasan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah berkenan menyampaikan titah ucapan perasmian sidang dewan semalam. Saya daripada kalangan ADUN Barisan Nasional Selangor ingin merakamkan sembah ucapan ketaatan tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku Raja untuk negeri Selangor dan saya yakin, jalinan hubungan dan ketaatan di antara ADUN-ADUN, ini amat penting agar institusi Raja Selangor terus terpelihara dan dapat secara berkesan menaungi institusi dewan negeri yang mulia ini. Kami ADUN Barisan Nasional bersyukur atas usaha Barisan Nasional selama mentadbir negeri Selangor sejak merdeka sehingga tahun 2008 dan kerajaan Malaysia sehingga tahun 2018. Tidak dapat dinafikan Barisan Nasional telah meletakkan asas yang kukuh di dalam pentadbiran dan pembangunan sosio ekonomi negara sejak dari lebih 60 tahun yang lalu. Ekonomi negara terus berkembang, rakyat terus menikmati kemakmuran dan akses kepada pendidikan, kemudahan kesihatan serta peluang peningkatan sosio ekonomi secara seimbang. Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit daripada Yang Berhormat Hulu Kelang berkenaan dengan konsep Malaysia Baru yang mana Yang Berhormat Hulu Kelang telah memaklumkan kepada dewan yang mulia ini Pakatan Harapan ialah sebuah Kerajaan yang berasaskan reform atau reformis dan kita sebagai pembangkang akan memastikan konsep reform ini bersifat membangun dan bukan memusnahkan. Reform mesti berpandukan asas dan pegangan yang kukuh. Reform, dengan izin, *must be guided.* Yang mana kita sedia maklum negara kita dan juga negeri kita ini adalah negara dan negeri yang berasaskan agama Islam. Yang mana, jika saya boleh *quote* daripada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor. Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dan juga Perkara 3 *Federal Constitution* yang meletakkan agama Islam itu sebagai agama Persekutuan dan agama Islam itu sebagai agama negeri. Jadi ia mestilah diberikan perhatian yang penuh oleh kerajaan dalam menentukan suatu dasar dan juga suatu polisi kerajaan. Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, reform bermaksud berubah ataupun membangun ke arah yang lebih baik dan bukannya keterbelakang. Tetapi hari ini, kita lihat kerajaan Pakatan Harapan sebagai contoh di dalam isu GST, kita sedia maklum GST itu adalah satu sistem pencukaian yang lebih baik daripada SST kenapa GST itu tidak ditambahbaik tetapi memilih untuk kembali keterbelakang kepada SST. Justeru, saya ingin mengingatkan pihak kerajaan Pakatan Harapan agar berhati-hati jangan terlalu ghairah dengan kemenangan pada pilihan raya yang lepas kerana kami Barisan Nasional telah memulakan dan membina negara ini dengan lebih baik sebelum ini. Jangan asik menyalahkan kerajaan Barisan Nasional kerana kegagalan sewaktu melaksanakan manifesto-manifesto tersebut. Maka itu, sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab, Barisan Nasional hari ini menjadi pembangkang secara total, baik di peringkat kerajaan Persekutuan mahupun di negeri Selangor yang telah menjadi pembangkang sejak daripada tahun 2008 lagi. Pada kali ini, sebagai wardah dan juga platform untuk menyampaikan pandangan, buah fikiran

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

dan aspirasi penduduk serta pengundi dalam negeri dan kawasan yang saya wakili kepada kepimpinan kerajaan yang baru pada hari ini. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mantan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Sg. Panjang pada sesi yang lepas Tuan Budiman Mohd Zohdi kerana banyak membantu sebagai wakil kerajaan di dalam kawasan DUN Sg. Panjang dan kini DUN Sg. Panjang diwakili oleh saya selaku wakil rakyat daripada pembangkang. Mungkin tidak banyak pembangunan yang boleh kita bawakan kepada rakyat memandangkan peruntukan-peruntukan yang telah diberikan ataupun ditetapkan oleh pihak kerajaan adalah terhad kepada ADUN-ADUN bukan kerajaan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa dewan ini sedikit sejarah yang lepas, sebelum Yang Berhormat Tuan Budiman sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Sg. Panjang, Ahli Dewan Undangan Negeri Sg. Panjang diwakili oleh Dato' Seri Khir Toyo yang mana pada ketika itu beliau dilantik menjadi Dato' Menteri Besar Negeri Selangor. Beliau telah membawa pelbagai kemajuan dan juga telah membawa pelbagai pembangunan di dalam negeri Selangor. Dan pada ketika itu, saya masih baru mengenali apa itu politik ketika Dato' Seri Khir Toyo sebagai YB Sg. Panjang. Dan selepas itu, saya meningkat remaja dan menjadi aktivis politik, saya melihat kepimpinan dan juga gerak kerja daripada Yang Berhormat Tuan Budiman Zohdi dan sewaktu saya kecil, saya mengenali arwah datuk saya iaitu mantan juga Yang Berhormat Sg. Panjang pada suatu ketika dulu iaitu arwah Tuan Haji Hamdan. Dan sebagai ADUN daripada kawasan luar bandar, saya amat prihatin dengan nasib rakyat yang rata-ratanya berpendapatan sederhana rendah dan majoriti terlibat dalam sektor pertanian, nelayan, industri asas tani dan agro pelancongan. Saya akan membela kumpulan ini dan memastikan mereka bukan sahaja menyumbang kepada kemakmuran negeri tetapi turut mendapat manfaat daripada sosio ekonomi yang sedia ada. Tuan Timbalan Speaker, oleh sebab itu, saya mengambil kesempatan ini ingin mengingatkan kerajaan negeri hari ini agar dapat memenuhi segala perancangan yang telah ditetapkan dan diluluskan dalam Bajet Negeri tahun 2018 yang telah dibentangkan oleh mantan Dato' Menteri Besar Selangor yang lalu Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Ucapan tahniah juga kepada Yang Berhormat Dusun Tua mengambil tampuk kepimpinan kerajaan sebagai Dato' Menteri Besar yang baru daripada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dan juga

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Tua, Sg. Tua..bukan Dusun Tua.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Pembetulan ya

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Dusun Tua dah mansuh dah. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Sg. Tua. Dusun Tua sini.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada Sg. Tua. Terima kasih rakan-rakan Yang Berhormat

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Sg. Tua Menteri Besar, marah Sg. Tua nanti.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat kalau nak berucap bangun Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Dan ucapan tahniah juga kepada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, beliau menyatakan kepada dewan yang mulia ini sebentar tadi beliau bermula sebagai seorang pembangkang dan akhirnya menjadi Dato' Menteri Besar dan kini Alhamdulillah bersama-sama dengan Tun Mahathir di Putrajaya yang mana dulu nya Yang Berhormat Bukit Antarabangsa adalah orang yang paling kuat mengkritik kepimpinan Tun Mahathir sewaktu beliau dalam Keadilan dan Tun Mahathir bersama UMNO tapi kini *Alhamdulillah* mungkin kerana konsep *collective responsibility* semuanya dimaafkan. Jadi ini adalah politik, senario politik yang saya baru belajar dan *InshaAllah* kita akan laksanakan sebaiknya.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Timbalan, saya minta mencelah sikit.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Saya ada masa sikit sahaja. Walaupun duduk sebelah nanti

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Saya tak nak mencelah lagi lah.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Dan saya ingin menghabiskan dalil ataupun ayat Al-Quran yang dipetik oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tadi. *Ayat Al-Quran* di dalam ayat ini adalah konsep keadilan yang mana kita tahu konsep keadilan ini adalah tidak melakukan sesuatu yang zalim dan meletakkan sesuatu pada tempatnya itulah takrifan keadilan secara *lagho* ataupun daripada segi bahasa. Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, di kawasan saya sudahlah manifesto 100 hari gagal dilaksanakan. 5 tahun belum tentu lagi, lebih malang rakyat yang berpendapatan rendah semakin terus terjejas. Misalnya, telah diumumkan penarikan bantuan golongan nelayan, pesawah dan juga penerima BRIM. Sebagai ADUN daripada kawasan yang ramai pesawah dan juga nelayan, cadangan ini amat mendukacitakan. Kerajaan sewajarnya terus membantu dan bukannya menekan rakyat di ketika kata mereka pejuang rakyat. Mahu kurangkan beban kos sara hidup tetapi sebaliknya membebankan rakyat dengan pelbagai inisiatif ataupun polisi-polisi baru. Situasi diburukkan lagi dengan harga komoditi kelapa sawit yang semakin rendah dan tidak menentu. Di DUN Sg. Panjang, seperti juga DUN-DUN yang lain, begitu ramai pekebun kecil kelapa sawit, justeru kita perlu inisiatif baru untuk membantu golongan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit ini. Tuan Timbalan Speaker, saya mohon 1 minit untuk saya menghabiskan ucapan. Cadangan saya, untuk perkara ini saya yakin ia adalah amat relevan terutamanya di kawasan DUN-DUN di luar bandar, di kawasan saya yang mana pertanian menjadi punca pendapatan utama, rakyat dan juga penduduk, saya mencadangkan agar inisiatif peduli rakyat kerajaan negeri telah pun mewujudkan tabung anak pekerja ladang, maka adalah wajar diperkenalkan tabung anak sawah, tabung anak nelayan atau tabung anak pekebun-pekebun. Jadi, ini adalah sebagai cadangan dalam kita sebagai wakil rakyat dan juga kerajaan *serve the people*,

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

serve the people dengan izin. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya ingin simpulkan disini bahawa kita memerlukan sebuah kerajaan yang memfokuskan kepada kebajikan rakyat dan bukan sahaja memastikan tadbir urus yang telus dan juga *transparent*. Akhirnya, saya merumuskan dalam perbahasan sulung ini tentang janji-janji dan juga komitmen kita supaya semua khususnya Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat di Negeri Selangor diteruskan. Semua kita mengimpikan yang terbaik untuk kesejahteraan dan tahap hidup lebih berkualiti. Seluruh rakyat tidak kira samada di desa atau pun di kota samada mereka dalam kumpulan T20 apatah lagi kumpulan M40 dan B40. Merentasi semua kaum dan jantina, kita mahukan hasil yang boleh dilihat dan dirasai bukan retorik dan statistik semata-mata terutama untuk keseimbangan dan juga kesejahteraan rakyat. Sekian, DUN Sungai Panjang memohon menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor di Dewan yang mulia ini dan mengundur diri. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Yang Berhormat Kuang.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker memberi saya ruang untuk membahaskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam di hari Istiadat Pembukaan Dewan.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada pengundi-pengundi Kuang, walaupun saya calon yang diterjunksan di Kuang pada 28 haribulan namun nampaknya saya melihat gerakan untuk menumbang Kerajaan Pusat itu sangat kuat pada masa berkenaan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih keseluruhannya kepada pengundi-pengundi Kuang yang begitu bersemangat berkempen bersama saya dalam tempoh 10 hari saya berada di sana dan akhirnya mereka memuktamadkan satu keputusan yang tepat bahawa Barisan Nasional sudah tidak relevan lagi di Kuang untuk PRU yang ke – 14. Jadi tuan-tuan dan Yang Berhormat Tuan Speaker, pertama sekali apabila saya menjejakkan kaki dan memenangi kerusi di Kuang, saya melihat bahawa kampung-kampung tradisi di Kuang ini agak tidak terbela dan juga ketinggalan dari pelbagai sudut terutama apabila melihat prasarana di kawasan kampung-kampung tradisi ini tidak tersusun dan ia sempit untuk kita lalui dengan kenderaan walaupun berselisih di antara kereta dan motor. Jadi apabila saya mengambil tempat atau pun membuka pejabat Pusat Khidmat Peduli Rakyat di DUN Kuang, perkara pertama yang saya mengambil inisiatif adalah untuk mengadakan dialog dengan penduduk dan juga kampung-kampung tradisi. Inisiatif yang saya sebut ini ialah saya sebut sebagai Inisiatif Kuang Sejahtera dan inisiatif ini telah mengadakan lebih daripada tujuh (7) dialog di sekitar kampung-kampung tradisi Kuang dan sebahagiannya yang berada di taman atau pun Bandar Tasik Puteri. Akhirnya beberapa input daripada dialog tersebut akan dirumuskan dan akan saya bentangkan perhatian kepada semua jabatan kerajaan terutama kepada pentadbiran yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari. *Insha Allah* juga, Kuang ini akan kita lihat sebagai satu penempatan melayu yang begitu besar di pinggir Bandar. Saya juga melihat bahawa 30 tahun yang akan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

datang, bahawa Kuang ini akan menghadapi satu masalah yang sama seperti apa yang berada di Kampung Baru di Kuala Lumpur sekarang. Untuk pembangunan 30 tahun yang akan datang, jika penyelesaian terhadap isu-isu setempat, isu-isu perkongsian pemilikan tanah di kawasan-kawasan tanah-tanah milik orang Melayu di sekitar Kuang akan menyebabkan 30 tahun lagi orang-orang Melayu di kawasan berkenaan akan terpinggir kerana kita maklum bahawa Kuang ini adalah Tanah Rezab Melayu yang agak besar termasuk sebahagian yang berada di Paya Jaras, di kawasan Yang Amat Berhormat Timbalan Speaker ini sendiri. Jadi geografi atau geopolitik di kawasan berkenaan, menyebabkan saya mengambil inisiatif untuk mengesyorkan kepada ketua-ketua kampung atau pun sukarelawan kampung untuk memulakan gerakan supaya pemecahan atau pun tanah-tanah perkongsian ini dipisahkan dan diberikan mutlak kepada individu-individu yang berkenaan. Jadi itulah inisiatif yang pertama saya gerakkan di Kuang dan saya sangat berharap supaya kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan terus memberi sokongan yang kuat kepada Kuang untuk terus berhadapan pada masa yang akan datang. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang pentadbiran kerajaan pada masa ini. Saya melihat bahawa pentadbiran kerajaan yang berada di Pejabat-Pejabat Daerah ini agak tidak disusun organisasinya dengan baik. Terdapat beberapa perkara yang saya rasa amat mendukacitakan. Apabila seseorang itu meninggalkan pejabat atau pergi berkursus dan sebagainya, maka tidak ada *replacement* kakitangan yang lain untuk mengambilalih tugas untuk melaksanakan urusan-urusan pentadbiran di kawasan-kawasan Pejabat Daerah dan sebagainya. Jadi inilah teguran saya supaya pentadbir atau pun Yang Amat Berhormat memperkemaskan lagi pentadbiran kerajaan terutama di peringkat-peringkat Pejabat Daerah dan Tanah dan sebagainya kerana urusan tanah ini kita lihat terlampau mengambil masa yang agak lama untuk kita proses menyebabkan ada proses itu sampai bertahun-tahun tidak ada penyelesaian. Saya harap supaya pentadbir pentadbiran yang akan datang ini, atau pentadbiran sekarang ini mengambil satu tindakan yang lebih pro aktif supaya urusan pentadbiran penukaran tanah dan sebagainya dilakukan secara efektif demi untuk memastikan bahawa urusan terhadap rakyat itu kita lunaskan dalam tempoh-tempoh yang terdekat. Ada lagi perkara yang melibatkan Kuang iaitu Kuang ini terletak di satu jaluran yang menyebabkan banjir teruk. Saya bertanya juga dengan Pegawai atau pun Jurutera Jabatan Parit dan Saliran berkenaan dengan bajet untuk saliran terutama *maintenance* dan sebagainya. Saya dimaklumkan bahawa JPS ini tidak berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri secara terus. Ya, tidak berada di bawah Kerajaan Negeri secara terus dan ia masih lagi di bawah Kerajaan Pusat. Bajet-bajet dan keseluruhannya datang daripada Kerajaan Pusat. Maka kerana itulah saliran-saliran kita di Selangor ini agak ketinggalan daripada segi *maintenance* dan sebagainya menyebabkan kebanjiran berlaku di kawasan-kawasan agak rendah terutama di kawasan Kuang, Kundang dan sebagainya. Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh ketua pembangkang tadi berkenaan manifesto kerajaan Pakatan Harapan yang tidak dilunaskan dalam tempoh yang tertentu, tempoh 100 hari sepertimana yang kita janjikan. Saya ingin memberitahu ketua pembangkang Yang Berhormat Sungai Air Tawar, perkara pertama yang dititik beratkan adalah untuk menstabilkan harga minyak. Di antara salah satu manifesto yang kita janjikan, yang kita nyatakan di dalam PRU yang lepas. Apabila kita menstabilkan harga minyak itu kekal sehingga sekarang dan keadaan itu tidak berubah.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Tidak seperti kerajaan sebelum ini yang sentiasa mengambil kesempatan di setiap minggu untuk menaikkan harga minyak dan sebagainya. Kerana itu ia menyumbang kepada ketidak stabilan harga barang. Jika ketua pembangkang menyebut bahawa sekarang harga barang itu tidak kompetitif, saya tidak setuju kerana apabila harga minyak telah stabil, ini menunjukkan bahawa peniaga dan juga pengilang dan sebagainya boleh fokus kepada satu harga dalam tempoh enam (6) bulan untuk menetapkan satu harga yang sesuai untuk ditawarkan kepada seluruh rakyat khususnya. Kalau kita bandingkan di zaman UMNO dulu atau UMNO Barisan Nasional, disebut tiap-tiap minggu maka tiap-tiap minggulah keadaan itu, *fuel price* akan berlaku dan kenaikan barang itu juga berlaku. Jadi ini menyebabkan agak sukar untuk kita menentukan harga barang. Tetapi saya rasa dalam tempoh empat (4) bulan ini kita sudah lihat kestabilan harga barang. Tidak ada barang yang akan turun, percayalah tidak akan ada barang yang turun melainkan untuk kita mengekalkan harga semasa itu dan ditawarkan kepada rakyat keseluruhannya. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh sekali lagi berkenaan dengan negeri maju. Seperti yang kita sedia maklum, bahawa Selangor adalah peneraju kepada negeri-negeri maju di Malaysia ini. Sebagai negeri maju, kita harus mempunyai prasarana yang agak maju. Apabila kita sebut tentang prasarana ini bermakna ia keterlibatan penggunaan rakyat kepada keseluruhannya. Kita harus melihat bahawa prasarana kita ini harus juga maju ke hadapan, tidak lagi mempunyai kawasan-kawasan atau jaluran jalanraya-jalanraya yang tidak rata, yang selalu pecah dan sebagainya. Juga saluran kita, saluran kita juga harus diurus dengan baik supaya ia sentiasa mengalirkan air dan bukan sampah masuk ke dalam sungai. Kerana itulah di Gombak atau di Kuang khususnya, saya menyebut kepada Jurutera Daerah agar semua longkang-longkang di kawasan DUN Kuang ini menggunakan satu kaedah di mana ia boleh ditutup dan hanya air sahaja yang boleh mengalir ke sungai yang berkenaan. Di Kuang ini juga tuan-tuan, Yang Berhormat Timbalan Speaker, ada kumpulan orang asal dan saya percaya bahawa EXCO yang berkenaan tahu bahawa sekumpulan orang asal ini menduduki tanah rezab sejumlah 150 ekar tanah yang berada di hulu Kuang. Di hulu Kuang ini terdapat beberapa kawasan yang mula diteroka untuk mengeluarkan batu-batan atau pun kuari daripada tanah milik rezab orang asal. Saya ingin mencadangkan Pengerusi atau pun EXCO Pembangunan Desa memanggil satu mesyuarat, mengadakan mesyuarat untuk melantik Pengerusi atau pun MPKK yang baru di kalangan orang asal kerana saya rasa ia tidak relevan lagi. Kita masih lagi meletakkan orang asal ini di takuk yang lama lagi kerana Pengerusi JKKK dulu sudah tidak relevan. Maka saya cadangkan supaya diadakan pemilihan di kawasan-kawasan perkampungan orang asal di seluruh Selangor. Namun begitu, saya mengucapkan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Tamatkan ucapan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Namun begitu, saya mengucapkan terima kasih kepada mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Maklumat yang saya terima daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menyebut bahawa Selangor juga adalah peneraju dalam menggazetkan tanah-tanah orang asal yang terbesar di Selangor ini. Ini yang saya rasa daripada 17 kawasan orang asal, sembilan (9) daripadanya telah digazetkan termasuk hulu Kuang. Tuan Timbalan Speaker, saya

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

sudahi dengan menjunjung kasih terhadap titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam dan saya sudahi dengan *Wabillahitaufik Walhidayah* dan *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Yang Berhormat. Terus Yang Berhormat Meru, silakan.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Izinkan saya sebagai wakil kepada DUN Meru untuk menyertai bahagian dalam perbahasan pada kali ini menjunjung kasih titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor sempena Pembukaan Sidang Penggal Pertama kita pada kali ini. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, menjunjung titah ucapan daripada D.Y.M.M. Sultan Selangor yang mana persediaan kita untuk berhadapan ataupun untuk menghadapi peralihan kepada Industri 4.0 yang menekankan soal digital teknologi dan pembaikan dan juga berkaitan dengan pembaikan dan juga penambahbaikan infrastruktur dan sebagainya yang mana kita lihat kalau di DUN Meru itu yang mana kedudukan lokaliti DUN Meru ini di pinggir Shah Alam yang sepatutnya sudah pasti pembangunannya perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan Negeri yang mana pada ketika ini kalau kita lihat di Meru kemudahan infrastrukturnya ketinggalan. Malahan kalau tuan-tuan ni ada sakit badan datang ke Meru, InsyaAllah sakit badan akan hilang. Sebab apa? Masuk sahaja Meru kita akan lihat jalan cukup teruk, perparitan cukup teruk. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk kita sama-sama mengambil perhatian sebab Meru ini kawasan industri. Sepatutnya bila kawasan industri malahan di Meru adanya kilang antara kilang pengeluar sarung tangan terbesar di dunia, Top Glove yang sepatutnya pihak Kerajaan Negeri kena mengambil perhatian untuk menambahbaik infrastruktur yang ada di Meru yang mana bukan sahaja permasalahan jalan cukup teruk khususnya daripada antara Pekan Meru menuju ke Klang dan juga daripada Pekan Meru menuju ke Kapar. Ini yang menimbulkan masalah paling besar. Bukan sahaja menimbulkan masalah pada penduduk tetapi membahayakan penduduk. Sebab apa? Lori-lori besar semua lalu dekat situ. Lori-lori daripada kilang-kilang semua lalu dekat situ yang sepatutnya tempat-tempat itu tidak sesuai pun dilalui oleh kenderaan-kenderaan besar ini. Yang banyak penduduk-penduduk di Meru ini adalah orang kampung. Tapi mereka berhadapan dengan suasana ini setiap hari yang membawa kesan dan tak sepatutnya infra itu masih lagi ketinggalan sedangkan Meru sedang menuju ke arah kawasan perindustrian yang maju. Dan selain itu dalam kita nak merealisasikan Selangor sebagai negeri maju yang mana kita lihat walaupun Meru kedudukannya cukup dekat dengan Shah Alam tetapi kemudahan internet ataupun wifi masih banyak lagi tidak ada. Bukan setakat itu malahan ada kawasan di Meru yang tidak dapat ataupun airnya masih tidak sampai ke rumah mereka. Tekanan air rendah dan sebagainya. Contohnya di Kampung Bahagia. Ini perkara ini perlu perhatian pihak-pihak tertentu untuk memastikan bukan sahaja masalah Meru tapi imej Negeri Selangor itu sendiri dapat kita ketengahkan. Selain itu juga, kalau kita perhatikan satu permasalahan bukan sahaja di Meru dan saya yakin di seluruh Negeri Selangor isu kebersihan ini adalah

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

satu isu yang serius. Ini bukan sahaja kita lihat dari segi orang kata mungkin dari segi penguatkuasaannya kurang tapi kita lihat juga sikap penduduk tetapi ditambah pula dengan sikap warga asing yang melimpah ruah sekarang ini datang ke negeri kita mungkin saya boleh fokus di Meru yang kita lihat mereka bawa budaya-budaya mereka dan sebagainya dan tidak ada kawalan langsung tentang kemasukan warga asing kerja di tempat kita sedangkan sepatutnya peluang ataupun kilang-kilang yang terbina di negeri kita ini memberi peluang yang baik untuk rakyat negeri kita untuk bekerja. Tetapi sebaliknya yang berlaku warga asing yang mengisi kekosongan itu sehinggakan yang lebih malang membawa masalah-masalah luar ini bukan sahaja masalah berkaitan dengan budaya mereka tetapi bawa masalah-masalah penyakit. Masalah penyakit macam malaria, tibi dan sebagainya yang difahamkan oleh Jabatan Kesihatan, Klang antara kawasan yang tertinggi sekarang ini berhadapan dengan wabak-wabak penyakit berjangkit yang dibawa oleh warga asing ini. Yang ini perlu perhatian serius daripada pihak kerajaan untuk pastikan titah Tuanku, ucapan Tuanku untuk merealisasikan negeri kita peralihan kepada Industri 4.0 ini akan berjaya. Selain itu juga, suka saya nak membawa perhatian kepada Ahli Dewan sekalian yang mulia mungkin kita terlepas pandang berkaitan dengan isu OKU yang jarang kita bentangkan, yang jarang kita bicarakan sedangkan mereka ini sebahagian daripada kita, sebahagian daripada rakyat kita yang mana perlu kita perhatikan berkaitan dengan kemudahan-kemudahan untuk mereka untuk kita sediakan. Contohnya memperbanyakkan tandas walaupun sebelum ia jadi isu, isu tandas ini dan juga memperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan untuk mereka bergerak dan sebagainya termasuk kenderaan Smart Selangor sendiri. Mungkin ada orang kata diperbaiki untuk kemudahan golongan OKU ini. OKU, orang kurang upaya bukan orang kuat UMNO, kena faham itu supaya kita sendiri menjadi contoh bagi negeri-negeri lain sebagai negeri yang menjaga juga kebajikan golongan OKU. Ini satu perkara yang kita perlu ambil serius dan perhatian. Dan juga permasalahan yang timbul pada ketika ini kita lihat bagaimana satu isu yang mungkin bagi saya agak sensitif tapi perlu diketengahkan sebab kita hendak menjunjung titah ucapan Tuanku yang mana *Alhamdulillah* D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Tuanku amat mengambil berat tentang institusi agama khususnya agama Islam yang mana kalau kita lihat banyak pembinaan difahamkan 25 masjid baru telah dibina tetapi tidak guna masjid yang banyak tapi tidak ada pengisian yang betul di dalam masjid itu. Yang amat mendukacitakan pada ketika ini dan juga sebagai satu perhatian yang perlu kita ambil perhatian supaya institusi masjid khususnya kuliah-kuliah agama di dalam masjid ini betul-betul dikawal, tidak dijadikan sebagai tempat untuk mencaci, tempat untuk menyebarkan fitnah dan juga ideologi politik. Masjid tempat betul-betul kita hendak sampaikan ilmu untuk memberi kefahaman Islam yang sebenar. Sebab kita tidak hendak berlaku masjid ini sebagai tempat pemecah belah tapi masjid tempat kita hendak menyatukan kita. Tidak kira apa ideologi politik, apa bangsa tapi masjid tempat untuk kita menyatukan umat Islam itu sendiri. Dan saya mengharapkan penguatkuasaan dapat ditegaskan untuk pastikan tenaga pengajar ataupun *As Satizah* yang mengajar di masjid itu benar-benar bertauliah dan berkelayakan supaya mereka bukan sahaja menunaikan tanggungjawab mereka mengajar tetapi tidak menyeleweng daripada mengajar apa yang telah dibawa oleh Nabi kita Muhammad S.A.W. Itu yang paling penting. Dan saya juga merasa satu perkara yang pelik, saya selaku ADUN dan saya sendiri antara tenaga bertauliah di Negeri Selangor tapi tidak dibenarkan mengajar

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

di DUN saya sendiri. Ini satu perkara yang amat mendukacitakan dan kita pun tidak faham di mana orang kata sistem yang perlu diperbaiki sehinggakan adakah memang benar ADUN sendiri walaupun bertauliah tidak dibenarkan untuk mengajar di masjid, di DUN dia sendiri? Apatah lagi di tempat lain. Ini perkara yang perlu kita ambil serius dan perhatian. Dan seterusnya kepada sidang yang dihormati sekalian, berkaitan dengan permasalahan lori-lori hantu ataupun lori tanah yang tanpa permit, tanpa doket dan sebagainya dan saya lihat banyak kalau khususnya di Meru, banyak lori-lori hantu yang masuk ataupun lori-lori haram ini membawa tanah dan sebagainya yang memberi keadaan yang tidak selesa dan juga memberi orang kata keadaan keselamatan yang tidak baik kepada penduduk mungkin sebagai satu cadangan, mungkin pihak PBT, bukan PBT, Pejabat Tanah sendiri boleh menilai balik kepada orang yang mengeluarkan permit atau doket ini kepada lori-lori ini untuk dikaji balik untuk ditarik balik permit mereka apabila mereka melanggar peraturan. Sebab bila kita rujuk pada JPJ, JPJ pun kuasa dia terbatas dan terhad, kita tengok pada punca. Punca itu siapa yang keluarkan permit? Dan permit ini yang bawa masalah. Bila keluar permit ini dia akan keluar sebanyak mana yang ada. Dia tidak kira keselamatan sebab mereka hendak kejar trip yang perlukan orang kata mengejar masa untuk pastikan mereka dapat komisyen yang tinggi. Dan yang terakhir Tuan Speaker, sebab kita hendak berhadapan dengan teknologi ataupun perubahan revolusi, teknologi yang ada pada hari ini dan Kerajaan Negeri seharusnya mengambil sikap serius untuk memastikan kita juga mengikut peralihan teknologi khususnya pada hari ini dunia sedang digegarkan dengan teknologi *block chain* yang mana pada ketika ini mungkin kita lihat ramai di kalangan kita tidak tahu dan tidak ambil tahu pun berkaitan dengan teknologi *block chain* dan apabila kita faham tidak mustahil suatu hari nanti Kerajaan Negeri Selangor sendiri boleh mengeluarkan wang *kleto currency* nya sendiri untuk orang kata mempermudah urusan perbelanjaan dan mengelakkan dan juga memastikan ketelusan dalam pengurusan negeri dan perbelanjaan negeri itu sendiri. Jadi, saya harapkan serba sedikit perkara yang dibangkitkan ini akan dapat meningkatkan kualiti pentadbiran dan juga akan dapat memastikan rakyat khususnya di Negeri Selangor akan lebih hidup dalam keadaan yang terbela dan harmoni. Dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini terlebih dahulu saya juga sepatutnya saya ucap pada awal tadi, mengucapkan tahniah kepada semua dan juga tahniah kepada Tuan Speaker dan Timbalan Speaker dan tidak lupa juga saya ingin mengucapkan juga tahniah kepada seluruh jentera kerajaan sebenarnya khususnya anggota Polis, tentera yang telah berjaya mengawal kerajaan sebab kita telah berlaku satu revolusi aman pada 9 Mei yang lalu berlaku peralihan pentadbiran kerajaan tanpa berlaku pertumpahan darah, itu yang paling penting dan juga yang paling penting seluruh jentera kerajaan tidak kira Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Hari ini, *Alhamdulillah* bersama-sama mendukung kepimpinan Pakatan Harapan dapatkan kuasa itu berlaku dengan aman. Saya dengan ini menjunjung kasih dan menyokong titah ucapan D.Y.M.M Sultan Selangor. *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*. Terima kasih semua.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Subang Jaya silakan.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Kerajaan terutamanya saya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih ke atas titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian yang berjaya dipilih pada pilihanraya yang lepas. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, ada tiga perkara yang ingin saya bangkitkan untuk ucapan pertama saya di Dewan ini. Perkara-perkara yang saya akan bangkit menyentuh kepada isu-isu yang dekat kepada hati saya dan juga isu-isu yang timbul daripada kawasan Subang Jaya. Pertamanya Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, adalah tentang isu kesihatan mental. Sejak saya dilantik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, kawasan Subang Jaya telah mencatat empat kes bunuh diri. Dua antara mereka adalah remaja dan dua lain antara mereka adalah warga tua. Ini hanya merupakan kes-kes yang telah dilaporkan. Saya percaya bahawa terdapatnya banyak kes lagi yang tidak mencerminkan, yang tidak dicerminkan dalam statistik rasmi. Bagi saya, bilangan kes bunuh diri yang semakin meningkat menunjuk kepada isu yang lebih mendalam iaitu isu kesihatan mental. Menurut laporan berita pada 2 September 2018, satu badan bukan kerajaan atau NGO yang dikenali sebagai Malaysian Mental Health Association telah mendedahkan bahawa *morbidity survey*, dengan izin pada tahun 2015 menunjukkan bahawa 25.9% warganegara Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas menghadapi masalah kesihatan mental. Statistik ini mencatatkan kenaikan tiga kali ganda kes-kes kesihatan mental jika dibandingkan dengan statistik berkenaan dengan isu yang sama 10 tahun yang lalu. Ini bermaksud pada masa sekarang, kira-kira tiga dalam 10 warganegara Malaysia memerlukan bantuan kesihatan mental. Bagi saya, Kerajaan Selangor sebagai sebuah kerajaan yang prihatin wajar mengambil serius terhadap isu kesihatan mental. Saya berharap selain usaha peningkatan kesedaran dan kaunseling bahawa Kerajaan Selangor juga boleh mempertimbangkan peruntukan untuk memperkasa anak-anak Selangor melalui Selangor Mental Health Aid, dengan izin iaitu kursus yang dianjurkan untuk mendidik orang awam menjaga ahli-ahli keluarga tentang apa yang perlu dilakukan apabila berdepan dengan mereka yang menghadapi masalah mental. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, isu kedua apa yang saya ingin bangkitkan sebagai seorang pemuda adalah berkenaan dengan pembangunan belia. Sejak pilihanraya yang lepas, saya memperhatikan bahawa terdapatnya kenaikan minat di kalangan belia tentang isu pembangunan negara. Saya percaya bahawa kenaikan minat tersebut timbul kerana wujudnya kesedaran tentang cara bagaimana dasar-dasar kerajaan membawa kesan kepada kehidupan mereka masing-masing. Oleh itu, saya berpendapat bahawa Kerajaan Selangor wajar memainkan peranan untuk mengukuhkan lagi minat tersebut dengan menyediakan tapak peluang kepada golongan belia untuk melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara dan bukan untuk mengekalkan mereka sebagai pemerhati atau penerima faedah usaha kerajaan semata-mata. Antara cadangan-cadangan yang mungkin boleh dipertimbangkan adalah untuk mendirikan satu anugerah umpama dengan izin, Queen's Young Leaders Award dari United Kingdom yang mengiktiraf usaha belia-belia tertentu dalam pembangunan Negeri Selangor sama ada dalam bidang alam sekitar, ekonomi, hak asasi manusia dan lain – lain. Selain itu, dan untuk menangani isu *brain drain* dengan izin Kerajaan Selangor boleh membuka pintu untuk memberikan golongan belia

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

peluang untuk belajar dan mendapatkan pengalaman tentang cara bagaimana Kerajaan Selangor berfungsi. Usaha – usaha sedemikian saya percaya akan membekalkan pengetahuan dan meningkatkan kefahaman golongan belia tentang bidang pentadbiran. Yang Berhormat Tuan Speaker, isu yang ketiga dan isu yang terakhir yang saya ingin membangkit adalah berkenaan perkahwinan kanak – kanak bawah umur. Terlebih dahulu saya ingin menjunjung kasih kepada titah dan pimpinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam isu ini. Seluruh Negara Malaysia sedang memandang kepada Negeri Selangor sebagai peneraju kerana kami merupakan negeri yang pertama untuk melancarkan perbincangan dan kajian untuk menaikkan umur perkahwinan untuk perempuan islam daripada enam belas tahun kepada lapan belas tahun. Institusi perkahwinan merupakan jalinan hubungan yang suci, perhubungan tersebut membawa bersama bertanggungjawab pembangunan keluarga dan seperti yang diketahui semua, institusi keluarga merupakan nukleus asas sebuah negara yang perlu dilindungi bagi menjamin masa hadapan Malaysia. Ini bermaksud bahawa sebagai sebuah kerajaan kami dikurniakan tanggungjawab untuk memastikan bahawa polisi pembangunan keluarga yang dilaksanakan menghasilkan sebaik boleh keluarga – keluarga yang sempurna dan sihat. Kami juga tidak boleh menafikan bahawa perkahwinan bawah umur akan menjejaskan peluang pendidikan, peluang pekerjaan dan dengan itu masa hadapan kanak – kanak berkenaan dengan kerumitan yang timbul akibat perkahwinan bawah umur, persoalan yang wujud adalah sama ada perkahwinan bawah umur adalah baik untuk pembangunan keluarga dan dengan itu, pembangunan negara. Dalam mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyatakan sokongan saya untuk meningkatkan umur perkahwinan untuk perempuan islam daripada enam belas tahun kepada lapan belas tahun. Dengan itu saya menjunjung kasih di atas titah ucapan Tuanku. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Tuan Speaker, saya menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bersempena Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ke Empat Belas Tahun 2018 semalam. Saya tampil bersama ahli – ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini bagi mengangkat suara rakyat Selangor di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh rakyat Negeri Selangor yang telah mempamerkan kebijaksanaan dan kematangan dalam proses demokrasi melalui Pilihan Raya Umum yang ke – 14 dengan melanjutkan mandat kepada Kerajaan Pakatan Harapan buat penggal yang ke tiga berturut – turut. Tahun 2008 menyaksikan sejarah tercipta apabila kita berjaya memenangi 36 buah kerusi Dewan Negeri Selangor. Dalam Pilihan Raya Umum ke – 13 kita terus berjaya dengan memenangi 44 buah kerusi Dewan Negeri Selangor dan dalam Pilihan Raya baru – baru ini Pakatan Harapan terus berjaya dengan meraih 51 buah kerusi daripada 56 kerusi yang dipertandingkan. Kejayaan dari satu penggal ke satu penggal dengan pertambahan kerusi yang cukup signifikan membuktikan rakyat senantiasa menilai prestasi, mutu dan kualiti perkhidmatan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

penyampaian Kerajaan Negeri kepada rakyat walaupun Ketua Pembangkang cuba menegakkan benang yang basah tetapi hakikatnya pelbagai program – program peduli rakyat, dasar dan kebijaksanaan Negeri Selangor bukan sahaja telah berjaya memberi keyakinan kepada rakyat Negeri Selangor tetapi juga menjadi modal untuk Pakatan Harapan meyakinkan rakyat di seluruh Negara. Yang Berhormat Tuan Speaker, justeru sebagai ahli Dewan Negeri yang baharu saya insaf dan suka untuk mengingatkan diri saya dan ahli – ahli Dewan Negeri yang lain bahawa kita mempunyai tanggungjawab yang besar untuk meneruskan tradisi kecemerlangan Kerajaan Negeri hari ini. Saya yakin kepimpinan Yang Amat Berhormat Sungai Tua yang muda dan bertenaga akan mampu mengemudi Negeri Selangor untuk terus berjaya sebagai sebuah negeri maju dan senantiasa terkehadapan. Tuan Speaker, mandat yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Pakatan Harapan baik di peringkat negeri baik mahu pun di peringkat persekutuan untuk kita untuk memperkukuhkan hubungan persekutuan dan negeri dalam kerangka federalisma kini pelaksanaan agenda reformasi juga akan berlangsung di peringkat persekutuan. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ini penting untuk kita meneruskan pelbagai usaha pembangunan negeri apatah lagi usaha Negeri Selangor untuk muncul sebagai sebuah regional *smart state* dengan izin dan gedung ekonomi serantau. Saya percaya kita boleh membentuk sinergi baru di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menjana peluang ekonomi dan menyuntik nilai tambah bagi mencipta peluang pekerjaan di dalam pelbagai sektor untuk menjana lebih banyak hasil untuk Negeri Selangor. Ini penting untuk kita mengurangkan kebergantungan pendapatan dan hasil negeri kepada urusan tanah dan kita harus berusaha untuk meneroka sumber baru kepada pendapatan negeri. Kita bersyukur kepimpinan Dato' Menteri Besar telah bersegera menggarap kelebihan konsep federalisma yang unggul untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan akhirnya hari ini kita berjaya untuk memuktamadkan penstrukturan semula perindustrian perkhidmatan air di Negeri Selangor. Kejayaan ini amat penting untuk menyusun semula industri perkhidmatan bekalan air ke arah satu perkhidmatan yang holistik bagi merealisasikan perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mampan. Saya juga yakin melalui penyelesaian ini Kerajaan Negeri mampu untuk menarik lebih ramai pelabur untuk bertapak di Negeri Selangor dan dengan jaminan kemudahan infrastruktur asas oleh Kerajaan Negeri. Tuan Speaker begitu juga dengan usaha membuka akses perumahan mampu milik atau *afordable homes* kepada rakyat kerjasama yang erat di antara Negeri dan Persekutuan penting untuk Negeri Selangor berdepan dengan cabaran pasaran hartanah yang terus mencabar khususnya di Negeri Selangor. Dengan begitu juga dengan masalah yang terus mencabar khususnya di Negeri Selangor. Begitu juga dengan masalah *end financing* yang membelenggu para pembeli rumah mampu milik termasuk rumah selangorku. Ini harus kita beri perhatian supaya kita dapat membantu para pembeli mendapatkan pembiayaan perumahan daripada institusi pendidikan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Hoze Rizal menyatakan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

the youth dengan izin *the youth is the hope of our future* tugas menyediakan dan mempersiapkan belia dari aspek kemahiran untuk memenuhi pasaran kerja memerlukan usaha yang berterusan dan dukungan daripada kerajaan. Banyak kajian – kajian ekonomi menjelaskan bahawa antara punca utama pengangguran hari ini adalah ketidak padanan kemahiran graduan dengan kehendak pasaran atau industri. Kajian tersebut merumuskan bahawa bagi memastikan kemahiran dan modul yang diberikan berpadanan dengan keperluan majikan maka perlunya ada kerjasama di antara institusi pendidikan dan firma – firma industri bagi di perkasakan bagi menambah baik kualiti dan pengisian pendidikan di peringkat universiti mahupun institusi latihan. Sebab itu, saya kira langkah Kerajaan Negeri melaksanakan program ikhtisas dengan peruntukan sejumlah RM52 juta ringgit merupakan suatu langkah yang proaktif dan sangat terkehadapan khususnya menghadapi cabaran industri dengan izin *for industrial revolution*. Namun, kita juga harus sedar bahawa terdapat limitasi bagi kerajaan Negeri untuk membiayai program perintis ikhtisas dan ini sekali lagi perlu kita pertingkatkan melalui usaha kerjasama di antara Negeri dan Persekutuan supaya kita dapat menyediakan modal insan yang berkemahiran sesuai dengan pertumbuhan industri yang kian rancak di Negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker sementara kita memberi fokus kepada kemajuan dan pertumbuhan Negeri Selangor kita tidak boleh meninggalkan usaha untuk memperkasakan nilai – nilai kerohanian dalam masyarakat. Usaha Kerajaan Negeri untuk melahirkan modal insan yang produktif, berketerampilan serta memiliki nilai sahsiah yang tinggi menuntut kita untuk memberi dimensi baru kepada institusi agama di Negeri Selangor. Saya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri seperti mana yang telah dipertegaskan dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam yang tuntas dalam memperkasakan institusi masjid melalui pembinaan masjid – masjid di kawasan – kawasan yang baru. Namun, saya juga ingin menarik perhatian Dewan untuk kita sekali lagi melihat institusi – institusi masjid yang telah lama dibina dan memerlukan pembelaan. Untuk maksud itu, Gombak Setia memohon Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada Masjid Sungai Cincin, Gombak yang telah dibina pada tahun 1965 dan merupakan antara masjid yang tertua di Daerah Gombak. Usaha naik taraf dan pembesaran sangat diperlukan dan perlu dilaksanakan segera memandangkan jumlah penduduk yang kian bertambah dan pembangunan sekitar yang kian besar. Begitu juga dengan kawasan Kampung Sungai Pusu, Gombak yang masih belum memiliki masjid, sedangkan kawasan tersebut memiliki jumlah penduduk yang begitu tinggi hasil daripada pembangunan kediaman di kawasan sekitar. Hari ini Kampung Sungai Pusu hanya memiliki sebuah surau kayu lama yang hanya boleh menampung kapasiti tidak lebih daripada 500 orang dan hari ini surau tersebut juga dijadikan surau untuk umat islam di kawasan kampung Sungai Pusu untuk menunaikan solat jumaat. Justeru itu, saya memohon supaya Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian perkara ini demi kesejahteraan umat di Negeri Selangor khususnya di Daerah Gombak. Tuan Speaker akhirnya menjadi harapan saya agar

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Kerajaan Negeri dapat meneliti perkara yang dibangkitkan dan saya amat yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu jiran saya di Gombak kita akan dapat membangunkan negeri ini sebagai sebuah negeri yang maju dan peduli rakyat. Sekian, Gombak Setia mohon menyokong dan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Mulia Sultan Selangor. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, saya menjemput Yang Berhormat Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN AMAN BAHARUDDIN : Bismillah.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi ruang kepada saya untuk turut sama berucap menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Amirudin Shari yang dilantik sebagai Menteri Besar yang baru bersama dengan kepimpinan EXCO yang baru. Diharapkan amanah dan tanggungjawab ini akan dapat dilaksanakan sebaik mungkin dan banyak perkara yang telah kita lakukan selama dua penggal dan masuk penggal ketiga di Negeri Selangor yang kita harapkan segala usaha – usaha ini dapat dipertingkatkan, dapat diperbaiki dari masa ke semasa dan saya percaya banyak juga dasar – dasar baru, program – program baru yang akan diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan tujuan dan dengan harapan untuk kita sama – sama laksanakan amanah ini dengan sebaik mungkin dan juga tujuan rakyat akan terus menyokong kerajaan pada hari ini untuk sama – sama menikmati segala kebaikan yang kita sedang lakukan. Termasuk juga program – program yang melibatkan program- program inisiatif peduli rakyat. Saya yakin dan percaya pihak yang bertanggungjawab, EXCO – EXCO yang bertanggungjawab terhadap program yang tertentu yang berkaitan tentulah sedang menyusun dan juga mengemaskini program yang mereka laksanakan namun pada pandangan saya banyak program ini yang kita telah masuk dalam bulan keempat dalam penggal ini tapi masih agak perlahan dalam penyusunan itu. Jadi saya berharap Dato Menteri Besar dan EXCO yang bertanggungjawab terhadap apa juga program yang kita laksanakan sebelum ini seperti Skim Tawas, Skim Mesra Usia Emas, Bantuan Tadika dan juga sebagai contoh yang terbaru adalah Kad KISS yang telah menerima kebanyakan DUN telah menerima lebih kurang 500 penerima dan tambahan 200 tapi apa yang saya semak yang 200 penerima tersebut masih lagi belum dapat kelulusan daripada pihak kerajaan negeri dan kita harapkan program-program ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Juga berkaitan dengan program-program ini juga kita perlu penyelaras DUN di lima DUN yang dimenangi oleh pembangkan untuk melancarkan jadi saya harap perkara ini dapat dimuktamatkan dengan secepat mungkin keperluan penyelaras DUN ini amat penting macam saya di DUN Morib mungkin penyelaras DUN perlu dilantik di DUN Sijangkang banyak penduduk di kawasan DUN Sijangkang mungkin agak jauh

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

untuk pergi untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini dan juga dapat mungkin sebahagiannya telah memohon lebih kurang 4 bulan yang lalu masih belum dapat kelulusan jadi kita harapkan kerajaan negeri dapat meluluskan program pelantikan penyelarasan DUN dengan secepat yang mungkin. Juga dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor adalah berkaitan dengan masjid dan surau, Tuanku mengatakan bahawa masjid dan surau telah diimarahkan dengan majlis ilmu yang mampu mendidik masyarakat untuk mendalami Islam yang sebenar. Ramai ADUN-ADUN Yang Berhormat yang telah membahaskan isu ini saya juga sekali lagi untuk menegaskan tentang perlunya masjid dan surau ini diimarahkan dan di sana sini terdapat beberapa aduan berkaitan dengan asatizah ataupun mereka yang telah ditauliahkan untuk mengajar di masjid atau surau ini dan sebahagiannya telah menyelitkan fahaman-fahaman politik kepartian. Ini yang kita agak runsingkan dan agak membimbangkan kadang kala secara terus terang mengkritik dasar-dasar kerajaan negeri sendiri jadi saya berharap Dato Menteri Besar Selangor dan juga Jabatan Agama Islam Selangor mengambil perhatian terhadap perkara ini supaya tauliah-auliah yang telah diberikan kepada individu-individu kepada asatizah yang diberikan haruslah dinilai semula sekiranya terdapat aduan yang berkaitan. Juga saya mengambil berat terhadap apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat ADUN Meru sebentar tadi tapi beliau sendiri tidak dapat memberikan kuliah di kawasan beliau sendiri jadi saya minta perkara ini dapat diselesaikan sebaik mungkin. Seterusnya adalah berkaitan dengan jalan persekutuan B5 yang juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Banting dan juga Yang Berhormat Sijangkang sebentar tadi berkaitan dengan jalan persekutuan walaupun ianya tidak berkaitan dengan peruntukan ataupun pentadbiran kerajaan negeri, saya mohon pihak yang berkaitan apatah lagi kita sekarang mempunyai hubungan yang baik dalam dari segi kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan kita berharap jalan-jalan persekutuan ini mendapat bajet yang secukupnya. Kerajaan negeri telah memperuntukan di Kuala Langat lebih kurang RM2 juta atau lebih peruntukan kepada jalan-jalan negeri. Tetapi di jalan persekutuan hanya menerima RM100,000.00 setiap daerah. Kalau kita lihat keadaan jalan-jalan persekutuan ini begitu teruk dan juga tidak sesuai untuk kenderaan melaluinya dan kalau kita tidak mengambil berat tentulah ianya akan menjejaskan pandangan masyarakat. Orang ramai tidak tahu ini jalan persekutuan ke, jalan negeri ke, jalan kampung ke. Bagi mereka ini adalah tanggungjawab kerajaan. Seharusnya kita mengambil berat terhadap perkara ini dan kita harapkan kerjasama kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dan juga agensi yang melaksanakan adalah agensi yang sama JKR Negeri jadi kita harapkan bajet yang secukupnya dapat disalurkan pada jalan-jalan persekutuan ini bukan setakat B5 sahaja. Jalan Persekutuan daripada Klang ke Sabak Bernam juga saya lihat begitu tidak menyenangkan. Seterusnya adalah berkaitan dengan pelancongan di DUN Morib di kawasan Kuala Langat. Di kawasan Kuala Langat terdapat Bukit Jugra, bukit yang begitu bersejarah yang mana di Bukit Jugra inilah

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

terdapat sejarah pemerintahan Sultan Sir Abdul Samad daripada 1859 hingga pada tahun 1898. Sultan Selangor yang pertama. Dan semasa pentadbiran Sultan Abdul Samad telah dibina sebuah rumah pasung dipercayai balai polis yang pertama di negeri Selangor sebelum institusi polis diwujudkan di Bukit Aman dan rumah pasung inilah yang telah dijadikan muzium insitu saya percaya ramai juga di kalangan kita belum mengetahui tentang kewujudan muzium ini walaupun ianya begitu bersejarah. Walaupun di kawasan Bukit Jugra terdapat istana Sultan Alaedin dan juga banyak lagi bangunan lain yang bersejarah tapi pelancongan di kawasan Jugra di kawasan Pantai Morib di kawasan pantai Kelanang dan sekitarnya masih lagi dalam keadaan tidak memberangsangkan. Jadi saya harap pihak EXCO Pelancongan dapat memikirkan sesuatu, dapat memikirkan pelan jangka panjang tentulah perkara-perkara ini dalam usaha jangka pendek telah dilakukan oleh kerajaan negeri sebelum ini dengan menurunkan peruntukan untuk membaikpulih di kawasan-kawasan pelancongan sedia ada ini. Namun untuk memajukan pelancongan di DUN Morib ini secara jangka masa panjang saya kira perlukan perancangan yang rapi, rancangan yang baik yang mungkin boleh

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Morib, masa ya. Traffic light.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Di pantai Morib walaupun saya ambik contoh pantai Port Dickson dulu ramai berkunjung di pantai Port Dickson sebab sesuai mandi manda atau seumpamanya namun sekarang orang tidak ke pantai Port Dickson untuk mandi manda. Mereka ada tarikan lain. Jadi saya harap kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk memajukan lagi pantai Morib sebagai destinasi pelancongan. Pandangan saya pelancongan di Kelip-Kelip di Kuala Selangor lebih maju daripada pantai Morib itu sendiri. Jadi kita harapkan kita dapat menyediakan kemudahan pelancongan dan produk pelancongan yang lebih baik lain di pantai Morib jadi terima kasih pada Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya dan saya menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, Assalamualaikum WBT.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Morib. Ahli-Ahli Yang Berhormat silakan duduk dulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai perbahasan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Usul ini dipersetujui.

Saya menjemput Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Salam sejahtera semua. Izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Oleh kerana masa singkat saya hanya akan sentuh beberapa isu sahaja. Yang pertama saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah dilantik dan diberikan tanggungjawab yang besar dan dengan tanggungjawab ini saya yakin kita boleh tunjukkan seluruh Malaysia bahawa Selangor masih menjadi peneraju dalam inovasikan polisi antara semua negeri di Malaysia. Cadangan pertama saya kepada kerajaan negeri dalam era Malaysia baru ini adalah untuk melakukan *open data* dengan izin satu polisi di mana semua perbelanjaan kerajaan negeri kita harus paparkan untuk makluman rakyat, semua maklumat perbelanjaan kerajaan negeri kita harus letakkan di satu laman web di mana ia boleh diteliti oleh semua rakyat. Saya bukan saja mencadangkan bahawa bajet diletak di laman web untuk dilihat oleh orang ramai tapi bagi setiap vot perbelanjaan kita membuat satu pentadbiran yang telus di mana kita menunjukkan bahawa kontrak yang mana yang mendapat setiap projek, butiran, jenis perbelanjaan yang dibuat bagi setiap perkara demi menunjukkan bahawa kerajaan negeri Selangor menjadi satu leader seperti mana yang telah dilakukan oleh banyak Negara dunia pertama untuk telus dalam semua perbelanjaan yang kita lakukan. Setahu saya belum ada mana-mana negeri, Putrajaya pun belum membuat seperti ini dan saya mencadangkan bahawa negeri Selangor menjadi negeri pertama untuk melakukan perkara ini. Dahulunya kita menjadi negeri pertama bersama dengan Pulau Pinang untuk melakukan open tender bagi perolehan-perolehan semua perolehan kerajaan negeri 10 tahun yang lepas. Kali ini ia menjadi legasi Dewan ke 14 bahawa kalau kita boleh lakukan open data bagi pentadbiran kerajaan negeri. Yang kedua saya ingin membangkitkan isu menjadi negeri bertaraf dunia pertama. Saya ingin mencadangkan ke arah menjadi satu negeri bertaraf dunia pertama *first world state* bahawa pentadbiran ini menggariskan satu pelan, master plan supaya kita boleh menggariskan apa yang mencirikan dunia pertama bagi negeri Selangor. *We are not there yet*. Dengan izin. Kita ada banyak peluang untuk melakukan penambahbaikan di negeri Selangor supaya kita boleh setaraf dengan negara-negara dunia pertama seperti

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Korea Selatan, Singapura, Negara-negara di Eropah dan sebagainya. Kalau kita tidak ada visi, tidak ada pelan memang susah untuk capai ke sana. Kenapa penting untuk kita capai ke sana. Ini adalah kerana kualiti kehidupan rakyat akan bertambah jauh lebih baik. *The end focus*. Dengan izin. Matlamat kita dalam memikirkan perkara ini ialah kita hendak ada satu vision dengan izin supaya kita mengadakan negeri di mana kualiti kehidupan untuk semua rakyat di negeri Selangor adalah baik. Kearah itu kita telah bermula dengan smart Selangor. Terdapat pelbagai inisiatif yang telah dimulakan penggal yang lepas untuk menjadikan negeri ini satu negeri yang lebih maju. Kali ini saya rasa kita boleh tambah baik pelbagai jenis inisiatif supaya negeri Selangor lebih pintar dan lebih maju. Izinkan saya sentuh dua cadangan sahaja pada perbahasan kali ini, Semua perkhidmatan kerajaan haruslah mempunyai satu pilihan untuk dibuat *online*. Sekarang kalau kita pergi ke kaunter terdapat pelbagai jenis transaksi yang boleh dibuat. Kalau kita pergi kepada laman-laman web pelbagai jenis jabatan dan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor, memang terdapat sedikit perkhidmatan yang boleh dibuat *online* tetapi bukan semua jenis perkhidmatan boleh dibuat secara *online* daripada benda yang kecil seperti nak tempah gelanggang badminton kepada perkara yang lebih besar seperti transaksi tanah. Banyak perkara masih belum boleh dibuat secara *online* ke arah kita menjadi satu SmartSelangor ke arah kita menjadi satu negeri bertaraf dunia pertama, saya harap dalam 5 tahun penggal ini kita boleh merealisasikan satu misi untuk membuat kehidupan lebih senang kepada rakyat di mana semua jenis perkhidmatan yang hari ini kita perlu pergi ke pejabat ataupun pergi ke kaunter juga boleh dilakukan secara *online* supaya memberi satu pilihan kepada rakyat. Mereka yang lebih senang untuk datang ke kaunter, kaunter masih kena dibuka untuk mereka. Tetapi kepada mereka yang lebih senang untuk membuat pengurusan *online* kita kena beri pilihan tersebut kepada mereka. Biarlah Selangor menjadi negeri pertama yang 100% *online* di Malaysia. Yang Kedua ialah *Smart Traffic Light* dengan izin, lampu isyarat yang *smart*. Betul, di sini ada lampu isyarat, *I think* Dewan yang pertama di Malaysia yang ada lampu isyarat untuk ADUN tetapi apa yang saya maksudkan bukanlah lampur isyarat di sini tetapi lampu isyarat di jalan raya. Di Selangor cukup banyak lampu isyarat, cukup banyak *traffic jams* terutamanya waktu puncak pagi dan puncak petang. Banyak lampu isyarat kami bukan jenis pintar. Dia separuh pintar. Mungkin ada sedikit *sensor*, ada sedikit kebijaksanaan tetapi dia bukan pintar sepenuhnya, tidak menggunakan teknologi *artificially intelligent* (AI). Zaman tahun 2018 terdapat banyak, teknologi yang sudah dibangunkan di seluruh dunia yang kita boleh pilih untuk *implement* di negeri Selangor supaya *traffic jam*, kesesakan lalu lintas tertutamanya di persimpangan-persimpangan besar dapat dikurangkan dengan lampu isyarat pintar. Perkara ini boleh menjimatkan masa kepada rakyat. Kalau apa-apa benda lain pun kita tak buat tetapi kita dapat kurangkan *jams* sebanyak 20 minit, orang pergi kerja dan balik kerja mereka akan lihat bahawa kerajaan ini telah melakukan satu perkara yang baik untuk kualiti kehidupan mereka. Saya harap kita dapat fikirkan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

dalam bajet yang akan datang, tidak lama lagi untuk melaburkan sedikit duit untuk kita mulakan di persimpangan-persimpangan yang kritikal terutamanya di Petaling Jaya untuk melaburkan dalam sistem lampu isyarat pintar, *that is, we solve traffic jams* tak perlu letak trafik polis di lampu isyarat. Sekarang kita terpaksa letak polis di lampu isyarat kerana sistem lampu isyarat itu tidak pintar terpaksa letak satu manusia untuk kawal tetapi bilangan polis tak cukup untuk semua lampu isyarat, banyak tempat tidak dapat dikawal. *So, we can do better* dengan izin. Yang terakhir, sebagai satu respon kepada apa yang diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pagi ini bahawa tarif air tidak akan naik. *I think* ramai rakyat Selangor lega tetapi kita pun kena menghadapi hakikat bahawa kos untuk membekalkan air ini semakin naik setiap tahun dan tarf yang kita ada 10 tahun yang lepas susah untuk dipertahankan pada hari ini dan untuk 10 tahun yang akan datang. Saya mencadangkan kita memikirkan untuk membahagikan tarif-tarif ini kepada lebih banyak jenis golongan tarif, contohnya kediaman sekarang, kediaman satu ban sahaja, kediaman so antara rumah teres kos rendah dengan rumah banglo dia membayar tarif yang sama. Tetapi mungkin kita boleh kaji supaya rumah macam rumah banglo dia bayar kos sebenar air, dia ada subsidi dan rumah kediaman teres kos rendah dia boleh dikekalkan kepada tarif sedia ada. Dengan ini, hasil Air Selangor boleh ditingkatkan tanpa membebankan kepada penduduk yang sederhana pendapatan dan yang miskin dan penduduk yang *hire* di negeri Selangor mungkin boleh bayar kos sebenar. Jadi, kita boleh fikirkan untuk pecahkan tarif ban yang sedia ada, pembahagian antara komersial sekarang tidak ada kategori komersial, semua komersial dalam satu kategori. Sekarang kediaman, semua kediaman dalam satu kategori mungkin boleh dipecahkan kepada pelbagai jenis supaya yang tidak sensitif boleh dinaikkan bukan untuk mengaut keuntungan tetapi kepada *charge* sebenar, kos sebenar yang kita terpaksa alami untuk membekalkan air kepada mereka dan kita boleh kekalkan tarif kepada *group-group* yang lebih sensitif.

Jadi, sekian sahaja perbahasan saya pada hari ini. Saya ingin menyokong Usul ini.

TUAN SPEAKER: Terika masih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAZAL BIN EDDY YUSOF: Assalamualaikum Warahmatullahi Warabarakatuh dan salam sejahtera. Saya panjatkan Kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya kita dapat bersidang pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada Dusun Tua yang orangnya muda untuk berbahas, membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semasa merasmikan Sidang Dewan semalam. Antara titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam menyentuh tentang bagaimana alam sekitar sering kali dikompromi dalam memberikan laluan kepada pembangunan. Duli Yang Maha Mulia Tuanku turut menyentuh usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan alam sekitar terus dipelihara. Saya mengucapkan syabas kepada Negeri Selangor kerana menajdi negeri yang lebih ke hadapan dalam

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

usaha memastikan penggunaan beg plastik dapat dikurangkan. Tuan Speaker, namun saya ingin membangkitkan soal alam sekitar tidak seharusnya dibataskan hanya kepada soal alam semula jadi melibatkan hutan, pokok dan sungai sahaja. Alam sekitar yang kita sebut-sebut harus dipandang secara menyeluruh perlu turut melibarkan soal kesejahteraan manusia yang hidup di sesebuah kawasan. Ini kerana jika pokok itu berharga, manusia yang mendiami dan menghidupkan negeri ini juga tinggi nilainya. Saya ingin memberikan contoh, kawasan DUN Dusun Tua adalah antara kawasan yang mempunyai aktiviti operasi kuari. Operasi kuari walaupun mematuhi garis-garis panduan dalam memelihara hutan sekitarnya, sering kali kita melihat kesan-kesan operasi ini menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk-penduduk sekitar. Misalnya jalan yang berhabuk, lori yang keluar masuk bukan pada waktu yang ditetapkan, kerosakan jalan dan lain-lain. Saya sebelum ini berpeluang menjadi Ahli Majlis, untuk Majlis Perbandaran Selayang dan mempengerusikan JKP di salah satu zon di Sungai Buloh yang turut mempunyai aktiviti kuari. Apa yang menyedihkan dari Sungai Buloh hingga ke Hulu Langat, saya melihat masalah yang sama dan menerima aduan yang sama. Tuan Speaker, di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, menteri yang sama diulang-ulang dengan menawarkan penguatkuasaan sebagai penyelesaian. Bukanlah tidak pernah ada penguatkuasaan sebelum ini, penguatkuasaan pernah dilakukan, masalah tetap berlaku. Sekiranya penyelesaian kepada suatu masalah itu tidak menyelesaikan masalah yang bermasalah itu adalah penyelesaian yang ditawarkan. Saya mencadangkan perlu diperhalusi kembali syarat-syarat dan garis-garis panduan kerajaan dalam membenarkan kuari-kuari ini beroperasi. Pihak berwajib misalnya tidak sepatutnya memberikan alasan bahawa tidak boleh dipastikan sama ada lori-lori yang mengakibatkan kacau ganggu itu datang dari kuari atau bukan, sebaliknya perlu bertindak pro-aktif mencari cara-cara memastikan masalah itu dapat diatasi. Saya berikan contoh, kita boleh meletakkan syarat supaya lori-lori kuari perlu didaftarkan di kuari mana mereka mengambil muatan supaya sekiranya mereka melanggar peraturan tindakan boleh dikenakan kepada lori dan kuari. Ini bagi memastikan kuari turut sama memikul tanggungjawab menjaga kesejahteraan kawasan di sekitar. Sementara tindakan lebih drastik boleh diambil kepada lori-lori seperti menamatkan lesen atau permit mana-mana lori yang sentiasa melanggar peraturan dan mengakibatkan kacau ganggu kepada warga Selangor. Tindakan sebegini sudah tentu tidak terbatas kepada kuari sahaja malah kepada mana-mana pemajuan yang gagal mengawal lori-lori mereka lantas mengganggu kesejahteraan hidup orang awam. Tuan Speaker, saya faham bahawa kuari-kuari turut menyumbang ekonomi negeri Selangor. Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam turut secara tidak langsung menyebutkan 16.1% sektor yang menyumbang kepada KDNK adalah dari sektor pembinaan, perkhidmatan kerajaan, pertanian, perlombongan dan kuari. Jauh sekali daripada mengharap pengakhirannya kepada menjadi menang jadi arang kalah jadi abu. Kita tidak mahu hasil yang kita peroleh daripada satu-satu aktiviti ekonomi itu akhirnya tidak setimpal dengan belanja yang terpaksa kita keluarkan demi mengatasi masalah-masalah akibat daripada aktiviti itu. Kita berharap kepada satu penyelesaian yang mana aktiviti-aktiviti pengambilan hasil bumi dapat berjalan membantu menjana ekonomi negeri namun pada masa yang sama kesejahteraan warga Selangor tidak akan kita kompromi. Adalah menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan menguruskan dengan baik kedua-

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

dua kepentingan ini agar tidak wujudnya pertentangan. Tuan Speaker, DUN Dusun Tua juga cukup dikenali dengan masalah banjir. Kawasan-kawasan yang berada di lembah sering kali dinaiki air hujan apabila hujan melimpah melebihi jumlah tertentu. Saya ingin mengambil peluang ini berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas peruntukan-peruntukan yang diluluskan sebelum ini yang digunakan bagi membina ban-ban di tebing anak-anak sungai yang bercantum ke Sungai Langat. Ini semua lantas meminimalkan kesan banjir setakat ini. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah pun membentangkan bahawa salah satu penyelesaian jangka panjang kepada masalah banjir di kawasan Hulu Langat adalah dengan menaiktaraf Sungai Langat bagi menampung kapasiti aliran air sungai. Projek menaiktaraf Sungai Langat yang disebutkan sebagai Rancangan Tebatan Banjir Fasa Dua telah pun dicadangkan kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan kami mengharapkan mendapat perhatian dan peruntukan yang sewajarnya. Akan tetapi penyelesaian ini tidak akan memadai sekiranya aliran air sungai terus meningkat saban tahun. Dan peningkatan itu berpunca daripada aktiviti-aktiviti pembangunan sekitar yang tidak mengambil kira faktor kapasiti aliran air. Saya dimaklumkan oleh JPS bahawa kawasan yang belum dibangunkan yang masih mempunyai rupa bentuk semula jadi biasanya dapat menampung lebih kurang 70% air hujan dan melepaskan sebahagian kecil sahaja kepada saliran. Peratusan ini menjadi sebaliknya apabila berlaku di satu-satu kawasan itu pembangunan. Bayangkan kalau kita terus-menerus membenarkan pembangunan tanpa mengambil kira faktor ini. Maka naiktaraf Sungai Langat itu seluas Sungai Nil pun belum tentu dapat menyelesaikan masalah pada jangka masa panjang. Sekali lagi ditekankan Tuan Speaker, kita meraikan pembangunan namun haruslah dilakukan dengan mengambil kira semua faktor secara menyeluruh. Pengalaman saya sekali lagi berkhidmat di kawasan pinggir bandar seperti Sungai Buloh dan Hulu Langat memperlihatkan betapa soal aliran air dan saliran jarang sekali diberi perhatian pemaju. Pihak Berkuasa Tempatan juga dilihat seolah-olah kurang peka dalam mengambil kira faktor kapasiti aliran air, baik ke sungai mahupun ke perparitan sebelum mereka meluluskan satu-satu kemajuan. Bukanlah kali pertama saya melihat bagaimana satu-satu kemajuan itu diluluskan dan berjalan sedangkan sistem saliran mereka entah menuju ke mana, tidak pasti perparitan mereka itu menuju ke tanah sebelah yang hanya ada parit atau disalurkan ke alam ghaib. Sistem perparitan bagi saya hendaklah dilihat seperti sistem jalan raya yang saling terkait. Kita berada di dalam satu eko sistem yang mana tiap satu terkait dengan yang lain. Sebarang bentuk pembangunan tidak seharusnya dinilai hanya pada lot tanah yang hendak diluluskan itu sahaja. Saya mencadangkan kepada Pihak Berkuasa untuk turut melibatkan kawasan sekitar kepada kadar tertentu dalam pertimbangan mereka sebelum meluluskan sebarang pembangunan. Ini kerana satu pembangunan di kawasan A boleh sahaja mengakibatkan bencana di kawasan D. Kita telah mempunyai teknologi mencukupi melalui JPS untuk mengkaji aliran dan kapasiti air. Seharusnya semua teknologi ini dan kepakaran ini dimanfaatkan sepenuhnya. Tuan Speaker, saya mohon kerajaan meneriti perkara-perkara dan cadangan-cadangan yang saya bangkitkan demi meneruskan penambahbaikan tadbir urus serta agenda reformasi berterusan di negeri Selangor. Saya yakin, dengan kerjasama erat antara Persekutuan dan Negeri bakal memperlihatkan perubahan yang lebih baik. Kita, tanggungjawab kita adalah melakukan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

yang terbaik dan selebihnya kepada Allah kita berserah. Saya dengan ini menjunjung kasih dan menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya menjemput Yang Berhormat Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat serta para Pegawai Kerajaan. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk Sementa membahas ucapan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput YB Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih YB Tuan Speaker, Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat serta para pegawai kerajaan. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk Sementa membahas ucapan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Selangor Yang Ke-14 semalam. Sementa ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas kemenangan dalam Pilihanraya Ke-14 pada 9 Mei yang lepas dengan Pakatan Harapan menang 51 kerusi daripada 56 kerusi di Dewan Undangan Negeri Selangor. Kali ini, Pakatan Harapan bukan sahaja menang besar dan mentadbir di negeri Selangor, tetapi kita juga telah menang di Putrajaya. Tahniah kepada Dato' Menteri Besar daripada Sungai Tua YAB Tuan Amirudin Shari daripada Sungai Tua tetapi orangnya masih muda. Rakyat Selangor menaruh harapan yang tinggi kepada Dato' Menteri Besar serta pasukan barisan kepimpinan kerajaan negeri untuk meneruskan kecemerlangan pentadbiran kerajaan negeri Selangor yang telah ditinggalkan oleh Bukit Antarabangsa pada penggal yang lepas. Selangor adalah negeri contoh terbaik Pakatan Harapan sejak dua penggal yang lepas. Walaupun Selangor diasak dengan sebagai negeri pembangkang dan tidak mendapat apa-apa bantuan dan juga tidak mendapat apa-apa peruntukan daripada kerajaan Barisan Nasional yang lepas, namun kerajaan negeri Selangor dapat menjayakan pelbagai program-program sehingga kita telah dapat melaksanakan 42 program yang dinamakan Inisiatif Peduli Rakyat. Daripada 42 program-program ini, ianya menjadi sebuah buah mulut program-program Inisiatif Peduli Rakyat ini bukan hanya di seluruh negeri Selangor tetapi keseluruhan negara dan program-program IPR negeri Selangor yang begitu berjaya menambat hati rakyat antaranya Program Kiss Kasih Ibu Smart Selangor, Program Peduli Sihat dan 42 lagi program-program IPR yang begitu yang ianya sampai kepada rakyat Selangor. Namun, setelah kita menang dalam pilihanraya kali ini dengan semangat federalisme yang disebut oleh Bukit Antarabangsa. Ianya adalah satu kebaikan untuk rakyat Selangor, satu kebaikan untuk kerajaan negeri Selangor kerana melalui federalisme ini, kita mengharapkan 42 program-program IPR yang telah pun dilaksanakan di negeri Selangor untuk rakyat Selangor yang kita namakan '*berkongsi kekayaan negeri bersama rakyat*' tetapi kita mengharapkan ianya akan melalui federalisme ini iaitu kerajaan pusat akan bersama-sama membantu untuk memberikan peruntukan untuk memastikan program-program IPR yang dilaksanakan di negeri

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Selangor ini kita dapat meneruskannya walaupun kita tahu kerajaan Selangor sendiri mempunyai rizab yang tinggi, mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Namun ia perlu dikongsikan bersama oleh pihak kerajaan pusat. Ini juga apabila dan juga kita meminta kepada kerajaan negeri Selangor untuk menyelaraskan 42 program-program IPR ini agar ianya dapat ataupun dikaji semula dan juga ditambahbaikkan agar kewangan ataupun peruntukan yang digunakan untuk melaksanakan program-program IPR ini dapat dioptimumkan dan juga boleh disalurkan untuk program-program yang lain. Jadi kita mengharapkan program-program IPR ini diambil kira untuk ditambahbaikkan dan juga diselaraskan dengan beberapa program-program di peringkat pusat seperti antaranya program Peduli Sihat yang akan dilaksanakan oleh kerajaan pusat, juga Program Tawas iaitu ADAM yang telah pun dimulakan. Jadi saya kira ini dapat mengurangkan peruntukan kerajaan negeri disalurkan ke program IPR ini. Seterusnya, Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS). Program Tuisyen Rakyat Selangor adalah satu program yang amat baik yang mana ia dapat membantu pelajar-pelajar terutamanya dari keluarga B40 yang mana mereka mendapat peluang untuk belajar di pusat-pusat tuisyen rakyat yang diadakan di 56 DUN di seluruh negeri Selangor dan ramai di antara pelajar-pelajar kita yang telah melonjakkan prestasi pelajaran mereka. Ramai di antara mereka juga yang telah pun dapat menjejaskan kaki ke menara gading. Jadi anak-anak hasil daripada didikan PTRS ini adalah satu modal insan kepada seluruh negeri Selangor dan kita mengharapkan agar program PTRS ini dapat mengumpulkan data-data kejayaan-kejayaan anak-anak kita ini dan kita mengharapkan mereka ini akan kita boleh melihat berapa *percent* daripada kalangan anak-anak yang mengikuti PTRS ini yang berjaya dan yang perlu dibantu melalui program-program mungkin biasiswa ataupun bantuan pinjaman pelajaran kerajaan negeri Selangor. Juga saya ingin menyatakan bahawa PTRS ini juga saya mencadangkan untuk dikaji semula kerana sekarang ini kita telah menang, kita telah pun boleh masuk ke dalam sekolah-sekolah dan kita berkolebarasi dengan pihak sekolah yang mana ianya akan melibatkan lebih ramai lagi pelajar di sekolah-sekolah di kawasan masing-masing kerana kalau sebelum ini PTRS ini kita terpaksa bawa anak-anak (pelajar) ini keluar ke satu tempat yang kita sediakan dan hanya beberapa ramai sahaja mungkin dalam 100 orang sahaja dalam satu DUN yang mendapat manfaat PTRS ini. Namun sekiranya kita dapat menyalurkan peruntukan dan bantuan kepada sekolah-sekolah untuk melaksanakan tuisyen-tuisyen di peringkat sekolah dan memberikan peluang kepada guru-guru ini yang memang telah pun terlatih untuk melaksanakan tuisyen di sekolah-sekolah ini, maka ia alangkah menjadi lebih baik lagi kepada sekolah dan juga kepada anak murid yang memerlukan dan lebih ramai lagi yang dapat manfaat tersebut. Seterusnya saya ingin menyebut tentang laluan bas Smart Selangor yang mana Sementa ingin memohon mendapatkan perkhidmatan Bas Smart Selangor terutamanya di kawasan Kampung Bukit Kapar dan sekitarnya, Meru, Bukit Kapar ke Pekan Kapar ke Pekan Meru. Sebab ia adalah satu laluan yang ada kesinambungan dan di kawasan-kawasan ini iaitu Bukit Kapar dan Meru ini mempunyai murid-murid yang bakal yang perlu yang mana mereka sangat memerlukan bas percuma ini untuk mereka pergi ke sekolah kerana ramai di kalangan penduduk adalah orang kampung yang berpendapatan agak rendah. Jadi sekiranya pihak kerajaan negeri dapat melaksanakan perkhidmatan bas percuma Smart Selangor ini yang mana melibatkan kawasan yang saya sebutkan tadi yang mana ia adalah kawasan-kawasan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

lalu tersebut adalah kawasan di mana ramai ataupun sekolah yang mempunyai ramai bilangan pelajar. Jadi keperluan itu saya kira sangat penting. Sekiranya tak dapat nak laksanakan, dapat dilaksanakan dalam waktu-waktu anak-anak ini pergi sekolah, balik sekolah pun kami telah cukup syukur. Saya kira YB Meru juga setuju dengan perkara ini dan kami juga biasa selalu berbincang bila atau bagaimana kita hendak meminta kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan bas percuma Smart Selangor di kawasan kami. Jadi, itu antara yang ingin saya nyatakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Dan satu lagi saya

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan sini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Saya ingin

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Boleh?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ya, silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. YB Sementa telah menarik perhatian saya kerana isu tentang perkhidmatan bas ini juga amat dekat dengan hati saya tentang kerana masalah yang sama juga dihadapi oleh penduduk di kawasan DUN Banting. Tapi adakah Yang Berhormat juga bercadang supaya kerajaan persekutuan kita juga memerlukan *intervention* daripada kerajaan persekutuan kerana bukan semua bas boleh dibekalkan oleh kerajaan negeri dan kita juga memerlukan jaringan perkhidmatan bas swasta untuk melengkapkan perkhidmatan kepada penduduk baik di bandar ataupun di desa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Banting. Itu adalah satu saranan yang sangat baik dan kita mengharapkan saranan ini dapat akan sampai ke peringkat persekutuan untuk melaksanakan pula bas percuma di kawasan-kawasan yang amat-amat memerlukan bukan hanya di Selangor, namun untuk seluruh negara untuk dimanfaatkan oleh seluruh rakyat di Malaysia. Dan kita harap ataupun kita tidak mahu ianya hanya dinikmati oleh rakyat di Selangor tetapi seluruh rakyat di Malaysia kerana kita telah bersama-sama menjayakan kemenangan di Putrajaya.

TUAN SPEAKER : YB Sementa, masa sudah sampai.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ok. Terima kasih Tuan Speaker. YB Tuan Speaker, satu lagi saya ingin menyentuh tentang

TUAN SPEAKER : Saya bagi yang terakhir.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terakhir. Satu topi yang terakhir iaitu masalah penternak lembu di bandar-bandar. Ianya berlaku di Pekan Kapar dan mungkin ianya juga berlaku di beberapa bandar-bandar lain di seluruh Selangor. Tadi disebut Pelabuhan Klang, di Sentosa dan juga di Meru yang mana jadi ini adalah antara masalah yang dihadapi oleh penduduk. Ia ada dua perkara. Satu penduduk yang menjadi mangsa kepada masalah lembu ini yang mana lembu ini berkeliaran di kawasan taman, makan bunga-bunga selain daripada makan rumput makan bunga-bunga dan juga membuang najisnya merata-rata, tidur di tengah jalan. Anak-anak kita hendak dan juga mengganggu, memberikan kacau ganggu kepada masyarakat. Jadi itu satu perkara memberi masalah kepada penduduk. Perkara kedua adalah kita tidak menyalahkan penternak lembu kerana mereka sebenarnya telah 20 tahun, 30 tahun menternak lembu di kawasan tersebut. Cuma apabila berlaku

TUAN SPEAKER : Ya Y.B. Sementa, cukuplah dengan masalah lembu ya. Saya persilakan duduk.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Jadi saya nak mohon

TUAN SPEAKER : Saya nak beri peluang kepada yang lain

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ok.

TUAN SPEAKER : Cukuplah ya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Saya mohon agar pihak kerajaan negeri menyediakan

TUAN SPEAKER : Ya, ya, ya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : satu tempat yang

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : ataupun alternatif kepada para penternak lembu ini agar mereka

TUAN SPEAKER : Ya, cukup, cukup.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : kerana mereka menyumbang kepada ekonomi dan juga

TUAN SPEAKER : Ya, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : sumber makanan kepada rakyat.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : dengan ini saya menyokong ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Terima kasih YB Sementa. Saya menjemput Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih YB Tuan Speaker. YB Banting jangan berdiri ya? Ok. Terima kasih YB Tuan Speaker kerana memberi kesempatan untuk membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Tahniah diucapkan kepada YAB Sungai Tua atas pelantikan sebagai Menteri Besar Negeri Selangor. Tahniah juga diucapkan kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri atas kemenangan dalam Pilihanraya Umum Ke-14. Semoga kita menggalas tanggungjawab dengan penuh amanah dan harapan. Kampung Tunku menjunjung kasih kepada baginda Sultan Selangor atas perkenan baginda terhadap cadangan menyelaraskan had umur minimum perkahwinan pasangan Islam lelaki dan perempuan supaya dinaikkan daripada 16 kepada 18 tahun. Hasil selidik menunjukkan bahawa perkahwinan bawah umur lebih banyak mendatangkan mudarat berbanding kebaikan terutamanya kepada kanak-kanak perempuan. Antaranya keganasan fizikal dan seksual, masalah kesihatan jangka panjang atau maut akibat kehamilan pra matang dan kemunduran dari aspek pendidikan dan penglibatan dalam ekonomi. Oleh itu, saya ingin menyeru agar cadangan pindaan peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor dan Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 dibahaskan dengan berhemah, cukup serius dan ikhlas oleh ahli-ahli dewan negeri sekalian. Demi menjaga kebajikan kanak-kanak negeri Selangor. Namun, kerajaan negeri boleh memainkan peranan yang lebih pro aktif dalam hal perlindungan kanak-kanak. Melindungi kanak-kanak tidak bermaksud mengongkang mereka. Kita perlu melengkapkan mereka dengan ilmu supaya mereka mampu membuat dengan izin *inform troises* dan mempunyai tempat mengadu yang selamat sekiranya ada masalah. Dengan izin Tuan Speaker, *we need to talk about sex to our children*. Pada tahun 2015, tinjauan MCMC mendapati bahawa 91.6% daripada kanak-kanak Malaysia berumur dari 10 hingga 17 tahun memiliki *smartphone* sebelum umur 15 tahun. 88.5 % memiliki akaun *facebook* atau media sosial yang lain dan satu laporan UNICEFF juga mendapati bahawa lebih daripada 60% kanak-kanak dan belia meluangkan masa di *online chat room* dengan orang asing, orang yang tidak dikenali. Tetapi dunia moden banyak berlandaskan teknologi bimbit. Oleh itu, kita harus mengajar pendidikan seks supaya kanak-kanak kita sedar, contoh masalah yang timbul akibat ketiadaan atau kekurangan pendidikan seks adalah seperti berikut. Kebanyakan mangsa penderaan seksual berumur antara 13 hingga 15 tahun. Didapati bahawa *paedophile* dan pemangsa seks menggunakan media sosial untuk proses *grooming* dengan izin Tuan Speaker, ini ditonjolkan dalam siri siasatan oleh akhbar RAGE kira-kira 2016 yang bertajuk *predator on my phone* dengan izin. Malaysia juga menunjukkan bilangan muatnaik dan muat turun, *upload* dan *download* dengan izin, pornografi kanak-kanak yang tertinggi di Asia Tenggara dan yang paling parah sekali negeri Selangor juga mencatatkan jumlah kes buang bayi tertinggi dalam tempoh 2 tahun berturut-turut antara Tahun 2016 hingga bulan Jun 2017. Saya ingin

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

cadangkan agar kerajaan negeri Selangor merancang program atau peruntukan bajet untuk pendidikan seks bagi kanak-kanak dan ibu bapa. Jangan kita bergantung kepada kerajaan persekutuan sahaja seperti kita maklum, kerajaan persekutuan yang kini diterajui Pakatan Harapan dalam proses gotong-royong, dalam proses pembersihan rumah. Kerajaan Negeri Selangor yang lebih stabil di bawah Pakatan Rakyat dulu, kini Pakatan Harapan boleh menunjukkan inisiatif dan kepimpinan dalam menangani isu pendidikan seks. Di Selangor, kita bertuah kerana terdapat ramai NGO dan persatuan yang cukup berkepakaran untuk merangka program pendidikan seks yang *sustainable* dengan izin, contohnya *Protect and Safe Organisasi*, *Protect and Save The Children* yang juga bekerjasama dengan PETRONITA, Projek Layang-Layang dan *Women Aids Organization* dengan izin. Saya berharap kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan NGO-NGO tersebut dalam isu pendidikan seks. Saya juga telah dimaklum oleh Jabatan Kebajikan Malaysia, Daerah Petaling bahawa kerajaan negeri Selangor tidak mempunyai rumah perlindungan bagi kanak-kanak yang didera secara fizikal atau seksual. Sebaliknya mereka ditempatkan di rumah perlindungan di Rembau dan terpaksa berulang alik antara negeri Selangor dan Negeri Sembilan untuk menghadiri semasa kes dibicarakan di mahkamah. Proses ulang alik ini boleh memburukkan trauma mangsa. Manakala Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan di Serendah, Selangor lebih fokus kepada mengajar kemahiran berbanding memberi perlindungan sementara bagi mangsa penderaan. Oleh itu, saya berharap kerajaan negeri Selangor dapat mempertimbangkan cadangan menubuhkan sebuah rumah perlindungan kanak-kanak untuk tujuan *transitional* atau *safe housing* dengan izin. Yang Berhormat Tuan Speaker, Kampung Tunku ingin merakamkan setinggi-tingginya terima kasih kepada YB EXCO, Kota Kemuning atas penerangan mengenai kemiskinan warga kota atau kemiskinan bandar pada sesi.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sebut Yang Berhormat ya bukan YB ya. Saya bagi peringatan sekali lagi.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Yang Berhormat EXCO, Kota Kemuning. Maaf. Tidak dinafikan bahawa inisiatif peduli rakyat kerajaan negeri telah banyak meringankan beban hidup rakyat Selangor. Kemiskinan bandar tidak mudah dilihat atau dikesan. Ianya tidak terhad kepada kawasan PPR, Pangsapuri Rendah. Di Kampung Tunku, iaitu di kawasan Petaling Jaya, seseorang itu boleh tinggal dalam rumah yang mungkin bernilai ringgit 1.3 juta, tetapi tidak mempunyai pendapatan boleh guna atau *disposable income* dengan izin, kerana telah bersara atau tidak mampu bekerja akibat masalah kesihatan. Laporan UNICEFF, *children without a study of urban child property and depravation in low cost flats in Kuala Lumpur* dengan izin menunjukkan bahawa indikator kemiskinan yang konvensional tidak dapat mengukur kemiskinan bandar dengan tepat. Misalnya *property line income* dengan izin perlu diselaraskan semula. Memandangkan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa telahpun dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Ekonomi, tahniah diucapkan, diharap kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan akan merapatkan kerjasama dalam menangani isu kemiskinan bandar. Fokus terhadap pembasmian kemiskinan bandar tidak bermaksud pengabaian usaha

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

membasmi kemiskinan luar Bandar, malah ia dapat membantu kerajaan negeri Selangor menambah baik penyasaran program-program inisiatif peduli rakyat dan meneruskan usaha dan prestasi cemerlang kerajaan negeri dalam membantu rakyat Selangor. Sekali lagi, Kampung Tunku ingin menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Semoga negeri Selangor kekal aman, sentosa dan menjadi negeri peneraju di Malaysia. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya minta Yang Berhormat Pelabuan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Speaker. Bismillahirrahmannirahim, Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker dan ahli-ahli yang terhormat sekalian. Pelabuan Klang ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan saya ruang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor Sempena Pembukaan Penggal Pertama Persidangan Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ke-14 pada semalam. Saya juga mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada semua pengundi-pengundi di dalam kawasan DUN Pelabuan Klang kerana telah memilih saya di dalam pilihanraya umum yang Ke-14 yang lalu bagi membawa suara rakyat ke dalam dewan yang mulia ini. Walaupun, pada awalnya mengikut kajian menunjukkan, selepas persempadanan semula kawasan pilihanraya yang dibuat oleh pihak SPR pada bulan September tahun 2016 menunjukkan bahawa DUN Pelabuan Klang tidak boleh lagi dimenangi oleh Pakatan Harapan tetapi dengan berkat dan usaha yang ditunjukkan oleh kerajaan negeri Selangor pada ketika itu di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar, Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Azmin Ali telah meyakinkan rakyat untuk terus memberi peluang kepada kerajaan Pakatan Harapan mentadbir sekali lagi kerajaan negeri Selangor pada penggal yang Ke-14 ini, jadi sesungguhnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian, rakyat negeri Selangor adalah sangat bertuah kerana hidup aman, sentosa di dalam negeri Selangor ini yang pesat membangun disamping dapat menikmati hasil-hasil daripada agenda inisiatif peduli rakyat tanpa mengira agama dan bangsa di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, seperti yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Tuanku Sultan Selangor bahawa tahap pertumbuhan ekonomi negeri Selangor telah berkembang pesat pada kadar 7.1% pada tahun 2017 berbanding 4.8% pada tahun 2016. Tuanku juga berasa bangga kerana Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia pada tahun 2017 iaitu sebanyak 23%. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sudah tentunya antara kawasan yang mengalami pertumbuhan yang pesat dengan ekonomi ini terletak di dalam kawasan DUN Pelabuan Klang, di mana dalam kawasan DUN Pelabuan Klang terdapat sebuah pelabuhan yang besar iaitu Pelabuhan Westport dan ada juga sebuah lagi pelabuhan yang besar iaitu Northport yang terletak di dalam kawasan pentadbiran DUN Selat Klang dan banyak aktiviti-aktiviti import dan eksport

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

telah dibuat di dalam kawasan Pelabuhan Klang dan seiring dengan perkembangan pesat aktiviti ekonomi ini, saya ingin menyeru kepada kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan persekutuan supaya melihat semula kemudahan infrastruktur yang terdapat di dalam kawasan Pelabuhan Klang termasuk kawasan yang berdekatan dengan sekitar kawasan Pelabuhan Klang. Seperti yang kita semua sedia maklum, kawasan Pelabuhan Klang ini merupakan kawasan pengendalian kontena yang terbesar di dunia di mana statistik menunjukkan kedudukan Pelabuhan Klang di mana gabungan di antara Westport dan Northport ini menunjukkan bahawa di dalam urusan pengendalian kontena telah meletakkan kedudukan Pelabuhan Klang berada di tangga Ke-14 pada tahun 2010 dan berada di tangga Ke-13 pada tahun 2011, dan berada di tangga Ke-12 pada tahun 2012 dalam senarai tertinggi 20 pelabuhan utama di dunia. Tetapi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Tuan Speaker kalau kita datang ke kawasan Pelabuhan Klang ini kalau kita lihat kemudahan infrastruktur yang ada dalam kawasan Pelabuhan Klang ini ia nya tidak melambang dan menggambarkan kedudukan kita Pelabuhan Klang tertinggi dalam 20 pelabuhan utama di dunia. Saya mengambil contoh kalau kita pergi ke KLIA kita lepas sahaja persimpangan tol yang menuju ke KLIA. Laluan sepanjang 13 kilometer itu kita tahu kita sekarang sudah berhampiran dan berdekatan dengan kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA), tetapi kalaulah datang ke kawasan Klang ataupun datang ke kawasan Pelabuhan Klang kita tak tahu sama ada kita betul berada dalam kawasan Pelabuhan Klang ataupun tidak kerana kalau kita lihat kemudahan infrastruktur jalan-jalan raya dan lebuh-lebuh raya yang ada di kawasan Pelabuhan Klang ini seolah-olah kita berada seperti di dalam kawasan dunia yang ketiga. Di mana kemudahan jalannya perlu segera dinaik taraf sebab jalan-jalan yang ada sekarang ini seperti dilihat tidak boleh lagi menampung kapasiti kenderaan-kenderaan yang menggunakan lebuhraya dan jalanraya yang berdekatan dengan kawasan pelabuhan. Saya mengambil contoh kawasan lebuhraya Pulau Indah yang sekarang ini dikenali sebagai lebuhraya maut Pulau Indah di mana kawasan jalan sepanjang 10 kilometer itu kalau kita lihat sekarang ini infrastrukturnya sangat tidak berada ditahap yang sepatutnya di mana mengikut statistik yang dikeluarkan oleh pihak Westport, 1 hari bermula daripada hari Isnin sehingga hari Rabu sebanyak 2000 ke 2500 lori kontena menggunakan lebuhraya tersebut dan setiap hari Khamis sehingga hari Sabtu sebanyak 3000 sehingga 3500 secara purata lori kontena menggunakan lebuhraya tersebut. Ini hanya lori kontena sahaja, tidak termasuk lagi lori-lori treler dan kenderaan-kenderaan berat yang lain termasuk kenderaan-kenderaan awam dan juga kenderaan-kenderaan kecil seperti motorsikal. Jadi, sememangnya saya baru sahaja bermesyuarat dengan pihak JKR persekutuan minggu lepas menunjukkan bahawa kerajaan ada meluluskan, kerajaan persekutuan meluluskan peruntukan sebanyak RM300 juta lebih untuk menaiktaraf lebuhraya Pulau Indah ini. Di mana, jalan dua hala sekarang ini, jalan 4 lorong akan ditambah sedikit untuk dilebarkan tetapi masih lagi tidak mencapai tahap kehendak pengguna-pengguna lebuh raya ini dimana kenderaan-

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

kenderaan kecil seperti motosikal masih lagi berkongsi dengan kenderaan-kenderaan berat yang menggunakan lebuh raya tersebut. Saya mencadangkan dalam mesyuarat tersebut dan saya ingin juga mencadangkan didalam dewan yang mulia ini supaya difikirkan semula tentang pelebaran jalan ataupun menaik taraf jalan lebuh raya Pulau Indah itu supaya ditambah atas permintaan penduduk-penduduk persekitaran dan juga pengguna-pengguna pekerja-pekerja yang menggunakan lebuh raya tersebut supaya diasingkan pengguna-pengguna motosikal dengan kenderaan-kenderaan awam dan juga kenderaan berat yang lain demi menjamin keselamatan pengguna-pengguna kenderaan kecil yang menggunakan lebuh raya tersebut sebab statistik yang dikeluarkan oleh pihak polis trafik darah Klang menunjukkan setiap tahun bermula daripada tahun 2015, 2016 dan 2017 hampir 1200 kemalangan berlaku setiap tahun dan ini menunjukkan laluan tersebut memang sangat-sangat bahaya sebab kenderaan kecil terpaksa berkongsi dengan kenderaan berat yang menggunakan lebuh raya tersebut. Dan saya juga ingin mencadangkan didalam dewan yang mulia ini, memandangkan kita sekarang diperingkat Pakatan Harapan telah berjaya mentadbir di negeri Selangor terus kekal telah berjaya mengambil alih pentadbiran di Putrajaya supaya diwujudkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji semula spesifikasi jalan yang berada didalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang kalau kita dengar tadi seperti Meru mengatakan laluan di kawasan Meru juga jalan rayanya sangat teruk di mana tidak melambangkan kita negeri yang maju di negeri Selangor. Dan Jawatankuasa ini penting kita boleh letakkan semua agensi-agensi teknikal agensi-agensi penguatkuasaan untuk diperingkat Persekutuan dan peringkat Negeri bagi membincangkan apakah jenis ataupun spesifikasi jalan sesuai untuk digunakan didalam kawasan pentadbiran Pelabuhan Klang dan kawasan sekitarnya memandangkan kenderaan berat yang banyak menggunakan jalan-jalan didalam kawasan Pelabuhan ini. Dan ini juga demi keselamatan pengguna-pengguna kenderaan kecil yang lain. Jadi Tuan-Tuan Yang Berhormat Speaker memandangkan lampu isyarat warna merah sebelum Yang Berhormat Tuan Speaker tegur saya suruh duduk saya dengan ini justeru saya sebagai wakil DUN Pelabuhan klang dengan ini menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang, saya menjemput Yang Berhormat Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Berhormat Tuan Speaker memberikan peluang kepada Bandar Utama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sebelum saya memulakan perbahasan saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan Negeri yang telah terpilih dan saya mengucapkan selamat melaksanakan tugas dengan penuh bertanggungjawab dan beramanah. Dengan rendah diri menyambut titah

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

ucapan Duli Yang Maha Mulia Tengku Sultan Selangor semasa Istiadat Pembukaan Persidangan Dewan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor pada semalam berkenaan isu perkahwinan kanak-kanak pada usia muda atau lebih tepat lagi perkahwinan kanak-kanak bawah umur terutama sekali yang melibatkan kanak-kanak yang masih dalam belasan 13 hingga 18 tahun. Isu perkahwinan kanak-kanak bawah umur ini bukanlah satu isu yang baru di negara kita namun kebelakang ini ia agak serius dibincangkan selepas tular satu kes dimana seorang lelaki berusia 41 tahun telah berkahwin dengan seorang kanak-kanak berusia 11 tahun. Kanak-kanak ini bukanlah satu-satu anak gadis yang telah dikahwin pada usia yang begitu muda. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada amalan perkahwinan kanak-kanak ini dan ini terlibat ini melibatkan isu kedudukan ekonomi keluarga kanak-kanak perempuan itu sendiri hal ini amat membimbangkan kerana memandangkan kanak-kanak ini diberi peluang untuk mendapat pendidikan yang sempurna demi masa hadapan yang cerah Namun kanak-kanak yang masih dibawah umur ini telah dijadikan jalan penyelesaian kepada masalah ekonomi keluarga mereka. Pada saya alasan bagi kanak-kanak ini untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik apabila dikahwinkan adalah alasan yang tidak wajar dikeluarkan oleh sesiapa terutamanya ibu bapa yang sepatutnya menjadi perlindungan kepada kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak pada usia muda ini tidak sepatutnya dibebankan dengan tanggungjawab yang belum sedia digalaskan dibahu mereka. Tanggungjawab seperti menguruskan hal ehwal rumah tangga kewangan rumah tangga menjaga dan mendidik anak-anak tidak disepatutnya menjadi tanggungjawab mereka. Mereka sepatutnya sedang mempelajari untuk memahami dan menguruskan diri mereka sendiri. Mereka sepatutnya diberi peluang dan akses kepada pendidikan mempelajari ilmu-ilmu kemanusiaan selain daripada memantapkan menjadi dan kerohanian belajar untuk bergaul dan bermasyarakat. Oleh yang demikian titah Baginda Sultan Selangor kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor MAIS untuk meminda peruntukan hal ehwal agama islam di Selangor dengan menaikkan had umur minimum had umur perkahwinan islam di Selangor daripada 16 tahun ke 18 tahun adalah sesuatu wajar dan wajib dipuji. Pindaan untuk menaikkan had umur minimum perkawinan bagi kanak-kanak ini penting supaya kita semua sedar bahawa kanak-kanak bukanlah pertaruhan kepada apa-apa sahaja masalah terutama sekali apabila ianya berkait rapat dengan status ekonomi keluarga. Malah sekiranya ianya berkaitan dengan isu social sekali pun perkawinan pada usia yang teramat awal bukanlah jalan penyelesaian yang baik dan jauh sekali daripada jalan penyelesaian yang terbaik. Kanak-kanak dihukum dengan perkahwinan pada usia yang amat awal ini yang akan hanya akan mendedahkan mereka kepada masalah-masalah lain pada masa akan datang dan lebih teruk lagi sekiranya mereka tidak dapat peluang pendidikan yang baik kerana iu perkahwinan pada usia muda. Perkahwinan seperti yang dikata ikatan suci dan tidak seharusnya menjadi tiket menghalalkan jenayah paedophile yang mana akan apa-apa kecenderungan seksual

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

terhadap kanak-kanak adalah satu jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 Akta 7092. Saya berasa amat bangga Kerajaan Negeri Selangor merupakan negeri yang terawal mengambil berusaha dalam menaikkan had umur namum saya berharap selepas ini kita dapat terus memperbaiki Akta atau enakmen undang-undang Keluarga Islam bagi memastikan tidak akan wujud apa-apa ruang langsung walaupun sedikit bagi mereka yang ingin mengambil kesempatan untuk mengahwini kanak-kanak dibawah umur dan mengekplotasikan kanak-kanak demi kepentingan diri. Yang Berhormat Tuan Speaker Baginda Sultan turun menyentuh Tran Revolusi 4.0 yang memberi cabaran baru kepada semua sektor di Negara ini yang memerlukan perubahan seiring dengan tranformasi digital untuk kekal berdaya saing rancakkan kemajuan landskap dunia moden. Memang tidak dinafikan untuk kita menjadi sebuah negeri maju dibawah peringkat nasional dan antarabangsa, kita perlu kebolehan dan kemampuan untuk bersaing dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik, termasuklah menyahut peralihan industri 4.0 ini. Namun dalam masa yang sama kita tidak boleh mengabaikan usaha-usaha berterusan dalam menyediakan dan mempersiapkan anak muda sebagai aset utama modal insan dalam sektor pembangunan tenaga manusia. Industri 4.0 ini memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan yang bersifat mudah dan kondusif dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia dalam urusan-urusan teknik tertentu. Tetapi pembangunan muda insan melibatkan anak-anak muda juga perlu dititik beratkan dengan program-program pemerkasanan anak muda terutamanya sekali mereka yang mempunyai keinginan untuk memulakan perniagaan sendiri dalam apa-apa sektor termasuklah sektor teknologi bagi menyahut seruan peralihan industri 4.0 ini. Selain dasar-dasar bagi mendepani dunia maju dan berteknologi tinggi saya kira kita masih lagi memperbaiki dasar-dasar dalam menyediakan sumber manusia yang berkauliti tinggi baik dan kepada sektor awam mahupun sektor swasta. Dunia pelabur tidak hanya bergantung kemajuan teknologi tetapi juga bergantung kepada kebolehan pasaran sumber manusia. Dalam banyak perkara kita masih bergantung komunikasi terus bersama para pelabur, anak muda perlu dilatih dan dipersiapkan supaya boleh menjadi wajah dan juru cakap utama dalam agenda pelaburan negeri Selangor dalam sektor yang diwakili oleh mereka. Kemudahan teknologi yang hanya datang dalam tempoh pelaksanaan tetapi tempoh awal pelaburan kita bergantung kepada kebolehan sumber manusia untuk memastikan proses pelaburan berjalan dengan baik. Justeru saya berharap jugak dapat melihat kepada dasar-dasar yang memfokuskan pembangunan modal insan khususnya negeri Selangor supaya kita bersiap sedia dari segi penggunaan teknologi mahupun kualiti sumber manusia dalam mendepani dunia maju hari ini. Ahli Dewan Sidang sekalian, Baginda Sultan Selangor ada menyebut bahawa antara faktor yang mendorong para memilih Selangor sebagai destinasi pelaburan adalah kemudahan infrastruktur dan utiliti lengkap. Kita rasa amat bangga apabila Selangor antara negeri terkehadapan dalam menyediakan kemudahan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

infrastruktur dan utiliti awam, namun saya ingin menyentuh sedikit bahawa struktur dan utiliti lengkap ini meskipun beberapa Bandar Utama di Selangor termasuklah DUN Bandar Utama dilihat dapat menyediakan kemudahan infra dan utiliti dengan baik. Namun kita harus mengakui terdapat ruang penambahbaikan di negeri Selangor terutamanya dalam keadaan trafik di kawasan Bandar. Tidak dinafikan Kerajaan negeri Selangor kami cukup mengambil berat warga Selangor, dimana kami merupakan negeri yang terawal menyediakan pengangkutan awam termasuk bas-bas percuma untuk warga Selangor kerana keprihatinan kami terhadap warga kami. Namun terdapat ruang yang begitu luas bagi kami dalam menambah baik kemudahan *first smile* dan *last smile* dengan izin yang memainkan peranan penting dalam menilai keberkesanan sistem pengangkutan awam negeri Selangor. Saya berharap selepas ini Kerajaan negeri dapat memberi fokus dalam menambah baik kemudahan *first smile* dan *last smile* serta meningkatkan *connectivity* dengan izin dengan tujuan menyediakan suasana setempet tinggal yang selesa dan kondusif kepada rakyat Selangor khususnya. Selain daripada pembangunan infra *first smile* dan *last smile* dengan izin antara elemen lain yang perlu dititik beratkan adalah kemudahan infra dan utiliti yang mesra orang kelainan upaya. Sudah lama hak kemudahan OKU seperti ini diabaikan, Kita mendakwa dalam apa-apa pembinaan infra ianya sudah cukup mesra OKU tetapi pernahkan kita sendiri bertanya kepada OKU adakah kemudahan-kemudahan ini cukup baik untuk mereka gunakan, Hal ini terutamanya sekali melibatkan isu parking, ramp untuk kegunaan OKU yang menggunakan kerusi roda dan juga ruang penjalan kaki bagi OKU. Saya kira ini adalah elemen penting perlu dititik beratkan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur kepada orang awam dengan mengambil kira maklumbalas daripada golongan Oku yang benar-benar menggunakannya. Justeru ini saya berharap dan mengalakkan agar pembangunan infrastruktur dan utiliti ini bersifat menyeluruh demi rakyat negeri Selangor. Saya yakin kerajaan negeri kita dibawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor kita boleh terus melakukan penambahbaikan dan sentiasa menjadi Negara yang termaju di Malaysia. Jadi setakat ini perbincangan saya pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada hadirin sekalian. Saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Bandar Utama, saya menjemput Yang Berhormat Sungai Pelek.

Y.B. RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan saya berbahas atas titah ucapan Tuanku. Saya terus kepada isu yang saya ingin saya bawakan. Perkhidmatan bekalan air, saya berharap Kerajaan Negeri memberi fokus kepada usaha-usaha dan langkah-langkah untuk memperbaiki lagi perkhidmatan bekalan air setelah selepas mengambil alih semua aset bekalan air di negeri. Dan isu

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

kedua; saya rasa masa sudah sampai untuk negeri, kerajaan negeri untuk mengadakan satu bumi kuota yang lebih realistik di Negeri Selangor kerana saya baru-baru ini menerima banyak complaint ataupun aduan daripada para *developer*. Dan juga masa sudah sampai untuk kerajaan meninjau balik harga kondo yang boleh dijual kepada warga asing. Saya mencadanglah kalau boleh menurunkan dari 2 million ataupun 2 juta ke 1 juta ataupun lebih kurang memandangkan ekonomi sekarang tidak menentu. Dan perkara yang keempat; iaitu rezab Negara..Negeri. Difahamkan rezab negeri sekarang dah lebih kurang 2.8 billion dan sebagainya. Bagi saya, saya difahamkanlah rezab negeri yang sihat merupakan 3 bulan ataupun 6 bulan belanjawan untuk, sudah cukuplah. Jadi saya harap Negeri Selangor walaupun rizab negeri dikatakan turun sedikit kerana banyak belanjawan telah diguna, banyak duit telah digunakan untuk program-program IPR saya harap Kerajaan Negeri tidak dipengaruhi lah dengan rizab yang menurun tetapi dengan konsep kita lebih suka wang di dalam tangan rakyat, wang digunakan untuk pembangunan, lebih baik daripada simpan dalam negeri. Itu satu konsep yang kita boleh memberangsangkan lagi ekonomi. Kerana masih, saya nak bagi peluang kepada orang lain, Yang Berhormat yang lain, saya dengan ini saya ucapkan terima kasih dan menjunjung kasih kepada titah ucapan Tuanku.

TUAN SPEAKER: Ya saya menjemput YB Sg. Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHI: Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Akhirnya, sampai giliran Sg. Kandis untuk turut serta membahas titah ucapan DYMM Sultan Selangor. Bismillahirrahmanirrahim. (diikuti dengan kalimah ayat-ayat suci). Di kesempatan ini saya Sg. Kandis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh pengundi-pengundi di DUN Sg. Kandis yang telah keluar mengundi dan memilih saya sebagai Wakil Rakyat yang akan membawa suara mereka ke Dewan Yang Mulia ini. Yang keduanya saya juga, Sg. Kandis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.B. Sg. Tua yang telah berjaya mengemudi armada kempen PRK DUN Sg. Kandis hingga membawa kejayaan yang begitu membanggakan. Juga kepada semua rakan-rakan Dewan yang turun ke DUN Sg. Kandis berkempen untuk saya bagi mewakili suara rakyat dan juga kepada semua pihak yang telah mendoakan saya samada parti lawan ataupun kawan, demi menegakkan kebenaran dan keadilan. Dalam membahaskan titah ucapan DYMM Sultan Selangor ini saya ingin mengulangi sekali lagi perkara yang telah dibangkitkan oleh Meru dan juga Morib berkaitan dengan memperkasakan institusi Masjid dan Surau di Negeri Selangor. Syukur Alhamdulillah Negeri Selangor adalah negeri yang telah dinobatkan sebagai Negeri Maju pada tahun 2005 dan sekarang kita sudah tahun yang ketiga belas sebagai Negeri Maju. Dalam masa yang sama pemikiran minda rakyat Negeri Selangor juga harus setara dengan perkembangan Negeri Maju. Khususnya golongan Melayu, orang-orang Islam yang tinggal di kawasan Bandar dan Luar Bandar. Jadi titah ucapan DYMM Sultan Selangor yang menitikberatkan soal pembangunan Masjid dan Surau yang diberi

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor, Sg. Kandis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya membangunkan 25 buah masjid yang baru dan Sg. Kandis juga ingin memohon kepada Kerajaan Negeri pembinaan masjid di Bandar Puteri Klang yang sekarang ini mereka menggunakan surau sementara untuk mengadakan Solat Jumaat. Yang keduanya hajat dan hasrat daripada penduduk Jalan Kebun yang sekarang ini jumlah penduduknya semakin pesat berkembang kerana penduduk yang cepat membiak, kerana, boleh guna terma tu ya, kerana datangnya ramai penduduk-penduduk daripada luar yang tinggal di kawasan sekitar yang akhirnya keperluan kepada pembesaran masjid Jalan Kebun perlu disegerakan. Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan berkenaan dengan agenda mengisi program pengisian pendidikan di Masjid. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Meru tadi bahawa sejak kebelakangan ini kita melihat perkembangan kuliah pengajian di masjid-masjid dan surau sangat pesat. Tetapi saya juga ingin menekankan betapa perlunya kurikulum yang ada disemak semula. Guru-guru yang mengajar di masjid itu dinilai semula. Adakah mereka ini benar-benar menyampaikan ilmu ataupun mereka menggunakan platform ini sebagai tempat untuk mencari pengaruh dan kempen politik. Sebagai contoh sepertimana yang disebutkan oleh Meru tadi Ahli Dewan yang menang dalam pilihan raya tidak boleh bercakap ataupun menyampaikan ucapan di dalam masjid. Tetapi calon yang kalah, calon yang kalah mereka bebas untuk menyampaikan kuliah, pengajian, walaupun mereka ini adalah orang politik, cuma kalah saja. Jadi saya mencadangkan supaya enakmen ini diperhalusi dan ada jawatankuasa muzakarah untuk memperhalusi perkara ini. Yang berkaitan juga ialah berkenaan dengan pembangunan pendidikan tahfiz di Negeri Selangor. Kita hari ini ada 280 buah tahfiz yang dibangunkan oleh persendirian ataupun pihak-pihak persatuan yang mereka ini membangunkan institusi pendidikan kerana prihatin dan peduli dengan nasib dan masa depan anak-anak Negeri Selangor yang hari ini kita melihat bagaimana generasi muda kita terdedah dengan gejala sosial. Masalah dadah, masalah gangsterism, masalah buli dan sebagainya. Jadi ibu bapa melihat bahawa institusi Tahfiz adalah alternatif untuk mereka mendapatkan pendidikan terbaik untuk anak-anak mereka. Justeru itu di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya selain daripada memberikan bantuan pembangunan fizikal saya juga ingin menyuarakan supaya masalah berkaitan dengan pendaftaran sekolah-sekolah Tahfiz ini dipermudahkan ya, kerana kebanyakan mereka ini adalah daripada kalangan golongan berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk memenuhi tuntutan dan juga syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Isu yang kedua yang ingin saya bahaskan di sini ialah yang berkaitan dengan alam sekitar. Alam sekitar adalah tanggungjawab kita. Dalam Al Quran dalam Surah Ar Rum ayat kedua, jelas menunjukkan bagaimana Al Quran mengajar umat manusia supaya menjaga alam sekitar. (Bacaan ayat Al Quran) "Telah Nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia. Allah menghendaki agar mereka

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

merasakan sebahagian dari akibat perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar. Selepas seminggu saya dilantik atau selepas seminggu saya diisytiharkan menang di DUN Sg. Kandis, berlaku kebakaran besar di Johan Setia yang mengakibatkan penduduk lemas kerana asap tebal. Namun apabila kita mendengar suara mereka, mereka mengatakan bahawa bau asap itu kadang-kadang bau kimia ataupun kesan bakar daripada plastik dan bahan-bahan yang sewaktu dengannya. Dan ada beberapa kes yang terpaksa dibawa ke hospital kerana masalah pernafasan. Justeru itu sepertimana yang disebutkan Ahli Dewan yang tadi, yang lain, berkaitan dengan masalah pencemaran alam ini Sg. Kandis berharap pihak-pihak yang berkenaan supaya mengambil serius tentang perkara ini dan untuk makluman pihak menteri alam sekitar juga telah turun padang untuk mencari penyelesaian pantas untuk jangka pendek dan jangka panjang bagi pencemaran alam yang kadang-kadang tidak terkawal. Yang keduanya berkaitan dengan program Kitar Semula yang sekarang ini seolah-olahnya seperti telah tidak terkawal apabila setengah-setengah pihak menggunakan program kitar semula ini untuk mengaut keuntungan yang berlipat ganda dengan membawa barang-barang yang boleh membahayakan kesihatan dan menjejaskan kesejahteraan hidup rakyat Negeri Selangor. Di DUN Sg. Kandis ada beberapa tempat yang telah dikenalpasti menjadi tempat pembuangan sampah ataupun tempat lebihan –lebih *scrap* dengan izin untuk mereka melupuskan barang tersebut. Jadi saya berkeyakinan dengan sistem Pentadbiran Negeri Selangor yang cukup mampan dan baik dapat mengatasi isu ini sekadar segera.

Yang terakhir berkenaan dengan perkahwinan bawah umur tadi, saya.....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Sg. Kandis masa telah sampai, saya bagi yang terakhir.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHI: Ini penting. Kita membahaskan tentang perkahwinan bawah umur

TUAN SPEAKER: Yang penting tak kisah. Tapi yang terakhir.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHI: Yang turut memperhatikan pihak saya ialah generasi muda kita yang lambat kahwin dan ini berkaitan dengan factor kesuburan. Kalau kita lihat LPPKN tahun 2016 purata pertumbuhan penduduk pada 2030 nanti dijangka menjunam hingga 0.7% berbanding 2.6% sekitar tahun 90 an. Jadi saya menyokong tentang pindaan tersebut tetapi dalam masa yang sama kita juga prihatin dengan nasib rakyat Selangor yang tidak berkesempatan untuk berumah tangga dan pihak Kerajaan Negeri perlu memprihatinkan perkara ini dan mencari langkah-langkah untuk membantu mereka. Jadi terima kasih kepada YB. Speaker kerana memberi laluan kepada Sg. Kandis dan saya menjunjung kasih titah ucapan DYMM Sultan Selangor dan Wassallamualaikum warahmatullah.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER: Saya menjemput YB. Teratai.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Terlebih dahulu Teratai ingin mengucapkan salam sejahtera kepada semua yang hadir hari ini. Teratai turut ingin mengambil bahagian usul menyembah ucapan terima kasih serta dan menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Tuan Yang Dipertua, secara telah merakamkan satu proses demokrasi yang menyaksikan peralihan kuasa aman makmur dan harmoni seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam. Tarikh keramat tersebut dilihat sebagai tarikh kebangkitan rakyat dalam menumpangkan rejim kreptokrasi Kerajaan Persekutuan yang lama. Sebanyak 113 kerusi dimenangi oleh Pakatan Harapan berbanding parti yang berkuasa selama 60 tahun hanya memperoleh 79 kerusi. Malah kemenangan peringkat persekutuan ini juga menyaksikan Kerajaan Pakatan Harapan Selangor semakin kukuh apabila rakyat membeli mandat terbesar sebanyak 51 kerusi berbanding kerusi pembangkang hanya 5 kerusi yang dimenangi. Maka sesuai dengan sejarah yang tercipta Teratai mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini untukewartakan tarikh 9 Mei sebagai hari kebangkitan rakyat dan cuti umum kepada seluruh rakyat Negeri Selangor dengan harapan. Saya yakin di peringkat persekutuan akan mengikut jejak langkah Selangor dalam pewartaan ini. Tuan Yang Dipertua, Teratai ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan sebidang tanah yang beralamat di Lot 44145 Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat seluas 06.02 ekar yang berstatus kawasan lapang. Teratai difahamkan bahawa tanah ini telah diberi pajakan selama 21 tahun kepada Syarikat Kilang Motor Sdn. Bhd oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 28 Februari 2018. Teratai juga dimaklumkan juga lot tanah ini juga telah diwartakan sebagai kawasan lapang sebelum ini. Aktiviti yang ingin dijalankan oleh pemohon juga tidak selaras dengan zon kegunaan tanah di dalam rancangan tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Dengan nombor warta 295 bertarikh 21 Januari 2016 prop rancangan kecil 1.6 , tapak yang dipohon di zon kan bagi kegunaan tanah lapang dan rekreasi. Apa yang dikesalkan merujuk rekod MPAJ pemberian kelulusan pajakan tersebut dibuat dengan tanpa merujuk ulasan atau sokongan teknikal Majlis Perbandaran Ampang Jaya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai aset 8 unit gerai aktif dengan kepentingan awam di atas tanah tersebut. Seterusnya teratai memohon ketulusan ini dibekukan dan seterusnya dapat disiasat oleh SELCAT berasaskan ketulusan akauntabiliti dan kepentingan awam. Malahan Teratai dimaklumkan bahawa hak sebegini tidak pernah berlaku sebelum ini. Sekiranya tiada penyelesaian atau siasatan menyeluruh Teratai bimbang ia akan menjadi presiden kes dengan izin kepada pemohon berkaitan pengurusan tanah- tanah kerajaan pada masa yang akan datang dan akhirnya walaupun pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk meluluskan apa – apa permohonan tanah, Teratai mohon peranan pertimbangan Pihak Berkuasa Tempatan di ambil kira. Teratai juga ingin menarik perhatian berkenaan isu hak milik STRATA yang masih lagi tiada penghujung walaupun ada yang

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

menduduki kediaman tersebut lebih daripada 20 tahun. Di kawasan Teratai sahaja terdapat lebih dari tiga kawasan yang masih belum memiliki hak milik STRATA antaranya Jalan Perdana 4/8, Perdana, sebahagian Jalan Perdana 6/8 Jalan Maju 3/1 Jalan Lembah Maju. Seterusnya Teratai memohon agar kerajaan hari ini dapat membantu menangi isu ini. Jika terdapat keperluan mohon di libatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk tindakan penyelesaian, penyelarasan, penyelesaian juga jangka pendek dan panjang. Akhirnya Teratai menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar dari Sungai Tua begitu juga kepada Tuan Speaker, Ahli – Ahli EXCO, Ahli – ahli Yang Berhormat kerana membawa satu perubahan yang besar Pakatan Harapan di mana kita memenangi 51 kerusi daripada 56. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada pengundi Jeram merupakan ini merupakan kali pertama mereka berjaya memilih satu kepimpinan dan juga satu perubahan yang besar sejak merdeka iaitu di mana sejak merdeka mereka telah hanya memilih Barisan Nasional sebagai wakil rakyat mereka dan mereka berjaya untuk ke arah perubahan. Tuan Speaker, saya ingin membahaskan dan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di mana ada beberapa perkara yang mana saya percaya dengan EXCO – EXCO barisan kita insyaallah dapat membantu untuk merealisasikan hasrat Yang Mulia Tuanku. Yang pertamanya mengenai infra ataupun infrastruktur seperti Yang Berhormat Sementa mengatakan tadi mengenai Bas Smart Selangor. Memang ada di dalam soalan saya begitu juga saya ingin huraikan di sini di mana selain daripada bas percuma yang kita rata – rata sedia maklum warga negara kita jarang menggunakan bas awam. Pada pagi eloklah sekiranya pihak Kerajaan Selangor memikirkan satu cara di mana hanya fokus pada pagi dan pada waktu balik sekolah untuk memudahkan masyarakat luar kampung terutamanya Jeram, Meru, Sementa. Mereka – mereka ini memang pendapatannya agak rendah, jadi diberi peluang untuk menggunakan kemudahan ini mereka akan berterima kasih dan saya percaya mereka akan terus memilih Pakatan Harapan di Selangor ini. Selain daripada itu, seperti yang saya sedia maklum apabila di jalan – jalan kampung yang sedia ada adalah jalan MARIS. Apabila nak dipinda jalan MARIS kepada jalan JKR tidak boleh. Jadi bagaimana kita nak bawa satu perubahan yang besar sekiranya kita hanya memikirkan bandar sahaja, bagaimana masyarakat ataupun penduduk di luar bandar. Jadi saya rasa mungkin barisan EXCO boleh memikirkan sesuatu bagaimana menukarkan dasar pelebaran jalan daripada jalan MARIS kepada jalan JKR supaya EXCO –EXCO dan Menteri menteri nak datang laluan nya agak selesa dan besar. Macam kami di kawasan kampung dah biasa dengan jalan – jalan yang kecil. Selain daripada itu, balai polis,

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

tidak ada di Puncak Alam. Untuk makluman Tuan Speaker dan juga Ahli – ahli Yang Berhormat, lebih 100 ribu penduduk terkini di Bandar Puncak Alam. Puncak Alam merupakan sebahagian ataupun satu PDM di dalam DUN Jeram tetapi tidak ada balai polis. Tambah lagi sekarang ini telah ada banyak pembangunan *Development* izinkan saya seperti MKH, IJM, Eco World, Worldwide dan LBS. Jadi saya menganggarkan dan saya telah berjumpa dengan pemaju – pemaju, mereka beranggapan 200 ribu penduduk yang akan berada di Bandar Puncak Alam iaitu salah satu di Jeram seperti yang saya katakan tadi. Jadi cuma ada tapak balai polis sahaja yang disediakan oleh pemaju. Jadi apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memberikan keselesaan atau kemudahan, keselamatan kepada penduduk Jeram. Itu berkenaan mengenai infrastruktur. Yang kedua mengenai teknologi, saya ingin membuat memberi cadangan Yang Berhormat EXCO boleh membuat satu kajian dan juga sejauh mana teknologi boleh membantu untuk kemenangan Pakatan Harapan pada masa yang akan datang. Ini kerana rata – rata kita sedia maklum kawasan yang 5 kawasan itu, ialah kawasan yang di luar bandar yang tidak mencukupi dari segi teknologi ataupun Internetnya. Sekiranya Tuan EXCO boleh ambil sebagai satu *assignment* ataupun kajian untuk mewujudkan, menambahkan teknologinya di kawasan luar bandar ini insyaallah saya percaya dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh menang dan mencipta sejarah di mana kita boleh menang 56 kerusi di Selangor ini kerana rata – rata kita sedia maklum contohnya di Jeram di sebabkan adanya satu - satu bandar yang memiliki kemudahan Internet kita mampu menawan satu DUN. Tidak mustahil kita praktis di DUN – DUN yang lain terutamanya DUN – DUN kita kalah iaitu 5 DUN. Yang ketiga mengenai masjid dan surau. Pembangunan perumahan yang pesat sedang berlangsung di DUN Jeram. Saya mendapati hanya menyediakan tapak surau sahaja. Dalam soalan saya juga ada bertanya mengenai sejak bila hanya dibenarkan menyediakan tapak tidak membina surau ataupun kemudahan surau untuk penduduk di kawasan itu terutamanya pembeli – pembeli rumah. Ramai contohnya saya ambil di HillPark, mereka datang dan berjumpa mereka sedang menggunakan kabin. Cuba tuan –tuan Yang Berhormat boleh bayangkan dalam waktu zuhur bagaimanakah keadaan mereka solat di dalam kabin. Jadi mereka memberikan kemudahan padang, kemudahan taman dan sebagainya tetapi mereka tidak menyediakan surau yang sepatutnya rata – rata untuk pembeli ataupun penghuni di situ adalah warga beragama islam. Jadi saya rasa perkara ini perlu di teliti semula oleh barisan EXCO di mana mewajibkan semula saya tidak pasti adalah benda ini menjadi satu trend yang baru di mana hanya menyediakan tapak sahaja. Jadi siapakah yang akan membina surau di situ. Adakah pihak kerajaan. Kalau pihak kerajaan yang akan membina surau iakan menjadi satu kos yang tinggi bagi pihak kerajaan untuk menanggung. Bukan satu tempat tetapi banyak *development* ataupun pemaju –pemaju yang sedang giat menjalankan pembinaan rumah. Jadi saya rasa benda ini diperlu diambil perhatian oleh barisan kerajaan supaya tidak ada perkara berbangkit oleh penduduk bukan sahaja di

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

DUN Jeram, saya rasa di seluruh Selangor. ADUN – ADUN Yang Berhormat mungkin boleh teliti semula kenapa tidak di bangunkan surau hanya menyediakan tapak surau sahaja. Yang terakhir, mengenai pelancongan seperti yang kita sedia maklum Jeram memang kita ada pantai Jeram dan Pantai Remis di mana tempat pelancongan di mana sedang giat membangun. Sebelum ini kita sedia maklum Barisan Nasional tidak membawa sebarang perubahan bukan sahaja sejak 2008 malah sebelum itu lagi tidak ada sebarang pembangunan yang dibuat di Pantai Remis ataupun di Pantai Jeram. Jadi, saya mohon jasa baik pihak EXCO dan juga Kerajaan Selangor untuk membantu saya untuk terus membantu dan memberikan kemudahan ataupun kemajuan di Jeram. Dengan adanya kemajuan ataupun kemudahan untuk pelancong di DUN Jeram maka memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk terutamanya anak-anak muda di sana. Selain dari itu, yang terakhir juga mengenai rumah kos rendah. Rata-rata rumah kos rendah dibuat di pinggir bandar tetapi bukan di kampung. Saya sedia maklum ada tanah-tanah di kawasan Jeram di mana saya rasa perlu diberi perhatian untuk diberikan pembangunan Rumah Selangorku ataupun rumah kos rendah yang berharga RM42,000.00 bukan RM100,000.00 hanya RM42,000.00 sahaja kerana rata-rata penduduk kampung pendapatannya agak rendah begitu juga dengan belia-belia kampung tidak ada rumah masih lagi menumpang dengan rumah ibu bapa mereka. Masa kempen tempoh hari, saya telah menjanjikan kepada mereka *Insyallah*, saya yakin dengan pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan dan juga Kerajaan Selangor di mana mampu memberikan kemudahan-kemudahan itu kepada golongan yang memerlukan. Jadi, saya rasa itu sahaja, lampu pun sudah merah jadi saya menyokong penuh dan menjunjung kasih titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA ZULKIFLI : *Bismillahirrahmanirrahim.* Saya mengucapkan terima kasih di atas ruang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor pada Sidang Pertama Era Malaysia Baharu ini. Pertamanya, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker di atas lantikan sebagai Speaker Dewan Negeri yang baharu serta tahniah juga buat semua Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri di atas kejayaan dalam memenangi Pilihanraya Umum Ke-14 yang lalu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakyat di DUN Bukit Melawati kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya dan Pakatan Harapan untuk mewakili mereka di dalam PRU Ke-14 yang lalu walaupun saya merupakan calon *last minute*, dengan izin. Syabas dan tahniah kepada rakyat Malaysia khususnya rakyat Selangor kerana telah membuat pilihan yang terbaik dengan meneruskan mandat pemerintahan Kerajaan Negeri Selangor kepada Pakatan Harapan di atas rekod cemerlang dan pencapaian yang membanggakan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak dua penggal yang lalu dalam membawa hala tuju yang jelas membangunkan dan memakmurkan Negeri Selangor yang kita cintai ini. Di kesempatan ini saya ingin juga

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

mengucapkan tahniah kepada mantan Dato' Menteri Besar Selangor iaitu Yang Berhormat Bukit Antarabangsa di atas sumbangan dan khidmat bakti beliau dalam memajukan Selangor seterusnya di atas lantikan sebagai Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan tahniah kepada Dato' Menteri Besar yang baharu Yang Berhormat Sungai Tua. Semoga dapat meneruskan legasi kecemerlangan dan kepimpinan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Ahli Dewan yang dihormati sekalian, saya menyambut baik pengumuman Yang Berhormat Sungai Tua baru-baru ini untuk memberi tumpuan terhadap potensi pelancongan di Daerah Kuala Selangor dan meningkatkan industri perkhidmatan dan perhotelan di Kuala Selangor. Dengan kemasukan kira-kira 7.5 juta pelancong domestik dan antarabangsa ke Selangor, Kerajaan Negeri wajar menjadikan Kuala Selangor sebagai hub pelancongan utama di negeri ini. Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, di Kuala Selangor khususnya di DUN Bukit Melawati terdapat banyak tempat-tempat pelancongan yang menarik untuk dilawati dalam mengenali dengan lebih dekat Daerah Kuala Selangor yang indah dan bersejarah ini. Antara tempat-tempat menarik di Kuala Selangor adalah Bukit Melawati itu sendiri yang terletak di tengah Bandar Kuala Selangor yang merupakan pusat pentadbiran awal Negeri Selangor yang menyaksikan sejarah awal Kesultanan Melayu Negeri Selangor bermula dengan tiga pemerintahan Sultan yang pertama iaitu Sultan Salahuddin, Sultan Ibrahim dan Sultan Mahmud yang telah disemadikan di Makan Diraja Kota Melawati. Bukit Melawati juga penuh dengan kesan peninggalan sejarah seperti Makan Anak Dara, Makan Diraja, Perigi Beracun, Tangga 100, Telaga Tujuh, Busut Melawati, Meriam Penggawa, Bukit Belanda, Kota Melawati dan Rumah Api. Selain daripada itu, terdapat juga Taman Alam Kuala Selangor, Taman Ikan Air Tawar, Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Sky Mirror, Kuil Sri Shakti Devasthanam yang berusia lebih 100 tahun yang terletak di Bukit Rotan, Sasaran Art, perusahaan pembuatan tembikar di Kampung Assam Jawa, perusahaan pembuatan atap nipah di Kampung Tanjung Siam Baru. Oleh yang demikian, dengan kepelbagaian serta keunikan Kuala Selangor yang kaya dengan keindahan alam semulajadi serta kemajmukan penduduknya yang mencecah 220,000 orang ini, saya amat berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat mempromosikan Kuala Selangor sebagai hub pelancongan utama Negeri Selangor di samping membantu menyediakan perkhidmatan kemudahan awam yang sewajarnya untuk kemudahan dan keselesaan para pelancong domestik mahupun antarabangsa yang datang ke Kuala Selangor. Khususnya kualiti dan tahap keselamatan jalanraya yang baik saya pohon agar ciri-ciri keselamatan jalanraya terutamanya di F54 Bukit Rotan, Assam Jawa walaupun di bawah projek Kerajaan Persekutuan ditingkatkan apatah lagi dalam proses naiktaraf jalanraya ini dalam sekarang dalam proses naiktaraf, banyak kemalangan telah berlaku terutamanya pada waktu malam. Seterusnya, tahap kebersihan serta menaiktaraf kemudahan awam di bandar dan tempat-tempat pelancongan di Kuala Selangor ini. Saya ingin merakamkan, mengucapkan syabas kepada pihak Majlis Daerah Kuala Selangor kerana menjalankan tugas yang baik dan cekap dalam memantau dan mengurus tempat-tempat pelancongan ini dan memastikan pembangunan serta kualiti hidup rakyat di Kuala Selangor terjaga. Maka, sudah tiba masanya pihak Kerajaan Negeri wajar menaiktaraf status Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Saya yakin dengan penaiktarafan ini akan membawa pembangunan yang mampan dan lestari untuk kehidupan rakyat di Kuala Selangor serta menambahbaik kualiti kehidupan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

rakyat. Tuan Speaker, ingin saya rakamkan ucapan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri kerana telah merealisasikan penubuhan Institut Wanita Berdaya (IWB) dan telah merangka Dasar Wanita Selangor yang diterajui oleh mantan EXCO Wanita yang terdahulu Yang Berhormat Sementa. Dasar ini menumpukan kepada usaha pemberdayaan dan pembangunan wanita di Negeri Selangor dalam memartabatkan kedudukan wanita dan melindungi hak-hak wanita. Saya percaya dengan kepimpinan baru EXCO Wanita Yang Berhormat Seri Serdang akan berjaya menjadikan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang terkehadapan dalam memperjuangkan keadilan sosial dan kesaksamaan gender di samping mengukuhkan institusi kekeluargaan. Oleh yang demikian, saya fikir Kerajaan Negeri perlu mengotakan komitmen untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya kuota 30% pelantikan wanita sebagai pembuat dasar di semua peringkat dalam lantikan Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri, Ahli Majlis, GLC dan sebagainya. Lantikan sekurang-kurangnya 30% ini bagi memastikan keseimbangan dalam pertimbangan dan pembentukan dasar-dasar yang dirangka oleh kerajaan agar ianya cukup adil dan lestari untuk semua lapisan masyarakat. Tuan Speaker, saya menjunjung kasih titah Tuanku yang berkenan mencadangkan penyelarasan had umur minimum perkahwinan orang Islam lelaki dan perempuan di Selangor dinaikkan daripada 16 tahun kepada 18 tahun. Sesungguhnya rakyat Selangor amat bersyukur dikurnia seorang Tuanku Sultan yang bijaksana dan prihatin dalam permasalahan rakyat demi memelihara keutuhan institusi kekeluargaan. Cadangan pindaan peruntukan undang-undang ini dapat memastikan bahawa kanak-kanak dapat menikmati zaman kanak-kanak dan pendidikan yang sempurna, mengurangkan risiko keganasan rumahtangga serta memastikan kesihatan kanak-kanak pada tahap yang baik. Sewajarnya had umur minimum ditetapkan pada usia 18 tahun dalam semua Undang-Undang Perkahwinan Sivil dan Islam tanpa sebarang syarat dan pengecualian. Hal ini adalah penting bagi menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Selangor dalam memelihara dan melindungi hak kanak-kanak serta memberikan mereka pembelaan sewajarnya tanpa mengira latar belakang mereka. Anak-anak adalah masa depan negara. Sebagai sebuah kerajaan, kitalah yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar-dasar dan peruntukan undang-undang yang dapat memastikan masyarakat yang kita ingin lahirkan kelak adalah masyarakat yang berkualiti, sihat dan sejahtera. Tuan Speaker, yang terakhir bagi menjamin kualiti kehidupan yang sempurna dan sejahtera kita harus memastikan persekitaran yang bersih, hijau dan selamat untuk kehidupan harian masyarakat setempat. Maka, baik di bandar mahupun desa apabila kita bercakap tentang kualiti persekitaran, tidak lari dari bercakap tentang isu pengurusan sampah. Pengurusan sampah yang baik mencerminkan prestasi dan kualiti persekitaran sesebuah kawasan. Pengurusan sampah yang baik mempunyai ciri-ciri yang melindungi persekitaran, memperbaiki kualiti hidup masyarakat setempat dan menepati semua peraturan dan undang-undang. Maka, ingin saya bangkitkan berkenaan isu pengurusan sampah di kawasan kampung yang sebenarnya adalah lebih mencabar daripada kawasan Bandar. Meskipun kawasan kampung yang sinonim dengan persekitaran yang hijau, bersih dan nyaman, namun pembuangan sampah secara pukal di kawasan kampung-kampung semakin meluas dan tidak terurus hingga menyebabkan pencemaran bau, pandangan dan boleh menyebabkan penyakit-penyakit berjangkit. Di kawasan saya, beberapa lokasi seperti di Kampung Bagai Sungai Buloh, Kampung Pasir Tuntung dan Kampung

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Bukit Kucing masih berhadapan dengan isu sampah pukal yang dibuang di tepi jalan. Saya percaya semua isu dan masalah dapat diselesaikan jika masyarakat mempunyai kesedaran sivik yang tinggi dalam hal seperti ini. Semuanya bermula dengan diri sendiri, keluarga dan dari rumah. Amalan yang baik bermula dari rumah. Maka, pendidikan awal tentang konsep kitar semula serta pengasingan sampah bermula dari rumah itu amat penting dan ianya juga selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri dalam penjagaan alam sekitar seperti pelaksanaan Kempen Bebas Bag Plastik serta Kerangka Kerja Bandar Rendah Karbon (Low Carbon City Frame Work) yang dapat membantu mengurangkan pencemaran serta mengekalkan keaslian alam sekitar. Saya berharap agar inisiatif yang cukup baik ini akan memberikan impak yang positif terhadap kehidupan seharian rakyat. Dengan itu Tuan Speaker, saya menyokong usul menjunjung kasih titah Tuanku. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik. Saya menjemput Yang Berhormat Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN HAJI BORHAN BIN AMAN SHAH : Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tahniah atas pelantikan Tuan Speaker. Tanda terima kasih saya pada Tuan Speaker maka saya hadiah satu pantun untuk Tuan Speaker “Dari Sekinchan ke Tanjung Sepat, terima kasih puas hati baru dapat”. Pertama saya ingin ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar, Tuan Amirudin Shari atas pelantikan beliau sebagai Menteri Besar yang baru. Kepada EXCO-EXCO Kerajaan Negeri yang telah dilantik, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memenangi PRU14 di Negeri Selangor dan tidak lupa juga kepada semua penyokong dan juga pengundi saya yang telah memberi peluang kepada saya di DUN Tanjung Sepat mewakili rakyat dan juga penduduk Tanjung Sepat di dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas laluan yang diberikan kepada saya di atas untuk menjunjung kasih titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor bagi merasmikan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas. Yang sangat menarik di atas titah D.Y.M.M. di mana di dalam pembangunan sebuah negeri pemeliharaan alam sekitar juga harus diambil kira di mana D.Y.M.M. telah mencemari beberapa kali untuk turun ke Daerah Sepang bersama-sama dengan rakyat jelata menanam semula anak-anak pokok bakau di keliling seluruh pantai di Daerah Sepang dan khususnya di seluruh Selangor amnya. Dan ini adalah satu usaha yang sangat baik untuk mendidik generasi yang akan datang mencintai alam sekitar yang mana pembangunan itu selari dengan pemeliharaan alam sekitar. Saya juga tidak akan mengambil masa yang lama kerana dalam masa pukul enam lebih saya ingin bawa beberapa perkara tentang DUN Tanjung Sepat yang mana keutamaan infranya diberi keutamaan sepanjang jalan daripada DUN Morib sehingga ke Sungai Pelek, setiap malam boleh dikatakan jalan-jalan yang berbahaya, sentiasa gelap. Kita lihat ada tiang lampunya, lampunya ada mentolnya ada, tetapi tidak menyala. Yang ini menyebabkan beberapa kemalangan telah berlaku, yang mana baru-baru ini, melibatkan nyawa, ya. Di mana sebuah lori yang rosak di tengah jalan tanpa perhatian daripada pemilik lori tersebut telah mengorbankan seorang anak muda yang berumur 28 tahun daripada Kampung Endah, yang melanggar di belakang lori tersebut tanpa ada brek langsung. Kerana tidak perasan, dalam keadaan yang begitu gelap menyebabkan berlakunya kemalangan jiwa.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Ini bukan yang pertama kali, tetapi berulang kali. Jadi saya berharap pihak berkuasa mengambil perhatian tentang perkara ini menyebabkan kemalangan. Tidak mahu lagi kemalangan-kemalangan yang akan berlaku. Selain daripada itu, di Tanjung, di DUN Tanjung Sepat ini memang kita tahu, terkenal dengan pengeluaran usahawan kerepeknya. Apabila menjelangnya perayaan, akan berbondong-bondonglah, khususnya rakyat negeri Selangor ke Banting, ke Tanjung Sepat, untuk mencari kerepek dan sebagainya untuk juadah hari raya. Jadi untuk memastikan usahawan ini dibela, dan dalam keadaan pengusahaannya yang begitu teratur dan peluang untuk memasarkan pengeluaran ini, maka saya mengharapkan supaya kerajaan negeri Selangor memberikan perhatian yang besar kepada pengusaha-pengusaha ini dapat melaksanakan, berniaga dalam keadaan ekonomi yang baik. Semoga usahawan ini dapat diteruskan ke peringkat bukan sekadar di negeri Selangor, ke kebangsaan, dan juga ke peringkat antarabangsa. Dan juga di DUN Tanjung Sepat juga terkenal dengan sukan perahu layar. Yang mana kita telah memasuki beberapa kejohanan peringkat negeri, kebangsaan juga antarabangsa. Kita pernah memenangi pingat emas, pingat emas di peringkat SEA Games, Asia Games dan beberapa Games yang melibatkan sukan layar dan saya yakin dan percaya jika kita beri peluang dan dengan infranya yang begitu sempurna, maka InsyaAllah akan melahirkan beberapa atlit sukan perahu layar di peringkat dunia. Dan saya mencadangkan supaya didirikan sebuah kompleks sukan perahu layar di Batu Laut, yang mana satu-satunya kawasan yang telah dikenal pasti sebagai satu kawasan untuk latihan bagi pelayar-pelayar ini memasuki mana-mana games di peringkat National. Dan ingin juga saya jelaskan di sini bahawa, di DUN Tanjung Sepat ini, terdapat orang berbilang kaum, terdiri daripada orang Cina, orang India dan orang Melayu serta orang Asli. Jadi perpaduan di sini sangat-sangat bagus dan saya yakin dan percaya dengan adanya program kerajaan di bawah IPR boleh memberikan satu sokongan dan dokongan kehidupan masyarakat di sini sebaik mungkin. Cuma apa yang saya ingin timbulkan di sini iaitu program IPR kerajaan negeri Selangor telah dilaksanakan semenjak tahun 2018. Setiap tahun, peningkatan, peningkatan kadar peruntukan kerajaan akan bertambah. Jadi marilah kita sama-sama fikirkan apakah peruntukan kerajaan ini akan dapat kita imbangi ekonominya. Kerana kerajaan negeri hanya bergantung kepada pendapatan daripada tanah,, cukai tanah dan lain-lain. Dan ini kita harus pastikan bahawa kesinambungan IPR ini dapat diteruskan dengan program-program ini supaya rakyat akan menerima apa juga inisiatif kerajaan, mana-mana manifesto Pakatan Harapan akan dapat diteruskan. Jadi saya harap mari kita fikirkan bersama tentang bagaimana untuk menambahkan pendapatan kerajaan negeri Selangor untuk memastikan pentadbiran dibawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga pimpinan semua dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Jadi akhirnya sebelum saya mengakhiri ucapan saya, Tanjung Sepat menyokong diatas ucapan dan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Assalamualaikum warahmatullahi taala hiwabarakatuh.salam sejahtera. Terima kasih, kepada Yang Berhormat Speaker. Tuan-tuan, kita menang pada 09 Mei, sekarang ni baru bulan Sembilan. Kita akan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

berhadapan dengan tiga pilihanraya kecil. Akan, dan kita akan berhadapan dengan dua pilihanraya kecil. Alhamdulillah, saya nak sebutkan apa yang sangat menggembirakan kita, dalam tiga siri pilihanraya ini, kita Nampak yang pertama. Kita tidak menggunakan langsung jentera kerajaan dalam usaha kempen kita untuk memenangkan calon Pakatan Rakyat baik di pilihanraya Sungai Kandis, baik di pilihanraya Seri Setia, baik di pilihanraya Balakong. Pakatan Harapan. Sebab lama sangat berdiri, nak minta laluan, tu yang jadi masalahnya. Alhamdulillah ini sangat menggembirakan kita, kerana kita tidak menggunakan langsung jentera kerajaan, untuk memenangkan calon-calon kita yang bertanding baik di tiga pilihanraya. Kalau zaman sebelum ini, kita tengok, apa yang tidak mereka gunakan, apa yang tidak mereka pergunakan, untuk memenangkan calon mereka. Ini adalah merupakan satu perkara yang pada saya sangat menggembirakan kita dan kita kerajaan Pakatan Harapan, harus seharusnya, mengekalkan supaya benda-benda sebegini dapat kita teruskan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Negara kita menyambut sambutan 61 tahun kemerdekaan baru-baru ini, dengan tema Sayangi Malaysiaku. Kalau kita tengok tema ni, Sayangi Malaysiaku ini, selain daripada kita rakyat, kita wajib menyayangi negara kita ini. sebab kita tak punyai banyak pilihan lagi. Sebab Negara kita ini adalah merupakan Negara kita. Kita harus sayangi Negara kita ini, kita harus jaga perpaduan dalam Negara kita. Sebab itu kita Pakatan Harapan Kerajaan Baru ini, sangat-sangat tidak boleh berkompromi kepada mana-mana pihak yang ingin menggugat, yang ingin menghancurkan keharmonian Negara kita ini. Dan kita lihat sempena sambutan bulan kemerdekaan kita pada tahun ini, kita lihat sikap masyarakat dan rakyat dalam Negara kita ini, yang kurang mempamerkan sikap patriotik mereka untuk mengibarkan bendera Jalur Gemilang. Baik di premis-premis perniagaan, ataupun di rumah-rumah kediaman. Oleh itu, saya ingin mencadangkan, di sidang Dewan yang mulia ini, kita mulakan di negeri Selangor ini, agar dapat kita mewajibkan kepada setiap premis-premis perniagaan dan premis kediaman, bersempena dengan sambutan kemerdekaan pada tahun hadapan ini, mereka kita wajibkan untuk mengibarkan Jalur Gemilang bendera kesayangan kecintaan kita, di premis-premis perniagaan dan juga di premis-premis kediaman. Sebab tu kita tengok semangat ini semakin-hari semakin luntur, semangat ini seharusnya kita baja, semangat ini seharusnya kita semai, dan kita minta supaya perkara ini dapat dimulakan di sekolah-sekolah ataupun di kelas-kelas tadika, tabika yang mana kita memberikan suatu pendidikan. Soal berkaitan untuk cinta Negara, kasih dan cinta kepada Negara.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon mencelah.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Ya, sila.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Nak tanya, saya sokong kalau nak tingkatkan semangat ini. Tapi kalau paksa, paksa itu akan datang sekali dengan penguatkuasaan. Kalau kita buat ini, ada tak orang akan rasa lebih patriotik ataupun mungkin lebih marah.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Terima kasih kepada Bukit Gasing. Baru-baru ini bila kita mengadakan program mengedarkan bendera. Kita bagi percuma kepada

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

premis-premis perniagaan. Apa yang mendukacitakan kita, ada dikalangan pemilik-pemilik perniagaan ini, kita bagi bendera Negara kita, kita bagi percuma, kita bukan minta wang, tetapi amat berdukacitakan kita apabila kita bagi bendera percuma, mereka tak nak menerima bendera Jalur Gemilang. Bendera Negara kita. Setelah Negara 61 tahun merdeka, kita lihat masih ada lagi rakyat dalam negara kita yang tidak mahu ambil Jalur Gemilang, tak mahu terima Jalur Gemilang dan mereka tidak memasang, tidak menggantungkan, tidak mengibarkan Jalur Gemilang setelah negara mencapai kemerdekaan 61 tahun. Sebab itu saya rasa kita boleh mulakan. Di Selangor ini. Sebab harga bendera ini pun tak mahal. Sehelai lebih kurang RM2.50 saja. RM2.50 satu, beli dua bendera Malaysia dan juga bendera negeri Selangor baru RM5,00. Kalau kepada yang merokok tu, harga rokok, pun sekarang ini, sekotak RM17.00. Ini untuk Negara kita. Sebab itu Malaysia baru-baru ini kita nak minta supaya masyarakat dan rakyat cinta kepada Negara. Yang keduanya saya nak menyebutkan soal berkaitan apa yang disebutkan tadi oleh ketua pembangkang dengan soal manifesto. Mereka mengatakan kita Pakatan Harapan tidak menunaikan janjii kita. Dan kita nak beri tahu sebenarnya manifesto ini bukanlah, tidak semua yang dapat kita laksanakan. Kita dah laksanakan, semua pendekatan kita perlahan-lahan. InsyaAllah dalam tempoh lima tahun ini, kita akan menterjemahkan, kita akan melaksanakan janji kita dalam buku manifesto. Sebab kaedah kita, kita perlahan-lahan. Sebab kalau kita pergi laju-laju sangat nanti takut terbabas. Dan kita semua pun mengetahui kenapa kita tidak mampu untuk melaksanakan manifesto ataupun 10 tawaran yang telah kita, telah kita janjikan semasa pilihanraya baru-baru ini. Yang penting pada saya, kerajaan Pakatan Harapan ini, kita jangan sombong, kita jangan bongkak, kita jangan takabur, kita jangan rasuah. Yang penting, pada saya kita jangan, kita jangan rasuah. Kalau pimpinan-pimpinan pakatan harapan, tak kiralah, yang bertaraf ADUN ke, Ahli Parlimen ke, EXCO ke, Timbalan Menteri ke, Menteri ke, waima Perdana Menteri pun, kalau kita tidak melakukan amalan rasuah, saya terlalu yakin, kerajaan Pakatan Harapan ini akan kekal sehingga ke hari kiamat nanti. (TEPUK). Yang penting jangan kita rasuah. Sebab itu kalau boleh syaa juga ingin mencadangkan di negeri Selangor ini, kalau dulu Kerajaan Persekutuan menyatakan bahawa dadah adalah merupakan musuh nombor satu Negara. Saya ingin mencadangkan di negeri Selangor ini kita mengazetkan bahawa amalan rasuah adalah merupakan gejala musuh negeri Selangor nombor satu. Setuju. (TEPUK). Ini dia. Sebab kita tidak boleh berkompromi dengan amalan-amalan rasuah yang berlaku dlam Negara kita. Yang ketiganya, tuan speaker, saya ingin menyebutkan beberapa perkara, khususnya mengenai DUN Taman Templer, yang perlu mendapat perhatian khusus daripada pihak kerajaan dan banyak kali saya rasa yang telah disebut oleh teman-teman dan juga sahabat-sahabat Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membawa usul dengan masalah rumah kos rendah, yang sangat diperlukan oleh masyarakat dan rakyat khususnya di kawasan DUN Taman Templer. Rumah mampu milik bukan rumah mampu tengok. Selain daripada itu di antara yang juga kita hadapi di Taman Templer ini adalah masalah kerapnya berlaku paip pecah. Bila berlaku paip pecah, ni kadang-kadang masalahnya seminggu sampai tiga empat kali, berlaku masalah paip pecah, yang ini saya rasa memerlukan pemerhatian dan juga tindakan yang segera daripada pihak kerajaan. Selain daripada, kita memerlukan pelebaran jalan di antara Selayang nak ke Rawang itu, yang di waktu puncaknya kita melihat berlaku kesesakan jalan raya dan saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan negeri

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

membina jalan empat lorong bagi memudahkan perjalanan masyarakat dan juga rakyat untuk melakukan aktiviti harian mereka. Selain daripada itu, masalah kebanjiran pekerja asing tanpa izin yang kita tengok sangat berleluasa khususnya di kawasan Pasar Borong Selayang. Dan kalau andai kata kita pergi ke Pasar Borong Selayang itu, kadang-kadang kita melihat seolah-olah kita bukan berada di dalam Negara kita. Seolah-olah apabila kita pergi ke Pasar Borong kita berada di negara Bangladesh. Dan ini memerlukan pemerhatian dan juga tindakan daripada pihak berkuasa untuk mengatasi masalah pekerja-pekerja asing tanpa izin yang kita tengok di pasar-pasar borong ini mereka sudah menjadi peniaga-peniaga dan menggantikan peniaga-peniaga daripada Negara kita. Begitu juga masalah banjir kilat, yang sering berlaku di Taman Templer khususnya di Rawang Batu 16, yang memerlukan juga tindakan dan juga pemerhatian daripada pihak kerajaan. Selain daripada kita di Taman Templer ini, kebanyakan sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, yang terdapat di Taman Templer ini tidak mempunyai kemudahan padang permainan. Jadi pihak sekolah, pihak PIBG, dating berhubung dengan kita, memohon agar pihak kerajaan dapat membina dapat membantu mereka membina dewan terbuka yang boleh mereka gunakan sebagai padang permainan dan juga sebagai tempat untuk mereka mengadakan perhimpunan. Dan yang terakhirnya, saya nak menyebutkan soal berkaitan dengan .. saya bagi laluan, saya bagi laluan.

TUAN SPEAKER : Silakan,

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya nak minta sedikit penjelasan daripada YB Taman Templer, kerana saya lihat ada satu banner baru-baru ini yang diletakkan ataupun program yang dianjurkan di padang permainan Blok 4, 5 & 6, Desa Mentari, Petaling Jaya pada 01 September, 2.00 – 4.00 petang. Anjuran Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan dan Pembangunan

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Sekolah-sekolah Menengah dan taman permainan pihak PIBG memohon agar pihak kerajaan dapat membina membantu mereka untuk membina dewan terbuka yang boleh mereka gunakan untuk taman permainan dan juga tempat mereka mengadakan perhimpunan dan terakhirnya saya hendak menyebutkan soal berkaitan dengan

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN SAIRI : Taman Templer, boleh

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Saya beri laluan. Saya beri laluan.

TUAN SPEAKER: Silakan.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN SAIRI : Saya hendak minta sedikit penjelasan dari Taman Templer kerana saya lihat ada satu banner pada baru-baru ini yang diletakkan satu program yang dianjurkan di padang permainan Blok 4, 5 dan 6 Desa Mentari, Petaling Jaya pada 1 September 2018, jam 2.00 hingga 4.00 petang, anjuran Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan dan Pembangunan modul Insan penglibatan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

UNISEL, JAIS, MPAJ adakah ini program ataupun pilihanraya melibatkan kerajaan beri penjelasan. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Terima kasih pencerahan Sijangkang, saya hendak sebutkan bahawa kita semua tidak boleh menerima pengguna jentera kerajaan dalam pilihanraya sebab itu andai kata benarlah ada tuduhan Pakatan Harapan ada menggunakan jentera kerajaan semasa kempen tiga pilihanraya kecil yang sudah berlaku dan seterusnya berlaku pada hari Sabtu ini saya minta supaya pihak PAS ke atau pihak Barisan Nasional supaya kemukakan laporan dan boleh bersama-sama untuk pergi ke SPRM atau bersama-sama pergi membuat laporan polis sebab Pakatan Harapan, kerajaan Malaysia baharu ini kita sama sekali tidak boleh berkompromi dalam soal menggunakan jentera kerajaan dalam kempen pilihan raya. Sebab dalam bertembungan kempen pilihan raya ini adalah pertembungan pilihan raya antara parti politik dengan parti politik. Sebab itu saya minta diselikan satu laporan dan kita angkat laporan ini di atas sebab kita mahu atau Malaysia baharu ini tidak mahu penggunaan jentera kerajaan mahu pun kewangannya, baik kakitangan kerajaannya, baik peralatannya, baik kenderaannya dan saya lihat kerajaan Pakatan Harapan / kerajaan yang baharu ini secukup-cukupnya kepada parti politik. Yang bertanding, baik semasa di Sungai Kandis, baik Seri Setia, baik semasa pilihanraya kecil di Balakong. Kita tengok tiada masalah sekarang. TV3 bagi laporan kalau ada calon dari Pakatan Harapan bercakap 3 minit, dia bagi juga calon daripada PAS untuk bercakap 3 minit. Kalau di Seri Setia dia bagi calon PAS bercakap 5 minit calon dari Pakatan Harapan pun di beri masa bercakap 5 minit. Ini kerajaan baharu yang kita amalkan dalam konsep keterbukaan kepada seluruh masyarakat dan rakyat dalam Negara kita. Kita tidak pilih bulu.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Taman Templer mohon beri laluan.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Banyaklah kali beri laluan ni. Tadi saya minta tidak bagi pula.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Sikit saja. Sikit saja. Penjelasan.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Saya bagi laluan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat saya ingatkan *traffic light* dah merah tapi teruskanlah sekejap.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat Taman Templer. Sedikit sahaja penjelasan. Saya rasa Yang Berhormat Yang Berhormat dalam dewan ini pun perlukan penjelasan dari segi takrifan yang mana Yang Berhormat nyatakan sebentar tadi tentang 'jentera kerajaan'. Boleh Yang Berhormat jelaskan apa itu jentera kerajaan dalam fahaman Yang Berhormat dan takrifan Yang Berhormat berkenaan penggunaan jentera kerajaan di dalam kempen pilihanraya. Terima kasih.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Saya terlibat dengan pilihanraya ini sangat lama dalam parti lama dulu saya pengarah pilihanraya Pemuda PAS Malaysia. Saya terlibat telah lama. Sebab itu saya sebutkan, saya sebutkan pertandingan dalam pilihanraya ini adalah parti politik dengan parti politik. Parti politik dengan parti politik, maksudnya kita gunalah jentera parti politik bukan jentera kerajaan kan. Sebab kita tengok kerajaan dahulu apa yang mereka tidak guna? Semasa pilihanraya kita tengok, sekolah mereka gunakan ke tidak? Guna. Balai raya mereka guna atau tidak? Guna. Fasilitas kementerian mereka guna ke tidak? Peruntukkan kerajaan mereka guna ataupun tidak? Peruntukkan jabatan mereka gunakan atau tidak? Mereka gunakan semuanya. Dan seolah-olah kita melihat pertempuran/peperangan pilihanraya dulunya kita rasakan bahawa di antara kita

parti politik kita bertembung dengan kerajaan UMNO, Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Mereka menggunakan seluruh *installment* kerajaan untuk memenangkan calon mereka. Sekarang ini alhamdulillah disebutkan, saya turun ke Balakong, saya turun ke Sungai Kandis, saya turun ke Seri Setia tidak Nampak. Dan Menteri Besar pun kalau dia turun dia beritahu dia kata tidak menggunakan jentera kerajaan. Dia turun atas kapasiti pimpinan parti. Ini yang kita hendakkan. Malaysia baharu yang kita hendakkan. Inilah kaedah barunya. Kita tidak menyalahgunakan jentera dan juga dana kerajaan. Wang rakyat, cukai yang diberikan oleh masyarakat

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Taman Templer dewan telah berpuas hati dengan penjelasan tentang penggunaan

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Banyak mencelah tadi Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Saya rasa kena *landing*. Kena *landing*.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Ada satu lagi yang ini memang saya kena sebutkan.

TUAN SPEAKER : Cepat. Cepat.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Berkaitan dengan masalah guru-guru sekolah KAFA ini. Ada permintaan guru-guru sekolah KAFA ini dia minta supaya nasib mereka ini kita perjuangkan. Mereka beritahu gaji mereka ini RM1350.00 dia orang minta supaya mereka, gaji mereka dinaikkan dan kalau boleh tahun ini juga diberikan bonus kepada guru-guru KAFA yang banyak menaburkan khidmat dan juga jasa bakti mereka kepada anak bangsa mereka di dalam anak bangsa di Negara kita ini. Tuan Speaker saya menjunjung kasih mengucapkan ribuan terima kasih di atas. Tuan Speaker saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarukatu.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Taman Templer. Banyak lupa pula ya. Saya minta Yang Berhormat Kota Anggerik.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Akhirnya mendapat giliran. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Dewan Negeri terima kasih kerana memberi saya ruang untuk menyertai perbahasan pada petang ini. Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada pengundi DUN Kota Anggerik yang telah memberi kepercayaan dan mandat kepada saya dan teman-teman khususnya di Selangor sebagai juru bicara yang membawa suara bicara di dalam dewan yang mulia ini, saya suka berpesan kepada diri saya dan kepada semua anggota dewan untuk kita menginsafi bahawa kedudukan kita di dalam dewan ini bukanlah atas sebab kita ini bagus tetapi sebab atas sebab rakyat mahukan kita berdiri di sini membawa suara dan amanah mereka. Alhamdulillah syukur kepada Allah kita dapat berhimpun pada minggu ini saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Besar Selangor daripada DUN Sungai Tua, sebab ramai yang *confuse* Dusun Tua, Sungai Tua orangnya muda, 38 tahun seorang yang dinamik dan progresif dan insyaallah akan memimpin kita dengan lebih cemerlang teruskan legasi di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Mohamad Azmin Ali. Yang Berhormat minta maaf. Kita semua sedia maklum Pakatan Harapan di Selangor pada pilihan raya pada baru-baru ini telah menunjukkan bahawa rakyat telah membuat keputusan yang cukup mengejutkan. Kita bukan sahaja sekadar mempertahankan Selangor dengan majoriti dengan lebih besar dengan 51 kerusi yang berada di pihak kerajaan bahkan kita juga telah berjaya menawan Putrajaya dan ini menunjukkan satu perubahan total di pihak rakyat dan semestinya inspektif rakyat terhadap hari ini terlalu tinggi. Saya sendiri sebagai Yang Berhormat baru *first timer*, *first term* bila berdepan dengan masyarakat sekarang ini kita ada rasa agak cangkung sebab cangkaknya terlalu tinggi sebelum ini kita tengok jer Yang Berhormat lain buat kerja tapi sekarang ini kita sendiri yang berdepan dengan pengundi. Justeru, saya suka untuk mengusulkan dan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan pertambahan perjawatan kepada setiap Pusat Khidmat DUN di seluruh negeri Selangor selaras dengan tuntutan kerja Yang Berhormat semua juga untuk kita tingkatkan tahap keberkesanan sistem penyampaian melibatkan kita sebagai Wakil Rakyat sebab sebelum ini, sekarang ini kita ada 3. Semua ada 3 yang diperuntukkan oleh Dewan. Saya suka mencadangkan dan saya rasa majoriti Yang Berhormat bersetuju untuk ditambahkan perjawatan tersebut bagi memastikan beri perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Sebab sekarang ini inisiatif Peduli Rakyat banyak sangat. Jadi bila banyak sangat rakyat beri sambutan luar biasa. Setiap hari orang datang dan KISS, setiap kali orang datang hendak Peduli Sihat. Jadi bila melibatkan prosedur ini banyak kerja yang perlu dipertingkatkan dan ini juga untuk menjamin imej kita sebagai kerajaan yang peduli rakyat bila kita banyak tenaga kerja yang lebih efisien rakyat akan puas hati dengan prestasi kita. Saya juga ingin membangkitkan sedikit tentang isu belia di negeri Selangor jika sebelum ini pernah terlibat secara langsung dalam pembangunan belia di bawah teraju Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebelum ini Pengerusi Tetap Generasi Muda dan saya terlibat secara langsung dalam pembangunan generasi muda di negeri Selangor. Jadi saya hendak mengusulkan juga kepada Dewan dan kepada Kerajaan Negeri untuk memperkasakan kita punya *trust leader* ini pengerak belia tempatan. Jika sebelum ini dan sekarang ini peruntukan yang diberikan PBT adalah RM5000.00 setahun saya juga pernah terlibat di peringkat awal *batch* pertama di PBT negeri Selangor dan sekarang di

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Dewan saya usulkan jugalah. Kalau kadar 2009 itu sekarang dah 10 tahun, hampir 10 tahun dah. Mohon Kerajaan Negeri kaji semula tuntutan tersebut. Dan kalau boleh tambah dan tingkatkan sebab sekarang ini tiada isu untuk kita menyatakan kita kurang dana kita bukan sekadar memerintah negeri Selangor tetapi kita juga telah mentadbir Putrajaya jadi boleh diwujudkan *synergy* di antara peruntukan di peringkat negeri dan pusat. Sebab semua kita sedia maklum negeri Selangor ini menyumbang 23% KDNKK Negara RM1.00 duit rakyat Malaysia dalam poket itu 23 sen dari Selangor. Jadi Pusat pun pandang-pandanglah Selangor ini dan bagilah lebih sikit. Yang ketiga, adalah berkaitan dengan kesihatan kita semua sedia maklum manifesto Pakatan Harapan baru-baru ini telah memberi komitmen untuk melaksanakan salah satu di Selangor iaitu skim Peduli Sihat (SPS) sebagai salah satu tawaran 100 hari Pakatan Harapan mungkin selepas di Selangor ini juga kita akan selaraskan dengan SPS peringkat Pusat cuma di peringkat Selangor mungkin boleh ditambah baik dan diluaskan skop perlindungan Peduli Sihat tersebut merangkumi rawatan asas pergigian maknanya untuk orang-orang sebab sekarang ini keperluan asas itu biasa kita boleh *provide* dan sekarang ini mungkin kita boleh perluaskan skop tersebut kepada asas pergigian dan juga optikal. Kalau gigi ini mungkin boleh bagi *blancing treatment* untuk *scaling* tidak banyak pun kalau 2 kali setahun sahaja ... daripada *dental* mungkin Dr Daroyah boleh setuju dengan saya. 2 kali setahun sahaja mungkin boleh diluaskan kepada pergigian dan juga optical. Optical ini kita boleh bantu dengan meletakkan satu *standard* untuk memberi kemudahan cermin mata percuma kepada rakyat, sebab ini tuntutan yang mendesak terutamanya di kalangan golongan yang kurang berkemampuan. Seterusnya saya juga ingin sentuh tentang alam sekitar sebab semalam Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga ada mengungkap tentang keperluan Kerajaan Negeri untuk tidak berkompromi dalam hal ehwal berkaitan alam sekitar cuma di Kota Anggerik ini masih ada lagi sedikit tanah yang hutan, yang ada hijau. Jadi sekarang ini pun pembangunan itu memang kita tidak boleh elakkan jadi boleh juga mencadangkan kepada kerajaan untuk pertahankan salah satu tanah hutan di Selangor yang kita gunakan sebagai Shah Alam Forest Community iaitu Komuniti Shah Alam ini adalah salah satu Kerajaan Negeri kalau boleh beri komitmen untuk pertahankan hutan ini kerana ini adalah salah satu tapak ke Shah Alam sahaja malah ke seluruh Malaysia ada yang daripada Johor Bahru, Negeri Sembilan ke Shah Alam untuk *jungle tracking*, di Shah Alam di Shah Alam Community Forest Jadi saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri ambil maklum tentang isu ini dan memberikan komitmen untuk mempertahankan hutan tersebut. Seterusnya berkaitan dengan isu pengangkutan awam kita semua kita maklum di Selangor antara negeri merupakan peneraju kemudahan bas percuma di Malaysia dan walau bagaimanapun masih ada kawasan di negeri Selangor juga di kota Anggerik orang kata Kota Anggerik ini sudah lengkap serba serbi masih ada lagi beberapa lagi bahagian agak ... di persisiran Kota Anggerik ini yang memerlukan perkhidmatan bas percuma terutamanya di Bukit Subang dan di sekitar kerana di kawasan tersebut kepadatan penduduk agak tinggi dan mereka adalah daripada golongan berpendapatan rendah dan sewajarnya saya cadangkan kalau boleh Kerajaan Negeri memperluaskan akses perkhidmatan bas Selangorku ke kawasan tersebut. Seterusnya berkaitan Inisiatif Smart Selangor kita boleh berbangga dengan Dewan ini kerana sekarang Dewan Negeri Selangor pendekatannya *paper less* saya hendak hantar soalan dewan pun senang, saya boleh buat kerja dalam kereta sahaja sekarang. Suka saya

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

cadangkan untuk kita menambah baik proses ini bukan hanya di dewan negeri tetapi juga di Pejabat Daerah dan Tanah kerana saya faham kita sekarang ini nak buat *claim*, nak buat tuntutan perlu isi borang yang agak banyak. Dan kita perlu hantar jauh, ada setengah-setengah DUN ini jauh dari Pejabat Daerah, dia kena hantar jauh. Dan ini memakan masa dan juga komitmen yang lebih. Justeru, saya cadangkan kerajaan negeri untuk menambah baik proses ini. Proses untuk kita menuntut peruntukan dan membuat *claim* supaya prosesnya bersifat *online*. Sekarang ini, kita menuju era *Fourth Industrial Revolution* dan kita telah menjadi pemacu negeri di Malaysia ini sebagai salah satu *smart state* dan sewajarnya kerajaan negeri mempertimbangkan untuk memudahkan dan menambah baik proses tersebut. Seterusnya, yang terakhir, berkaitan dengan perumahan khususnya pangsapuri-pangsapuri di kawasan kos rendah yang mana memerlukan perhatian dari sudut keceriaan. Terutamanya yang telah lama tidak dicat. Ini adalah salah satu yang selalu saya depan ada tempat tertentu yang mana flat nya sudah 15 tahun tidak dicat. Kalau pergi sana kita gores tangan dekat dindingnya dah terkeluar-keluar dah cat dia. Dan ada kulat sekalipun. Jadi, ini yang saya minta kalau boleh kerajaan negeri mempertimbangkan untuk menjelajah ke semua tempat yang ada flat kos rendah ini teliti dan pantau dan sebolehnya menambah baik kerana Selangor ini bukanlah negeri yang dah daripada 2005 kita diiktiraf sebagai negeri maju dan sewajarnya kita punya kawasan perumahan pun perlu dilihat maju dan dinamik serta cantik mata memandang. Jadi, sekian daripada saya, saya mohon menyokong dan menjunjung kasih ucapan titah Tuanku.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : *Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT* Salam sejahtera. Tuan Speaker, terima kasih kepada Tuan Speaker, DUN Sekinchan dan Taman Medan. Pertamanya, saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat berada bersama-sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari ini setelah dipilih menjadi Ahli Dewan Negeri kawasan Taman Medan pada 9 Mei yang lepas. Yang mana saya mewarisi daripada 2 orang bekas wakil rakyat di sana yang telah juga menjadi Ahli Majlis masyarakat kerajaan negeri. Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Jaya dan juga Yang Berhormat Kajang yang saya akan teruskan legasi yang dibawa oleh kedua-duanya. Saya amat menjunjung kasih kepada titah ucapan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor yang menyarankan kepada kita sekalian untuk membuat usaha ke arah kesejahteraan dan juga keharmonian pada tugas yang dijalankan untuk rakyat negeri Selangor. Saya nak memetik apa yang telah dinyatakan oleh Baginda dalam titah ucapan perasmian yang dinyatakan ya. Baginda bersyukur kerana institusi masjid dan surau telah banyak dibina dan ini menunjukkan bahawa tentang serius dan juga tentang betapa bersungguh-sungguhnya pihak kerajaan negeri yang diterajui oleh Pakatan Harapan, untuk menaikkan syiar agama Islam. Yang sebelum ini ada pihak ya dalam siaran media mereka menggelar ini sebagai Darul LGBT, saya pun hairan. Dan ini satu usaha menafikan dan juga menidakkan tentang betapa seriusnya kerajaan negeri Selangor untuk menaikkan syiar dan juga memajukan tahap pemahaman agama Islam di kalangan rakyat negeri Selangor beragama Islam. Jadi, di sini juga saya nak membawa kita sekalian kepada, tentang bagaimana institusi ini sebenarnya perlu

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

diperkasakan dan perlu dipertingkatkan tahap kualitinya. Sebab saya lihat institusi ini dalam masa terdekat ini telah digunakan untuk..sebagai institusi yang menyebarkan ajaran dan juga fahaman politik dan kalau tak percaya dalam kempen pilihan raya kecil DUN Seri Setia, saya telah lihat sendiri bahawa saya sewaktu beberapa minggu yang lepas ya, ingin memimpin bacaan tahlil dan juga doa untuk Almarhum Yang Berhormat Prof. Dr. Shaharuddin Badaruddin di sebuah masjid di kawasan Seri Setia. Saya tidak dibenarkan oleh pihak nazir masjid yang rupa-rupanya setelah saya selidik ada kecenderungan kepada parti politik yang menyebabkan beliau bertindak sedemikian. Tetapi, bila ada individu-individu tertentu yang bertahap pimpinan dalam parti politik mereka ataupun parti politik yang dianggotai oleh nazir itu datang diraikan ya, sampai ke tahap itu. Saya rasa semua orang tahu. Jadi, tahu, tahu, semua tahu. TST bukan GST. Jadi inilah ya, saya nak tekankan di sini bahawa perlu ada ketegasan ya, terutamanya dalam pemilihan Jawatankuasa masjid akan datang yang akan dilakukan, dilaksanakan untuk memantau individu-individu dan kumpulan ini agar mereka tidak lagi diberikan kepercayaan kerana saya lihat ya, mereka ini tidak adil dalam menjalankan tugas mereka. Dan saya nak memetik ya, kata-kata yang pernah diungkapkan oleh Nabi Yusuf AS dalam, dengan izin, dalam apa yang difirmankan oleh Allah SWT dalam Ayat 56 Surah Yusuf, Nabi Yusuf kata *Ayat Al-Quran*, lantiklah aku untuk memegang teraju urusan ini sesungguhnya aku boleh menjaga lagi boleh, lagi berpengetahuan. Maknanya, kita nak bagi urusan ni bagi urusan kepada mereka berkebolehan termasuklah kita wakil rakyat ni, dipilih oleh rakyat kerana keyakinan kita, atas keyakinan mereka atas kebolehan kita yang diberikan mandat. Jadi, disinilah, saya tidak mahu memanjangkan sebab ada beberapa orang rakan lagi yang akan, saya tak tunggu lampu kuning, boleh Speaker? Saya tak tunggu lampu kuning saya akhirkkan ucapan saya *InshaAllah* ya,

TUAN SPEAKER : Boleh..boleh.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : jadi mudah-mudahan saya berharap kita dapat meneruskan agenda untuk menjadikan negeri Selangor negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sudah?

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Sudah.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : *Bismillahirrahmanirrahim. Nahmadhu Va Nusalle Alla Rasoolle Hil Karim. Amma Baad*, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang saya untuk terlibat dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada khususnya penyokong saya di Kota Damansara kerana menyokong saya dan beri kemenangan kepada saya daripada Barisan Nasional dan kita Pakatan Harapan. Juga saya ucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar kita yang baru dan barisan EXCO mudah-mudahan, syabas, tahniah, semoga sukses

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

menjalankan tugas. Tuan Speaker, merujuk kepada titah Sultan semalam, antara perkara yang disebutkan ialah berkenaan dengan masjid. Tuan Speaker, untuk makluman, di Kota Damansara telah pun diluluskan bajet untuk mengadakan 2 buah masjid. Saya difahamkan bahawa masjid tersebut ada sedikit masalah dan tidak ikut jadual dan saya harap, pihak kerajaan negeri dapat mempercepatkan pembinaan 2 buah masjid tersebut iaitu di Subang Bestari dan juga di Kota Damansara. Tuan Speaker, masalah pengangkutan iaitu kesesakan lalu lintas di Kota Damansara amat ketara. Terutamanya di 2 buah jalan utama yang menyambungkan dari Paya Jaras dan juga Kota Damansara iaitu satunya ialah di jalan dipanggil Jalan Cakerawala dan lagi satu di Atmosfera. Tuan Speaker, di situ kita dapati bahawa jalan tersebut telah lama mengganggu halangan maknanya tak siap-siap, bertahun. Saya pun tak tahu kenapa jadi saya harap pihak kerajaan negeri dapat beri keutamaan supaya jalan tersebut dapat dilancarkan kerana memang berlaku trafik jam terutama pada waktu pagi dan saya menjangkakan apabila projek terutama *Kuasa Lane* siap akan menyusahkan lagi penduduk di sekitar Kota Damansara. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh juga tentang perkara PPR. Kita maklum di Seksyen 8 Kota Damansara, kita ada PPR, Projek Perumahan dan saya dapati permohonan penduduk untuk mendapatkan rumah ini, kadang-kadang ditolak dan tanpa alasan yang munasabah dan tidak telus. Saya harap pada masa-masa akan datang supaya kita dapat tahu kenapa mereka ini ditolak dan kita ingin membantu mereka. Ramai sangat yang datang minta untuk dapat rumah kos rendah. Dan juga untuk makluman Tuan Speaker, saya juga dimaklumkan bahawa ada ramai pendatang asing duduk di rumah PPR ini. Jadi, saya harap perkara ini dapat diambil tindakan dengan sewajarnya supaya keutamaan diberi kepada rakyat terutama rakyat negeri Selangor. Tuan Speaker, di Kota Damansara ini, kita tidak ada kata orang, pusat pertubuhan sukan dan rekreasi. Kita ada masalah anak-anak muda berlegar liar dengan motor haram, motosikal haram. Dah berlaku pun kemalangan dan juga di sekitar Subang Bestari, tidak ada pusat sukan dan rekreasi. Saya difahamkan dulu kita ada tanah digazetkan pusat sukan namun sampai sekarang belum ada. Jadi, saya harap pihak kerajaan negeri Tuan Speaker, dapat melihat perkara ini serius supaya tempat ini dapat dibangunkan dan dijadikan pusat sukan dan rekreasi agar mereka ini dapat tumpukan anak-anak muda terutamanya dapat bagi masa tempat tersebut. Untuk makluman Tuan Speaker juga, antara punca jenayah yang banyak ni jenayah di Kota Damansara Tuan Speaker, ialah curi motosikal. Jadi, mungkin budak-budak ini tiada kerja lain jadi motosikal dicuri dan sebagainya jadi, dengan harapan sekiranya tidak ada pusat sukan dan rekreasi di Kota Damansara, DUN Kota Damansara, *InshaAllah* ini akan mengelakkan daripada masalah sosial yang timbul daripada anak-anak muda ini. Tuan Speaker, di sana kita ada juga satu dipanggil rumah asnaf yang diberi nama Seri Purnama. Saya dapat laporan mengatakan bahawa aduan daripada penghuni tidak diselenggarakan dengan baik. Jadi, saya harap perkara ini dapat dibincangkan dan diselesaikan sebab rumah ini saya difahamkan bahawa diperlukan sangat, diperuntukkan untuk golongan asnaf dan difahamkan bahawa rumah ini tidak diselenggarakan dengan baik. Saya harap pihak kerajaan negeri dapat beri tumpuan menyelesaikan masalah tersebut yang berlarutan. Yang Berhormat daripada, tadi dari Banting dan juga disebut tadi Yang Berhormat menyebut tentang kilang haram Tuan Speaker. Kawasan Kota Damansara memang banyak kilang haram dan kita juga dapati bahawa ada kenderaan-kenderaan ini yang telah melalui kawasan perumahan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

terutamanya, di..contohnya di Taman Perumahan Desa Subang Permai di mana lori-lori ini masuk kawasan kilang yang boleh dikatakan haram jadi, ia telah mengganggu penduduk-penduduk tersebut, di sekitar tersebut. Jadi, saya harap pihak kerajaan negeri cuba melihat supaya ada jalan alternatif di mana lori-lori yang lalu di kawasan berikut tidak melalui kawasan perumahan. Tuan Speaker, saya juga dijemput oleh beberapa buah sekolah, dulu memang sekolah tak jemput sekarang ada sekolah, jadi saya harap mereka ini kadang-kadang minta peruntukan untuk baiki keadaan sekolah dan sebagainya, selenggaraan, saya harap pihak Kerajaan negeri boleh pertimbangkan, ada peruntukan khas untuk mereka. Untuk itu, Tuan Speaker, perkara itu yang boleh dipertimbangkan saya mengucapkan terima kasih kepada pihak MBPJ kerana mereka ada program keselamatan kejiranan. Di mana mereka peruntukan RM6000 untuk NGO di mana, terbukti apabila program ini dilaksanakan di Kota Damansara, peningkatan di sudut keselamatan dapat ditingkatkan. Jadi saya harap program sebegini dapat dilebar luaskan ke PBT-PBT yang lain dengan peruntukan sebagaimana yang telah dibuat oleh MBPJ. Tuan Speaker, juga kita maklum bahawa golongan pekerja amat penting. Kalau kita lihat daripada separuh daripada penduduk Malaysia ini adalah terdiri daripada golongan pekerja dan di Selangor sendiri separuh daripada penduduknya golongan pekerja. Kita telah selalu menerima isu-isu berkaitan dengan pekerja yang dianiaya, yang gaji tidak dibayar dan sebagainya. Jadi untuk penyelarasan ini Tuan Speaker, kita lihat diperingkat persekutuan memang ada Kementerian Sumber Manusia yang menangani masalah pekerja yang melibatkan 3 Akta. Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Kesatuan dan Akta Kerja. Namun dari sudut keprihatinan itu tadi saya mengharapkan kerajaan negeri Selangor menerajui, memberi prihatin kepada golongan pekerja dengan mewujudkan satu *labour centre* dengan izin. *Labour center* itu memudahkan cara untuk memberi perkhidmatan kepada golongan-golongan pekerja yang dianiaya. Saya mencadangkan Tuan Speaker, agar kita kerajaan negeri Selangor menerajui untuk menjadikan contoh *labour centre*, akan memudahkan golongan pekerja mengadu masalah mereka. Tuan Speaker, antara lain juga, saya berkenaan dengan isu balai polis. Di Kota Damansara ini kita ada balai polis namun bukanlah sangat jadi balai polis sebab tak berapa lengkap dan cukup-cukup. Kalau dulu kerajaan persekutuan bila lontarkan masalah balai polis dia kata kerajaan negeri tak bagi tanah. Apabila kita kata kerajaan negeri pula dia kata bajet tak ada daripada persekutuan. Jadi saya harap dengan keadaan sekarang kita telah Pakatan Harapan telah pun menerajui negeri Selangor dan juga persekutuan saya harap perkara ini dapat diselaraskan dan dapat dimudahkan agar satu balai polis di Kota Damansara dapat diadakan dengan secepat mungkin. Tuan Speaker, saya menyokong daripada juga daripada Yang Berhormat daripada apa ini tadi Shah Alam, Kota Anggerik, maaf ya menyokong agar ada tambahan staf kerana sebagaimana kita maklum sekarang Tuan Speaker, kalau dulu kita hanya mempromosikan produk kerajaan negeri, sekarang kita dah tawan Putrajaya. Produk persekutuan pun kita kena promote Tuan Speaker, jadi saya harap tambahan kepada staf itu amat diperlukan Tuan Speaker. Jadi saya harap perkara itu dapat dipertimbangkan dan seterusnya Tuan Speaker, saya nak menyentuh juga tentang.

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat masa yang terakhir ya. Masa suntuk.

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Baik Tuan Speaker ya. Berkenaan dengan Ketua Komuniti India, dulu konsep Ketua Komuniti India berpandukan kepada estet, kalau tak ada estet tak perlu ke? Oleh kerana Ketua Komuniti India ini sekarang dia jadi bertompok-tompok. Dia *concentrate on certain area*. So, saya mencadangkan supaya kita lihat semua konsep Ketua Komuniti India ini berpandukan pada geografikal rather dan kalau ada estet ada, tak ada estet tak ada. Jadi saya harap dapat pertimbangkan perkara tersebut Tuan Speaker dan akhir sekali saya ucapkan terima kasih dan saya sendiri menyokong titah diraja usul yang dibawa oleh sebentar tadi berkenaan dengan titah diraja. Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sabak, saya bagi 5 minit sahaja. 5 minit seorang ya.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Speaker, 5 minit yang berharga untuk saya. Saya memang memilih yang terakhir. Kerana sayalah ADUN ataupun Ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Harapan yang menang majoriti paling sikit. Hanya 130. Tahniah kepada Tuan Speaker, kepada Menteri Besar dan EXCO serta ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan tahniah kepada semua ahli Yang Berhormat kerana meneruskan persidangan hingga jam 7.00. Cuma yang saya kesalkan ialah di kerusi Ketua-Ketua Jabatan sudah kosong. Sedangkan apa yang diperbahaskan oleh ahli Yang Berhormat akan dilaksanakan oleh Ketua-Ketua Jabatan. Jadi kalau kita sanggup menunggu hingga pukul 7.00, kenapa Ketua-Ketua Jabatan sudah berada senang lenang di rumah. Jadi yang kita bahaskan hari ini akan dilaksanakan oleh Ketua Jabatan. Jadi mana Ketua Jabatan, saya tanya di mana Ketua Jabatan?.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Yang Berhormat ya, penjelasan. Sebenarnya pegawai kita, Ketua-Ketua Jabatan kita berada di luar. Sejuk sangat dan mereka dengar, mencatat dan saya pastikan segala soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan dijawab kerana pegawai kita memang bertugas.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Tetapi amatlah bergembira bagi kita jika kita bersama mereka kerana persidangan ini bukan tiap-tiap kali. Setahun hanya 3 kali. Jadi apa salahnya dia bersama dengan kita. Terima kasih. DUN Sabak dan Daerah Sabak Bernam diwartakan sebagai kawasan pertanian. Hanya 20 % diperuntukan untuk pembangunan dan industri. Tetapi malang, Daerah Sabak Bernam khususnya N02 Sabak yang diwartakan sebagai kawasan pertanian tidak dijadikan kawasan pertanian setaraf di Jepun dan juga di Eropah. Tumpuan hanya di sebelah kawasan anjung utara ke atas. Nampaklah bahawa penduduk-penduduk mengundi di kawasan saya yang rasanya agak terbiar dan khususnya di kawasan Ketua Pembangkang yang menang dan di mana ADUN-ADUN pembangkang menang

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

kawasan yang terbiar yang agak mundur. Jadi kalaulah memang Pakatan Harapan nak menawan seluruh, saya sebut seluruh kerusi DUN di Negeri Selangor pastikan tidak ada lagi kawasan yang mundur di Selangor ini. Khususnya di anjung utara. Ada 5 minit. Kalau belum saya tambah. Tuan Speaker tahu, sudah hampir 6 musim saya sebut 6 musim tak tahulah di Sekinchan. Di Dun Sabak sudah hampir 6 musim pesawah tidak dapat apa-apa keuntungan di atas usaha mereka. Hasil padi hanya sekitar 3 dan 4 tan. Di Sekinchan mungkin mencapai 8 tan. Bagi yang menyewa tanah, sewa tanah, 3 lot, 1 lot itu 3 ekar RM3000. Kos penanaman lebih kurang RM2000 dan sampai yang mencecah RM6000. Hasil hanya RM40000. Apakah ini yang dihajatkan oleh pimpinan jadikan Sabak Bernam sebagai kawasan pertanian. Saya nak buktikan betapa teruknya Sabak Bernam. Setiap tahun Majlis Daerah Sabak Bernam defisit perbelanjaannya. Perbelanjaan hampir RM20 juta, pendapatan hanya RM14 juta. Betul tak Tuan Speaker? RM14 juta?. Sehingga untuk bayar gaji pada bulan lepas sepatutnya MDSB bayar gaji awal kerana Aidiladha, maka MDSB tak mampu bayar kakitangannya. Untuk bayar gaji awal kerana Aidiladha dan terpaksa menangguh ke akhir bulan. Inilah daif Sabak Bernam. Kalau ini terus berlaku saya rasa N02 akan keluar dari Selangor dan masuk negeri Perak kerana kita bersempadan dengan negeri Perak. Jadi saya harap janganlah pilih bulu, pastikan bahawa negeri Selangor dari Sabak Bernam sampailah ke Kajang duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Kalau masih lagi berkeadaan begini maka wartanya Sabak Bernam sebagai kawasan pertanian kita terpaksa memansuhkan. Biarlah kita bersama-sama makan batu dan tidak makan padi kerana apa ertinya penduduk Sabak Bernam menanam padi tetapi yang kaya orang yang di sebelah bandar di luar kawasan Sabak Bernam. Terima kasih. Saya menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Pandamaran. 5 minit ya.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Terima kasih kepada Tuan Speaker, kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas. Pertama kali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua kerana dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Selangor. Saya yakin negeri Selangor akan lebih maju di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Sungai Tua dan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Patik ingin menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bahawa Tuanku memberi perhatian terhadap penggunaan beg plastik. Saya mohon kerajaan Selangor perlu mengambil tindakan yang lebih keras terhadap penggunaan beg plastik. Jika boleh kita patut mengharamkan dan menggalakkan penggunaan beg kitar semula. Kita tahu beg plastik ini tidak dapat dikitar semula dan telah membawa kesan-kesan yang mengancam alam sekitar. Kita sering mendengar berita bahawa adanya ikan ataupun burung ya. Burung tersangkut atau tertelan beg plastik. Kenapa perkara ini berlaku? Kerana beg plastik ini tidak dapat kitar semula dan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

buang ke dalam sungai ataupun laut. Oleh itu, langkah-langkah untuk mengharamkan penggunaan beg plastik mestilah dilaksanakan dengan secepat mungkin. Demi alam sekitar. Saya juga ingin menyentuh jalan-jalan persekutuan yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Banting, Morib dan Tanjong Sepat. Sebelum 9 Mei 2018, saya pernah bangkitkan isu-isu infrastruktur jalan-jalan persekutuan di MPK. Malangnya jawapan daripada JKR Persekutuan hanya adalah tiada peruntukan ataupun masih menunggu kelulusan untuk tahun hadapan. Saya sentiasa di marah oleh penduduk kawasan DUN Pandamaran kerana kerosakan jalan, lampu jalan, lampu isyarat dan runtuh tebing parit sering berlaku di Persiaran Raja Muda Musa dan juga Jalan Tin Chuan. Ini tidak dapat menolong kita kerana peruntukan yang tidak dapat untuk dilaksanakan di Persiaran Raja Muda Musa telah banyak membawa perkara yang tidak diingini dan saya berasa amat lega apabila Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran kerajaan persekutuan dan peruntukan terus diberi untuk menaiktaraf dan menyelenggara infrastruktur di DUN Pandamaran. Malah peruntukan ini masih terhad ya kerana kewangan kerajaan persekutuan tidak begitu stabil, tapi demi keselamatan dan kebaikan penduduk sekitar. Saya cadangkan kerajaan Selangor perlu bekerjasama dengan kerajaan persekutuan demi kebaikan keselamatan jalan raya. Klang mempunyai satu gelaran yang mengagumkan. Iaitu Bandar Klang Diraja. Bandar Klang juga mempunyai bangunan-bangunan yang lama dan tempat-tempat yang bersejarah untuk menarik pelancong. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Klang kerana telah melancarkan Tahun Melawat Klang 2017 dan menjadikan DUN Pandamaran sebagai tumpuan utama iaitu Heritage Walk 2017 hinggalah sekarang. Heritage Walk ini merangkumi Istana Alam Shah, Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz Shah, Kuil Hindu, Masjid, Tokong serta Gereja dan lain-lain. Program seperti ini perlu diberi perhatian dan tumpuan kerana program ini melibatkan semua agama dan bangsa. Program ini amatlah memberangsangkan kerana ini menunjukkan Malaysia dapat hidup dalam keadaan harmoni, mesra, sejahtera dan aman. Untuk memastikan Klang menjadi tempat pelancongan yang tertarik saya mencadangkan kerajaan persekutuan perlu mempertingkatkan rondaan polis di sekitar Klang demi memastikan keselamatan dan pelancongan ataupun keselamatan pelancongan, pelancong ataupun peniaga terjamin. Justeru pelancong akan lebih rasa selesa dan selamat di negeri Selangor dan Malaysia. Akhir sekali saya ingin menyokong penuh titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi istiadat pembukaan penggal pertama dewan negeri Selangor yang ke-14 tahun 2018. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Sungai Ramal 5 minit.

Y.B. TUAN HJ. MAZWAN JOHAR : Terima kasih YB Tuan Speaker. Assalamualaikum W.B.T. salam sejahtera. Alhamdulillah atas peluang diberikan untuk saya pula membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam tempoh masa yang sangat terhad ini. Saya hampir-hampir putus harapan tadi. Tapi bila tengok YB Speaker (YB Tuan Speaker) berpaling kepada saya, berikan senyuman manisnya, saya tahu saya ada harapan semula. Y.B. Tuan Speaker, Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya terus pergi kepada butiran inti pati saya kepada apa yang ingin saya utarakan. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para pengundi dalam DUN Sungai Ramal yang telah memberikan undi dan sokongan kepada saya. Satu kemenangan yang sangat bermakna kerana buat pertama kali dalam sejarah sama ada dulunya Bangi, sekarang Sungai Ramal, sebuah parti memenangi pertandingan dalam pilihan raya dengan tidak tercicir walaupun satu daerah mengundi. Semua daerah mengundi, memberikan kemenangan kepada Pakatan Harapan di Sungai Ramal. Itulah keyakinan dan harapan tinggi yang diletakkan oleh para pengundi kepada kita untuk membuat perubahan dalam negara. Y.B. Tuan Speaker, Untuk DUN Sungai Ramal khususnya ada beberapa perkara yang ingin saya utarakan bagi pihak para pengundi di sana. Yang pertamanya, selepas kemenangan di mana kita sekarang ini berada di kedua-dua peringkat (persekutuan dan juga negeri), maka harapan tinggi para pengundi adalah agar kita dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada mereka dan mereka tidak lagi mudah untuk menerima sebarang alasan kerana bagi mereka, kita telah menguasai kedua-dua jentera kerajaan (persekutuan dan negeri). Maka sepatutnya kita boleh memberikan khidmat terbaik. Maka itu, pada masa ini agak sukar untuk kita kadang-kadang memisahkan tanggungjawab di bawah persekutuan dan negeri kerana para pengundi memandangnya sebagai satu perkara yang sama sekarang ini. Misalnya, di peringkat Sungai Ramal ini perkara sekolah. Antara pihak yang paling banyak sekarang ini membuat *Englishmen* (dengan izin) dengan para wakil rakyat (Yang Berhormat) adalah pihak sekolah dan di Sungai Ramal ada terdapat sekolah-sekolah yang memang berusia sangat tua. Ada sekolah (contohnya) bernama Sekolah Leftenan Adnan (diambil sempena nama perwira negara). Leftenan Adnan. Sekolah ini berusia lebih 100 tahun, infranya sangat (kemudahan infrastrukturnya) sangat teruk dan tidak mendapat peruntukan daripada Kementerian Pendidikan sekian lama. Jadi meminta kepada pihak DUN untuk memberikan khidmat membaik pulih sekolah. Begitu juga sekolah pendidikan yang menghuni ramai (paling ramai) murid pendidikan khas di dalam daerah Hulu Langat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kajang Utama. Mereka memerlukan ongkos yang lebih tinggi berbanding dengan sekolah lain disebabkan perlu menyediakan kemudahan dan pendidikan khas kepada para anak-anak khas di sana dan begitu juga dengan sekolah berprestasi tinggi. Di dalam DUN saya juga ada sekolah yang mencapai tahap sekolah berprestasi tinggi di mana sekolah-sekolah ini menjadi tuan rumah (contohnya) kepada acara-acara yang melibatkan peringkat antarabangsa. Walaupun sekolah rendah, mereka menerima kunjungan daripada sekolah-sekolah lain daripada luar negara sekitar dunia untuk datang ke sekolah itu untuk aktiviti dan sebagainya. Tetapi sekolah ini juga tidak

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

mendapat peruntukan daripada Kementerian Pendidikan walaupun sebelum ini mendapatnya. Tapi bila dah dapat status sebagai sekolah berprestasi tinggi, tidak lagi dapat peruntukan. Semua ini adalah sekolah-sekolah yang melahirkan anak-anak yang pintar untuk negeri Selangor. Jadi walaupun di bawah persekutuan, sepatutnya bidang pendidikan ini tapi kita juga harus memberikan perhatian kepada mereka. Kemudian, kebersihan. YB Tuan Speaker, Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada usaha kerajaan negeri yang telah melantik, menyusun semula kontrak-kontrak kebersihan dalam negeri Selangor dengan melantik KDEB untuk memainkan peranan secara menyeluruh dalam negeri Selangor. Dan saya telah pun melihat hasil awalnya di tempat saya sendiri di mana di tengah-tengah Bandar Baru Bangi baru-baru ini, pihak KDEB telah menurunkan jentera yang saya dimaklumkan mungkin hanya ada dua buah saja dalam negara (jentera *suction*) yang sangat kuat untuk membersihkan longkang yang apabila dibuat pembersihan di situ, kita mendapati mungkin tidak pernah diselenggarakan longkang itu selama berbelas-belas tahun. Jadi, ianya menyebabkan keadaan longkang itu begitu teruk, tersumbat teruk dan longkang ini pula berada di bahagian belakang hospital sahaja. Jadi perkara ini adalah satu perkara yang sangat tidak patut dibiarkan berlaku begitu lama dan KDEB telah pun menunjukkan prestasinya pada masa ini yang memuaskan. Juga sistem perparitan di mana banjir sering berlaku disebabkan oleh perparitan yang tidak sempurna dan ada benda-benda yang pelik yang berlaku. Contohnya di Sungai Ramal Luar, ada parit yang di dalamnya merentangi parit itu adalah saluran paip besar yang mengandungi kabel-kabel TNB. Saya dimaklumkan kabel TNB itu datang dulu, parit dibuat kemudian. Macam mana parit itu dibuat dengan merentangi kabel itu? Saya tidak tahu. Dan kabel yang besar ini tenggelam dalam parit itu dan menyekat pula aliran air disebabkan sampah sarap yang tersangkut pada paip itu. So, benda yang sangat tidak patut berlaku di situ bertahun-tahun lamanya masih lagi belum diperbetulkan. Mungkin sekarang ini lepas kita ada dua kerajaan (dua peringkat kerajaan) dalam satu pakatan yang sama, kita boleh menyelesaikan perkara-perkara ini. Akhir sekali, (masa tidak mengizinkan) adalah berkenaan dengan projek Indah Water Konsortium (IWK) Hulu Langat di mana kita membuat semula (kerajaan membuat penyusunan semula) sistem pembetungan. Ini satu projek yang besar yang apabila setiap plak (*insyallah*) sangat bermanfaat kepada penduduk Hulu Langat termasuklah Sungai Ramal, tetapi semasa projek ini sedang berlaku begitu banyak sekali kacau ganggu yang berlaku, jalan-jalan yang rosak dan juga kedai-kedai. Contohnya kedai yang membuat *balancing* tayar tidak dapat buat *balancing* sebab kedai itu sendiri sekarang tidak *balance* lagi kerana selepas kerja-kerja IWK menyebabkan gegaran yang kuat itu, kedai itu sendiri retak dan sebagainya sehingga dia punya *machine balancing* pun tidak boleh pakai lagi dah. Dan *business* mereka terjejas dengan teruk. So, perkara-perkara inilah yang sangat merunsingkan dan perlu kita lihat. Dalam tempoh yang terdekat ini, setakat itu sahaja dahulu yang saya dapat utarakan bagi pihak para pengundi saya di Sungai Ramal. Terima kasih di atas peluang yang diberikan ini dan saya (Sungai Ramal) dengan ini menyokong titah ucapan dan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput YB Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Selamat petang dan salam sentosa dari pengundi-pengundi DUN Sentosa. Terima kasih YB Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada YAB Menteri Besar Selangor (Tuan Amirudin Shari – ADUN Sungai Tua) *very young and characteristic leader* dan juga ucapan tahniah kepada semua Exco-Exco yang dilantik. Berdirinya saya di Dewan yang mulia ini adalah tidak lain kerana kemenangan pada PRU 14 yang lalu dengan majoriti sebanyak 38,106 undi berbanding dengan calon-calon lain yang hilang deposit. Terima kasih juga yang tidak terhingga kepada pengundi-pengundi di DUN Sentosa yang telah memberikan saya mandat untuk berada di Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker, Selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada Sidang Dewan semalam, saya berharap kerajaan negeri akan memberikan perhatian yang lebih khusus kepada program menghijaukan alam sekitar. Namun saya ingin memohon untuk menyelaraskan dan menyeragamkan kerja-kerja penyelenggaraan di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan/agensi lain seperti JKR ataupun Jabatan Pengairan dan Saliran. Hal ini adalah kerana sesuatu jalan atau longkang yang rosak atau memerlukan perhatian, tindakan yang diambil adalah terlalu lama kerana terdapat dua atau tiga agensi kerajaan yang terlibat dalam menangani isu sebegini. Saya percaya konsep menghijaukan alam sekitar ini haruslah sesuatu yang sejuk mata memandang, tetapi hakikatnya kebanyakan kawasan yang tidak diurus dengan baik akibat masalah ini. Kebanyakan longkang-longkang besar perlu di selenggara secara konsisten dan bukannya 6 bulan sekali Tuan Speaker. Secara langsung perkara ini mengundang kepada pembiakan nyamuk aedes dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan yang mulia, bandar Klang khususnya DUN Sentosa merupakan kawasan yang paling tinggi dengan kes wabak denggi. Laporan ini adalah terkini daripada Pejabat Kesihatan Daerah. Kita semua sedia maklum Bandar Klang ialah bandar diraja. Namun kita masih tidak mampu mengatasi masalah wabak denggi di bandar diraja kita. Saya percaya masalah ini adalah juga berpunca daripada sikap penduduk masyarakat kita sendiri. Maka dengan ini, saya harapkan penguatkuasaan yang serius harus ditekankan kepada mereka yang tidak menjaga alam sekitar kita. Tuan Speaker, Seterusnya, berkenaan dengan projek perumahan terbengkalai. Sejak kebelakangan ini, masalah ini telah berleluasa dan mengundang pelbagai masalah sosial seperti penagihan dadah, lubuk maksiat serta kes-kes yang tidak diingini. Saya sangat berharap ada gandingan bahu di antara pihak kerajaan dan PBT untuk menangani masalah ini dengan kadar segera. Tuan Speaker, Saya juga ingin memohon bantuan untuk membina sebuah dewan aktiviti khususnya di Taman Sentosa bagi menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan khususnya bagi masyarakat India. Hal ini adalah kerana daripada 51,601 pengundi di DUN Sentosa, daripada 45% adalah berbangsa India. Dan saya percaya satu *paradigm shift* (anjakan paradigma) dapat dilakukan melalui program-program kemasyarakatan dan memberi kesedaran kepada penduduk-penduduk sekitar DUN Sentosa dan untuk membina insan yang merangkumi

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

dari segi jasmani, emosi dan rohani. Tuan Speaker, Akhirnya, akhir kata *decision making*. *Decision making* (dengan izin) adalah amat mutlak. *We need to have the quality cavil* untuk menyelesaikan sebarang kemusykilan. Bercakap fasal apa yang dibentangkan oleh YB Sementa berkenaan dengan lembu-lembu dalam bandar. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB Exco Pandan Indah yang telah membantu memanggil mesyuarat dengan kadar segera untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan mendapatkan penempatan sementara di Johan Setia sampai menunggu persiapan kawasan ternakan Jabatan Veterinar di Olak Lempit. Saya dengan ini memohon menyokong serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Nampaknya masalah lembu lebih berat daripada manusia ya. Saya menjemput YB Dengkil. 5 minit.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Biasa yang *last* ni untung sabut timbul setengah jam. *Bismillahirrahmanirahim*. Terima kasih kepada YB Tuan Speaker. Assalamualaikum W.B.T. Saya ringkaskan. Saya menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tatkala Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ke-14. Saya tampil kali pertama selaku Ahli Dewan Negeri bagi kawasan Dengkil untuk mengambil bahagian dalam perbahasan demi mengangkat suara rakyat dalam dewan yang mulia ini. Tuan Speaker, saya menyahut dengan penuh taat setia akan saranan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor agar dewan yang mulia ini sentiasa memelihara, melindungi, mempertahankan juga menyanjungi Peraturan-Peraturan Tetap dalam dewan negeri Selangor dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan serta memberi penekanan terhadap nilai akaun, *ability, integrity* dan tadbir urus yang baik demi kepentingan rakyat Selangor dengan turut membahaskan persoalan dasar dan turut merencana dan melaksanakan program yang bakal memberi impak kepada negeri Selangor amnya dan Dengkil khususnya. Dalam pada itu, saya turut menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan senada atas titah Baginda Sultan bagi menzahirkan ucapan terima kasih kepada mantan Dato' Menteri Besar Selangor iaitu Yang Berhormat Bukit Antarabangsa atas jasa dan khidmat cemerlang beliau yang telah meletakkan ekonomi negeri Selangor pada tahap yang cukup cemerlang dengan menyaksikan pertumbuhan ekonomi negeri Selangor terus mengukuh apatah lagi negeri Selangor sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia pada 2017 sebanyak 23%. Lantas saya yakin dengan pelantikan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dan Gombak sebagai Menteri Hal Ehwal Ekonomi selaku kebanggaan negeri Selangor pasti mampu memacu ekonomi negara di peringkat nasional ke arah yang lebih baik, oleh itu, saya ucapkan tahniah Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan khidmat dan kerjasama tidak berbelah bagi demi rakyat Dengkil khususnya dan Selangor seluruhnya ke atas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan nafas baru iaitu Yang Amat Berhormat Sg. Tua. Saya yakin beliau mempunyai corak dan gaya kepimpinan tersendiri selaku bekas EXCO Belia terdahulu. Tuan Speaker, Dengkil selama ini merupakan kawasan tradisi atau *fake deposit*, dengan izin, jajahan di bawah UMNO Barisan Nasional. Suatu sisi terlalu ketinggalan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

biarpun berdekatan dengan pusat pemerintahan kerajaan Persekutuan namun syukur ke hadrat Allah SWT pada PRU ke-14 lalu, akhirnya, DUN Dengkil telah berjaya ditawan oleh Pakatan Harapan. Dari sudut demografi Dengkil berhampiran dengan kawasan sekitar seperti Nilai, KLIA dan Putrajaya yang merupakan komposisi perlambangan kemajuan ekonomi sama ada dari sudut pentadbiran di negeri Federal, dengan izin, dan dari sudut perindustrian. Oleh itu, selaku anak kelahiran Dengkil dengan peralihan ini atas hasrat menjadi suara keramat bagi masyarakat Dengkil, saya amat berharap pihak kerajaan negeri serta kerajaan Persekutuan dapat memberi fokus kepada pembangunan infra di kawasan Dengkil agar tidak ketinggalan di samping kerancangan pembangunan ekonomi dan masyarakat negeri Selangor. Saya memandang bahawa Dengkil bukan sahaja mampu menjadi *hub* baru bagi pembangunan industri malah dari sudut pembangunan pendidikan dan belia wajar diberikan perhatian kerana jika dilihat dalam kawasan Dengkil itu sendiri terdapat begitu banyak pusat-pusat pengajian sama ada awam dan swasta. Untuk terus diperkasakan agar Dengkil mampu menjadi *hub* keilmuan bagi seluruh negeri Selangor. Ini juga penting sebagai persediaan untuk negeri Selangor menjadi pemain utama dalam menghadapi Revolusi 4.0 sebagai sebuah negeri yang sememangnya telah melopori bidang perindustrian dalam negara Malaysia. Dan Dengkil dilihat mampu menjadi medan untuk dibangunkan jaringan perkembangan industri, kemajuan pendidikan dan pembangunan modal insan, sekali gus akan merevolusikan masyarakat di Dengkil agar menjadi masyarakat yang berdaya saing dan mendapati arus perkembangan masa.

Bercakap tentang menghadapi zaman serba baru, pendedahan awal perlu disemai dari akar dan membudaya masyarakat khususnya anak-anak Selangor. Saya mencadangkan agar ditambah program IPR yang memberikan penekanan khusus tentang pengajian ilmu *coding* kepada anak-anak seawal usia 5 tahun sejajar dengan hasrat Duli Yang Maha Mulia Sultan agar negeri Selangor terus mempunyai program berimpak sebagai persediaan menghadapi era *artificial intelligence*, dengan izin. Kerajaan negeri Selangor perlu meneroka dan mendepani bidang masa remaja kini antaranya menjadi negeri pelopor dalam bidang *e-Spot*. Semestinya Cyberjaya di bawah kawasan Dengkil mampu menjadi pusat kecemerlangan ini dan akhirnya akan membantu menjana peluang baru sama ada daripada pembangunan, masyarakat termasuk juga ekonomi. Yang terakhir, saya mohon kepada kerajaan negeri ada beberapa perkara di Dengkil yang harus ditangani, diberi perhatian secara kolektif, secara keperluan mendesak tentang isu MOT, tentang isu sekolah-sekolah, MOT ini nanti saya akan panjangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan isu jalan raya dan isu-isu yang berkaitan. Dan, akhirnya saya berharap kerajaan negeri di bawah Pakatan Harapan dapat mengangkat cadangan ini dan terus bekerja demi rakyat Selangor tanpa menghiraukan pembangkang yang kini terbukti melalui fasa penafian selepas kejatuhan akibat keburukan dan kerakusan mereka sepanjang pemerintahan yang lalu dan hari ini pula kita tidak putus, hari ini pula tidak putus-putus dengan fitnah .

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : bermain persepsi dan perkauman agama

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, pendekkan.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Ok

TUAN SPEAKER : Masa dah sampai.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Baik. Ya Tuan Speaker. Memetik kata-kata hikmat dari George Santayana, dengan izin, *those who cannot learn from history are doomed to repeat it*, yang bermaksud siapa yang tidak belajar daripada sejarah akan mudah untuk mengulangi kesilapannya. Dengan ini, saya menjunjung kasih menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Ok. *Bismillahirrahmanirrahim.*

TUAN SPEAKER : Sila, sila..silakan. *Giant Killer.*

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Pertama sekali, tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker atas lantikan sebagai Speaker. Tahniah kepada Dato' Menteri Besar, Tuan Amiruddin Shaari atas lantikan sebagai Menteri Besar Selangor yang baru. Tahniah juga kepada semua Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah dipilih oleh rakyat pada PRU yang ke-14 pada 9 Mei baru-baru ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengundi DUN Permatang yang telah memilih saya untuk menjadi wakil mereka. Ini lah kali pertama sejak 61 tahun tembok Barisan Nasional telah kita tembusi. *InshaAllah* saya cuba menggalas amanah ini sebaik yang mungkin. Pembinaan institusi keluarga yang kukuh pastinya memberi kesan kepada pembangunan masyarakat. Kawasan saya rata-ratanya B40 memerlukan pembinaan institusi keluarga yang kukuh agar pada masa hadapan, anak-anak ini tidak lagi berada dalam golongan B40 ini. Di sini faktor ekonomi memainkan peranan penting. *Alhamdulillah*, dengan adanya Inisiatif Peduli Rakyat daripada kerajaan Selangor telah banyak membantu zon utara kami. Kita bersyukur sebagai sebuah negeri yang peduli rakyat, kita mempunyai IPR yang diberi kepada rakyat Selangor namun kalau boleh memandangkan Malaysia sudah, di dalam kerajaan baru iaitu Malaysia Baru, jadi kita mengharapkan rakyat tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kerajaan dan cuba untuk mempunyai satu langkah ke hadapan di dalam menaikkan taraf ekonomi masing-masing. Tetapi kita kena ingat juga ada satu masalah, apabila anak-anak ini berada atau berhadapan dengan masalah ponteng sekolah, perceraian ibu bapa turut menyumbang kepada gejala sosial yang makin parah. Antara gejala sosial yang kita lihat di sini ialah gejala lumba haram di negeri Selangor diketahui umum sebagai satu gejala sosial yang amat meresahkan masyarakat dan pihak berkuasa. Apakah langkah proaktif kerajaan negeri Selangor untuk meredakan dan seterusnya menurunkan indeks gejala lumba haram dan mat rempit di negeri Selangor ini. Apakah langkah terbaik kerajaan negeri Selangor untuk membantu merealisasikan misi dan objektif litar lumba rakyat Kuala Selangor yang telah diketahui umum amat efektif dan berjaya. Meredakan gejala lumba haram dan

4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

mat rempit di daerah Kuala Selangor. Pada masa yang sama, aktiviti seperti *King of Tutty* dengan izin, dan *Sunday Main Longgok* di litar lumba rakyat Kuala Selangor berjaya melahirkan jaguh-jaguh juara lumba kebangsaan dan lebih membanggakan juara *Under Born* 150cc Asia iaitu Mohd Akid Bin Aziz yang berusia 18 tahun. Bersetuju juga dengan cadangan untuk menyelaraskan had umur minimum perkahwinan orang Islam lelaki dan perempuan di Selangor dengan menaikkan had minimum daripada 16 kepada 18 tahun memberi peluang kepada anak-anak ini untuk menikmati alam remaja semaksimum mungkin sebelum melayari alam rumah tangga. Kita juga tidak mahu mereka menyesal di kemudian hari. Seterusnya faktor alam sekitar merupakan satu perkara yang menjadi perkara yang dititikberatkan. Sudah banyak dibincangkan di dalam media sosial, seruan PBT dan diajar di dalam bilik darjah secara formal. Plastik boleh memberi kesan kepada alam sekitar secara fizikal atau secara pencemaran bahan kimia. Begitu juga sampah yang tidak diurus selia dengan baik. Di tempat saya juga, isu sampah ini memang menjadi satu isu yang cukup membimbangkan. Zon Utara Selangor seperti yang kita tahu adalah satu kawasan yang rata-ratanya petani dan nelayan. Baru-baru ini satu sesi soal jawab, saya bersama-sama dengan petani telah diadakan dan mereka bertanya dengan saya tentang insurans pesawah sebanyak RM3 juta seperti yang telah diumumkan di dalam Bajet 2018. Adakah ia akan dilaksanakan? Akhirnya, memandangkan masa juga berjaga-jaga, jadi, saya dengan ini menyokong dan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku seramai 35 orang Ahli Dewan Negeri telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negeri yang begitu prihatin dan menjalankan tanggungjawab dengan baik ya, ini budaya baru, dan saya harapkan prestasi sedemikian dapat terus dipertingkatkan dan dipertahankan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada ketua pembangkang kerana sehingga sekarang masih berada di sini. Saya ucapkan syabas, ini satu permulaan yang baik dan tidak lupa saya ucapkan tahniah dan syabas, satu pujian mesti diberikan kepada pihak kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama seluruh EXCO nya pun berada di sini. Saya ucapkan tahniah, dengan ini Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab semua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah selesai berbahas, maka saya menangguhkan dewan sehingga esok 5 September 2018 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 7.40 petang)